



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
SHAH ALAM**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK WAN SUHAIMI BIN ARIFFIN
MANTAN KETUA PUSTAKAWAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA,
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
SEBAGAI KETUA PERPUSTAKAAN UNIVERSITI
KEBANGSAAN MALAYSIA DAN SEJARAH PENUBUHAN PERPUSTAKAAN
HOSPITAL UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**FATIN NUR MARDHIAH BINTI MOHD NOOR
(2020844996)
NURUL AKHMA SYAHIRA BINTI CHE WIL
(2020827692)**

SEMESTER OKTOBER 2022 - FEBRUARI 2023

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	ii
PENGHARGAAN	iii
SENARAI ABREVIASI.....	iv
SINGKATAN NAMA	vi
RUJUKAN KATA.....	vii
BIODATA PENEMUBUAL	1
Penemubual 1	1
Penemubual 2.....	2
BIODATA TOKOH.....	3
PENGENALAN KEPADA TOKOH	4
1.0 PENGENALAN.....	4
2.0 ULASAN LITERATUR	7
3.0 TRANSKRIP TEMUBUAL	12
4.0 RINGKASAN.....	77
5.0 LOG TEMUBUAL	78
6.0 KESIMPULAN.....	81
7.0 RALAT	82
8.0 GLOSARI	83
9.0 INDEKS	85
10.0 RUJUKAN.....	87
11.0 LAMPIRAN.....	89
11.1 Biografi Tokoh.....	89
11.2 Diari Penyelidikan.....	90
11.3 Surat Kebenaran Penyelidikan.....	93
11.4 Surat Perjanjian Sejarah Lisan.....	94
11.5 Senarai Soalan.....	95
11.6 Gambar-gambar Berkaitan.....	101

ABSTRAK

Transkrip ini dihasilkan berdasarkan pengalaman seorang mantan ketua perpustakaan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), iaitu Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin. Temubual bersama beliau dimulai dengan pengenalan dirinya dan diikuti dengan latar belakang isteri dan anak-anaknya. Selepas itu, ia diikuti dengan pengalaman beliau sebagai ketua pustakawan dan sejarah penubuhan perpustakaan hospital UKM. Di dalam transkrip ini, ia memfokuskan tentang pengalaman beliau sebagai ketua perpustakaan dan sejarah penubuhan perpustakaan hospital UKM. Di dalam transkrip ini, ia menceritakan bagaimana bermulanya minat beliau untuk menceburi dalam bidang perpustakaan. Di dalam transkrip ini juga menceritakan bagaimana bermulanya penubuhan perpustakaan hospital UKM sehingga ia berjaya menjadi mercu kejayaan kepada UKM pada masa sekarang.

Kata kunci: Perpustakaan, hospital, Universiti Kebangsaan Malaysia, sejarah, pustakawan

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke Hadrat Ilahi dengan taufik dan hidayah serta dengan izin Allah S.W.T. Kami dapat menyiapkan penulisan transkrip ini dengan subjek IMR 604- Oral Documentation pada masa yang telah ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami dalam menghasilkan tugas kami “Transkrip Temubual bersama dengan Encik Wan Suhaimi Bin Arifin sebagai Mantan Ketua Perpustakaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Mengenai Pengalaman Beliau Sebagai Ketua Perpustakaan dan Sejarah Penubuhan Hospital UKM” dengan jayanya.

Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kami berikan kepada pensyarah IMR 604 - Oral Documentation, Encik Jafalizan Bin Jali yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, memberikan penerangan, pandangan dan advokasi yang sangat bermanfaat kepada kami dalam menghasilkan tugas ini dengan sempurna. Di samping itu, kelapangan masa yang diluankan kepada kami untuk menyemak segala tugas yang diberikan juga memberikan kami semangat dan motivasi untuk menyiapkan kerja kursus transkrip ini.

Jutaan penghargaan juga diberikan kepada Encik Wan Suhaimi Bin Arifin yang merupakan tokoh yang kami pilih dalam hasil kerja kursus penulisan transkrip ini. Segala kerjasama dan kelapangan masa yang diberikan untuk di temubual amat kami hargai serta sekaligus memenuhi keperluan untuk subjek ini. Segala komitmen dan usaha yang diberikan semasa di temubual amat kami hargai dan sanjungi.

Tidak lupa juga kepada ibu bapa kami serta ahli keluarga yang tersayang yang banyak memberikan motivasi dan dorongan yang merangsang agar kami meneruskan usaha dan perjuangan kami dalam medan ilmu khususnya dalam menyiapkan tugas ini. Kepada rakan-rakan perjuangan yang telah banyak membantu dan berkongsi idea, maklumat dan bertukar pendapat untuk memperbaiki kualiti kerja kursus kami serta dapat menghasilkan transkrip yang berilmiah dan bermanfaat. Tanpa bantuan sedemikian mungkin agak sukar untuk kami menyiapkan kerja kursus ini dengan jayanya.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

CGPA	Cumulative Gred Point Average
FRU	Federal Reserve Unit
GOT	Graduate On Time
IC	Identity Card
IT	Information Technology
ITM	Institut Teknologi MARA
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
KASEF	Kelab Setem dan Filateli
KP	Ketua Pustakawan
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KERAL	Key Performance Indicators
PA	Personal Assistant
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UMNO	Union Malaya National Organisation
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
US	United Stated

USM	Universiti Sains Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
UK	United Kingdom
VI	Victoria Institution
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia

SINGKATAN NAMA

Berikut merupakan singkatan nama yang telah digunakan dalam transkrip ini, iaitu :

BIL	SINGKATAN	RUJUKAN
1.	FNM	FATIN NUR MARDHIAH BINTI MOHD NOOR
2.	NAS	NURUL AKHMA SYAHIRA BINTI CHE WIL
3.	WSA	ENCIK WAN SUHAIMI BIN ARIFIN
4.	NBR	NADZIRAH BINTI BAKHTIAR
5.	NAF	NUR ALIA FARINA BINTI TOHIR


RUJUKAN KATA

Berikut merupakan rujukan kata yang terdapat dalam transkrip ini,

BIL	SINGKATAN	RUJUKAN
1.	Aaa	Ya
2.	Apatu	Apa itu
3.	Ape	Apa
4.	Camtu	Begitu
5.	Ni	Ini
6.	Gini	Begini
7.	Je	Sahaja
8.	Tu	Itu
9.	Lepas	Selepas
10.	Lepas tu	Selepas itu
11.	Ye	Ya
12.	Gini	Begini
13.	Pastu	Selepas itu
14.	Takde	Tak ada
15.	Sorang	Seorang
16.	Arwah	Allahyarham
17.	Heran	Hairan
18.	Citer	Cerita

BIODATA PENEMUBUAL

Penemubual 1



GAMBAR 1 : FATIN NUR MARDHIAH BINTI MOHD NOOR

NAMA : FATIN NUR MARDHIAH BINTI MOHD NOOR

ALAMAT : NO. 12, JALAN KEMAS, KAMPUNG KEMAS, 40100 KUALA KEMAS, NEGERI SEMBILAN

NOMBOR TELEFON : 016-2945678

EMEL : dhiaftnnur@gmail.com

PROGRAM : IM246

Penemubual 2



GAMBAR 2 : NURUL AKHMA SYAHIRA BINTI CHE WIL

NAMA: NURUL AKHMA SYAHIRA BINTI CHE WIL

ALAMAT: *15, Jalan Pahlawan 1, Taman Pahlawan, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

NOMBOR TELEFON: *011-2222-1234*

EMEL: nurulakhma021@gmail.com

PROGRAM: IM246



GAMBAR 3 : ENCIK WAN SUHAIMI BIN ARIFFIN

NAMA	Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin
TARIKH LAHIR	3 Mac 1961
TEMPAT LAHIR	Palekbang, Tumpat, Kelantan
ALAMAT	10, Jalan Pahlawan, 10000 Kuala Lumpur 011-2222 2222
NOMBOR TELEFON	011-2222 2222
BIDANG	Ketua Pustakawan

1.0 PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT amat penting dititikberatkan. Teknologi ini telah menguasai global ini dengan berleluasa. Hampir setiap orang menggunakan teknologi ini dan dengan teknologi jugalah menyebabkan kita boleh menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jari sahaja. Kemajuan ICT ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan juga negara. Sesuatu perkara yang dicipta atau diwujudkan pasti mendatangkan kebaikan serta keburukan. Menurut satu terbitan Universiti Teknologi Malaysia, teknologi maklumat digambarkan sebagai istilah yang timbul hasil penggunaan komputer, penyiaran, telekomunikasi dan rangkaian data. Tiga teknologi asas yang menyokongnya ialah perkakasan komputer, perisian komputer dan komunikasi data. Teknologi maklumat terhasil daripada gabungan teknologi elektronik mikro, telekomunikasi dan komputer yang berkaitan dengan penerimaan dan penyampaian maklumat seperti perkataan, gambar, bunyi dan nombor kepada pengguna secara elektronik (FSKSM,UTM, 2010).Keseluruhannya, pengurusan maklumat atau Information Management merujuk kepada bidang Social Science yang mempunyai pelbagai pecahan cabang dan berlainan seperti Kepustakawanan, Arkib, Rekod dan IT yang berkaitan dengan pengurusan maklumat.

Sistem Maklumat dirujuk sebagai sistem jenis sosio-teknikal (Essays, 2013). Ini bermaksud, sistem maklumat adalah kombinasi beberapa elemen seperti manusia, data, perkakasan, perisian, rangkaian dan prosedur yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi menyediakan maklumat yang berguna kepada pengguna (Vermaat, Sebok, Freund, Campbell, & Frydenberg, 2016).Bagitujuanmembangkansuatusistem,aspek sosialjuga perlu diberikan perhatian sistem pengurusan maklumat tidak hanya berkaitan dengan teknologi semata-mata. Kejayaan sistem maklumat bergantung kepada pelbagai faktor dan dibina secara sosial yang mana tertakluk kepada pandangan pihak pemegang taruh. Malah Hevner et al. (2004), Finch & Olson (2003) dan Bikram & Himanshu (2013) membuktikan bahawa salah satu faktor kritikal kejayaan sesuatu sistem pengurusan maklumat adalah faktor budaya dan persekitaran sistem ini dibangunkan.

Memandangkan Sistem Pengurusan Maklumat serta Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) merupakan suatu penentu utama dalam proses pembangunan bagi meningkatkan ekonomi dalam rangkaian ini, usaha telah dipergiat untuk mengutamakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan sistem pengurusan Maklumat secara meluas serta

menggalakkan penerimaan dan penggunaan. Sistem ini yang lebih menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian.

Disamping itu, perpustakaan juga melibatkan komunikasi maklumat yang berkait dengan sistem pengurusan maklumat yang menitikberatkan komunikasi maklumat dalam pelbagai hala. Perpustakaan memberikan keutamaan kepada pengguna kerana penggunaan memperoleh maklumat dengan lebih terperinci berkaitan pelbagai bahagian yang menjadi suatu maklumat penting di masa kini dan akan datang. Perpustakaan bertanggungjawab menguruskan sumber maklumat, memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan menyediakan kemudahan yang kondusif kepada pengguna. Kini, perpustakaan terutamanya perpustakaan akademik menghadapi cabaran untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan terutamanya dalam memberikan maklumat yang dikehendaki pengguna dalam masa yang ditentukan.

Sejarah Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan dibawah Akta Perpustakaan Negara (Akta 80) 1972. Akta ini dipinda pada tahun 1987 Selaras dengan perkembangan perkhidmatan Perpustakaan dan maklumat di Malaysia. Seterusnya, terdapat beberapa objektif penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia seperti menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan, memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara, dan mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan Perpustakaan.

Pada tahun 1956, merupakan satu detik sejarah kerana Malayan Library Group (MLG) telah menghantar satu memorandum Public Library Services for the Federation of Malaya dan telah mencadangkan penubuhan satu Lembaga Perpustakaan Negara yang akan mempunyai kuasa-kuasa eksekutif bagi menyediakan perkhidmatan awam pada peringkat kebangsaan dan menyediakan asas bagi memulakan satu Perkhidmatan Perpustakaan Negara.

Dalam usaha ke arah penubuhan Perpustakaan Negara telah digerakkan oleh beberapa badan profesional, persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Perpustakaan Malaysia, Persatuan Ikhtisas, swasta dan orang perseorangan.

2.0 ULASAN LITERATUR

Pendahuluan

Tinjauan literatur ialah satu penulisan akademik yang mengkontekstualisasikan dan menunjukkan pengetahuan tentang kesusasteraan akademik mengenai subjek tertentu. Ia dianggap sebagai tinjauan literatur dan bukannya laporan literatur kerana ia juga melibatkan penilaian kritikal terhadap sumber. Melalui tinjauan ini, segala maklumat akan diambil dari kajian lepas seperti artikel, jurnal, buku dan lain-lain. Dengan adanya tinjauan ini, kita akan dapat menilai perubahan ke atas sesuatu perkara dan keadaan ini akan menjadikan penyampaian maklumat akan lebih berkesan.

2.1 Perpustakaan

Perpustakaan merupakan institusi ilmu atau maklumat yang menyediakan pelbagai bidang yang ada di Malaysia mahupun di luar negara. Maklumat atau biasanya disebut sebagai informasi, wujud hasil daripada pemprosesan, pengumpulan dan penganalisan data bagi menambah pengetahuan penerima maklumat. Ciri-ciri maklumat haruslah relevan, boleh dipercayai, boleh difahami, lengkap, tepat serta dapat membantu mengurangkan kapasiti. Data tidak dianggap sebagai maklumat sekiranya dikatakan sudah lapuk atau bercanggah dengan kehidupan kini, tidak jelas dan tidak lengkap (Smart Sarawak, 2021). Di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia merupakan yang terawal dibina iaitu pada tahun 1966. Cadangan penubuhan perpustakaan ini digerakkan oleh The Malayan Library Group melalui satu memorandum yang telah dikemukakan pada tahun 1956. Pada tahun 1962, Yayasan Lee telah menyumbangkan sebanyak RM500,000.00 untuk penubuhan institusi tersebut. Pada tahun 1966, jawatankuasa institusi tersebut berjaya diluluskan dan pengerusi pertamanya ialah Tan Sri Jamil Rais, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. Perpustakaan Negara Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah unit bawah Arkib Negara untuk melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966 dan ditempatkan di Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya. Pada tahun 1972, perkhidmatan telah diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan rujukan dan beroperasi di Tingkat 6, Bangunan UMBC di Kuala Lumpur. Pada 16 Disember 1994, Perpustakaan Negara Malaysia telah dirasmikan dengan memperolehi bangunan sendiri di Jalan Tun Razak.

2.2 Arkib

Arkib merupakan satu institusi penyimpanan rekod umum, naskhah-naskhah dan dokumen-dokumen sejarah sesebuah negara (Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Arkib Negara Malaysia ditubuhkan pada 1 Disember 1957 yang pada masa itu dikenali sebagai Pejabat Rekod

Awam. Pada tahun 1963, ia mula ditukar nama kepada Arkib Negara Malaysia. Pada tahun 1966, akta Arkib Negara No. 44 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan pada tahun yang sama, bangunan Arkib Negara Malaysia di Petaling Jaya telah dirasmikan. Pada tahun 1982, institusi ini berpindah ke bangunan baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Akta Arkib Negara iaitu akta 629 telah diluluskan pada tahun 2003. Setahun kemudian, institusi ini telah diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Pada tahun 2006, bangunan Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dirasmikan. Pada tahun 2011, Arkib Negara Malaysia cawangan Pahang memulakan operasi dan pada tahun 2013, institusi ini diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tugas arkib juga ialah mengesan, mengumpul, menyimpan dan memelihara sebarang rekod dan maklumat yang mempunyai nilai kebanggaan dan sejarah yang tinggi sebagai khazanah warisan negara Malaysia (Dewan Budaya, 2022).

2.3 Muzium

Muzium yang pertama di Malaysia ialah Muzium Perak di Taiping yang dibina pada tahun 1883. Muzium ini mempunyai keunikan tersendiri dari segi seni bina yang mempunyai pengaruh bangunan masyarakat ‘moor’ di India yang digabungkan dengan seni bina ‘neo-classical’ dan ‘victorian’ masyarakat Eropah. Penubuhan muzium ini dicetuskan oleh Sir Hugh Low iaitu Residen British ketiga pada ketika itu. Dengan penubuhan ini, beliau ingin menjadikan institusi tersebut sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pengumpulan bahan sejarah, budaya dan alam semulajadi. Muzium Negara pula sebuah adalah satu-satunya bangunan unik di Malaysia yang terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Rekaan bangunan ini adalah gabungan tradisional istana Melayu dan moden. Muzium Negara dibuka secara rasmi pada 31 Oktober 1963. Setiap penubuhan sudah pasti mempunyai visi, misi dan objektif. Visi Muzium Negara ialah untuk menjadi institusi permuziuman yang profesional 11 dan bertaraf global. Misinya pula adalah untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang permuziuman, memantapkan penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan serta meluaskan jaringan kerjasama pintar dengan institusi permuziuman global. Objektif muzium negara ialah menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara serta menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

2.4 Galeri

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), galeri merupakan bangunan atau bilik yang mempamerkan karya-karya seni. Galeria Perdana adalah inspirasi Perdana Menteri ke-4, Tun Dr.

Mahathir Bin Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Bte Mohd Ali. Galeria Perdana bertujuan menyimpan, mempamer dan berkongsi dengan orang ramai berkenaan pelbagai anugerah, cenderahati dan hadiah yang diterima dari Ketua-Ketua Negara, pemimpin-pemimpin dalam dan luar negara serta masyarakat Malaysia semasa pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri. Galeria Perdana telah dirasmikan pada 3 Disember 1995 dan dibuka orang ramai mulai April 1996. Bangunan ini merupakan gabungan 3 buah bangunan dua tingkat bersambung yang bercirikan senibina oriental. Muzium ini, yang meliputi 5.3 kilometer persegi, dihiasi dengan pelbagai karya seni, kraf, instrumen, barang kemas, cenderahati, senjata, dan lain-lain yang diperbuat daripada porselin, kristal, perak dan tekstil. Muzium ini, juga dikenali sebagai Galeri Sri Perdana, terletak berhampiran dengan beberapa lokasi menarik lain, termasuk Taman Alam Langkawi dan Air Terjun Durian Perangin. Struktur dua tingkat itu dibahagikan kepada tiga blok yang saling berkaitan dengan huruf A, B, dan C, masing-masing mengandungi antik yang unik.

Kerjaya Pustakawan

Perpustakaan merupakan satu institusi yang menyediakan maklumat dari pelbagai bidang. Di dalam perpustakaan, sudah pasti ada jawatan yang menyusun buku dan sebagainya. Jawatan tersebut ialah pustakawan. Tugas pustakawan ialah mengumpul, menyusun, memelihara dan mengurus sumber bacaan, maklumat dan pembelajaran dan mereka juga bertanggungjawab ke atas sumber maklumat dan inventori perpustakaan. Mereka menguruskan operasi harian perpustakaan selain mengkategorikan, mengeluarkan dan menjejaki aset bercetak dan digital. Mereka menjadikan perpustakaan boleh diakses oleh mereka yang layak untuk menggunakannya. Seorang pustakawan ditugaskan untuk menjalankan beberapa tugas yang dikaitkan dengan menyelenggara koleksi dan sumber perpustakaan. Untuk memenuhi keperluan pengguna perpustakaan, mereka boleh membuat 12 pesanan untuk pembelian dan menyelia pinjaman antara perpustakaan buku, jurnal, terbitan berkala, rakaman dan item lain. Mereka mungkin mengklasifikasikan sumber mengikut kaedah dan menjalankan audit berulang untuk mengekalkan jejak sumber maklumat yang tersedia. Seorang pustakawan boleh meminjamkan buku dan bahan lain sambil menjejaki peredarannya (Indeed Editorial Team, 2021).

Kepentingan

Perpustakaan Setiap institusi mempunyai kepentingan tersendiri. Kepentingan tersebut akan menjadi manfaat kepada pengguna yang menggunakan institusi. Kepentingan perpustakaan ialah pengguna dapat mengisi masa lapang. Dengan kehidupan yang semakin mencabar dan teknologi yang semakin canggih, jiwa dan fikiran seseorang itu akan mudah dipengaruhi lebih-

lebih lagi remaja kerana pelbagai kes yang timbul yang disebabkan mereka seperti lumba haram, melepak, merokok dan lain-lain. Dengan wujudnya perpustakaan, secara tidak langsung ia dapat memberi peluang dan ruang untuk pengguna memanfaatkan perpustakaan yang ada. Dengan pilihan buku yang pelbagai seperti majalah, buku perubatan, buku lanskap dan hiasan rumah dan buku ilmiah. Masa yang ada tidak akan terbiar begitu sahaja kerana melalui pembacaan, ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan mematangkan fikiran.

Kepentingan yang kedua ialah pengguna dapat menikmati kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Perpustakaan bukanlah satu-satunya tempat yang menyediakan ilmu, malahan ia juga tempat untuk berdiskusi dan menggunakan komputer yang disediakan untuk mencari maklumat. Tidak ketinggalan juga, wifi turut disediakan dan ianya percuma. Kemudahan yang disediakan akan dapat menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke perpustakaan. Di dalam perpustakaan seperti di universiti, ia mempunyai bilik untuk mengadakan perbincangan. Kesemua kemudahan yang ada perlulah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Penyediaan wifi menyumbangkan jumlah pengguna perpustakaan kerana mereka dapat mencari maklumat atau bahan lain dengan menggunakan internet.

Kepentingan yang ketiga ialah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pengguna. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (201), ilmu merupakan pengetahuan dalam perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Tidak kira apa-apa ilmu asalkan ia memberi manfaat kepada kita. Di dalam perpustakaan, terdapat pelbagai bahan bacaan yang boleh kita ambil sebagai ilmu sama ada daripada buku masakan, buku perubatan, buku menanam dan sebagainya. Tujuan perpustakaan ditubuhkan adalah untuk menyebarkan informasi kepada 13 yang muda atau yang tua. Ilmu perlulah dicari. Ilmu tidak akan datang dengan sendiri kepada kita. Kita sendiri perlukan inisiatif untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam diri. Sebab itu, perpustakaan berfungsi sebagai pusat ilmu dalam sesebuah negara. Melalui pembacaan, seseorang itu akan dapat membuat keputusan dengan tepat dan tidak terburu-buru kerana dapat berfikir dengan waras. Ia juga dapat mematangkan sikap seseorang itu. Jelaslah di sini bahawa penubuhan perpustakaan bukanlah sekadar bangunan sahaja tetapi ia merupakan pusat ilmu yang menyediakan pelbagai maklumat untuk semua orang.

Cabaran pustakawan

Sejarah menunjukkan peranan perpustakaan adalah sebagai pusat penyimpanan, arkib untuk manuskrip, bahan seni, dan dokumen penting. Di zaman pertengahan, buku dianggap khazanah yang amat bernilai dan terlalu mahal untuk sebarang individu memilikinya.

Kesannya, perpustakaan menjadi pusat menyimpan koleksi buku yang perlu dikawal dengan ketat. Sehingga kini, peranan perpustakaan dan kebergantungan masyarakat terhadap koleksi di perpustakaan telah pun berubah. Namun, kita telah berubah dari era di mana maklumat didapati amat kurang tetapi bernilai sehingga masa kini dimana maklumat amat luas dan mudah diperolehi dan diberi dengan percuma. Walaubagaimanapun, kita telah di zaman yang penuh kemajuan yang mana individu dan warga mencari sebarang maklumat hanya diujung jari sahaja melalui jaringan atas talian dan tidak lagi mengunjungi perpustakaan. Oleh sebab itu adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh perpustakaan pada masa kini.

Perkembangan teknologi maklumat seiring perubahan keperluan sosio-ekonomi dan budaya ilmu, mewujudkan cabaran yang perlu ditangani oleh pusat-pusat maklumat seperti perpustakaan dalam menyimpan maklumat yang banyak serta menyediakan dan menyalurkan maklumat tersebut dengan cepat, tepat dan mudah. Perkembangan teknologi internet memperlihatkan kemunculan pelbagai kegiatan online atau elektronik seperti e-government, e-education, e-learning dan tentunya e-library. Ledakan maklumat dalam era ini tidak memungkinkan sesebuah perpustakaan mampu untuk menyimpan ke semua maklumat atau bahan terbitan yang ada di dunia mahupun disesebuah negara. Walaubagaimanapun, pustakawan tetap berperanan dalam menyediakan akses kepada maklumat yang lengkap sama ada di dalam perpustakaan sendiri atau di tempat lain.

Cabaran dari segi kos pembiayaan infrastruktur. Sebagaimana inovasi lain yang memerlukan pelaburan, begitu juga dengan perpustakaan digital yang bukan hanya memerlukan komputer tetapi rangkaian internet dan server juga penting namun masih tidak mampu menampung kapasiti pengaksesan pengguna. Walaubagaimanapun, setiap perpustakaan perlulah mempunyai keperluan akses yang mencukupi untuk para pengguna terutama kepada pelajar yang amat memerlukan komputer, jaringan internet bagi memudahkan mereka mencari sebarang maklumat yang berkaitan. Masalah ini memang masih lagi berlaku dalam kalangan pelajar. Ini menyukarkan aktiviti pengaksesan maklumat perpustakaan digital yang amat kritikal buat pelajar. Adalah mustahil menyediakan prasarana yang lengkap untuk setiap pelajar di rumah masing-masing. Lazimnya juga, akses internet kawasan luar bandar atau yang jauh daripada Kuala Lumpur adalah kurang baik. Malah ia kadang kala lebih buruk jika menggunakan wifi. Masalah ini melibatkan pihak tertentu dan tidak mudah ditanganinya.

Penyelidikan lepas

Menurut artikel Wan Ab Khadir Wan Dollah, perpustakaan akademik juga mempunyai pautan ke sumber Internet, laman web, buku elektronik dan jurnal khusus untuk kegunaan

tertentu. Laman web khusus ini dianjurkan oleh pustakawan mengikut bidang subjek yang menggambarkan sumber dalam talian yang tersedia dan kursus yang ditawarkan di universiti. Perpustakaan akademik dalam kajian ini menawarkan perkhidmatan interaktif kepada penggunaanya. Perkhidmatan tersebut termasuk semakan status pinjaman dan denda terakru, pembaharuan dalam talian, pemerolehan baharu, tempahan buku bercaj, cadangan pembelian dan permintaan pinjaman antara perpustakaan. Antara perpustakaan terbesar ke-9 di dunia ialah The National Library of China, Beijing, China. Perpustakaan telah menyediakan pautan ke pangkalan data yang dilanggan seperti Perpustakaan Digital ACM, AIDSearch, ProQuest, Ebscohost, Pusat Maklumat Sumber Pendidikan (ERIC), dll. Sesetengah perkhidmatan terhad kepada komuniti universiti; mereka memerlukan penggunaan nama log masuk dan kata laluan yang sesuai, untuk sesetengah pangkalan data. Kesemua perpustakaan akademik dalam kajian ini turut menyediakan pautan kepada OPAC perpustakaan terpilih lain di dalam dan luar negara. (Kadir, Wan & Dollah, Kadir & Singh, Diljit. (2007).

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan perlu ditambah dan ditingkatkan secara berterusan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi sepanjang masa. Perpustakaan telah banyak memperkenalkan perkhidmatan atau inisiatif bagi memastikan kewujudan perpustakaan kekal dirasai oleh pengguna. Perkhidmatan atau inisiatif berterusan ini akan senantiasa digarap dengan berpanduan kepada peluang-peluang yang ada bergantung kepada peruntukan kewangan dan tenaga kerja yang tersedia. Bagi membantu perpustakaan menentukan perkhidmatan dan inisiatif yang ingin diperkenalkan, aspek-aspek seperti fungsi, cabaran, kekangan serta bentuk perkhidmatan perlu dititik berat bagi memastikan perkhidmatan dan inisiatif tersebut bermanfaat kepada pengguna.

3.0 TRANSKRIP TEMUBUAL

Individual yang ditemubual : Encik Wan Suhaimi Bin Arifin

Penemubual 1 : Fatin Nur Mardhiah Binti Mohd Noor

Penemubual 2 : Nurul Akhma Syahira Binti Che Wil

Tarikh Temubual : 17 Disember 2022

Tarikh Transkripsi : 26 Disember 2022

VIDEO 1 : SESI PERTAMA

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman seorang tokoh dalam bidang sejarah penubuhan perpustakaan hospital ukm. Bersama-sama kami ialah Encik Wan Suhaimi Bin Arifin merupakan mantan ketua pustakawan hospital UKM. Rakaman ini dijalankan pada tarikh tujuh belas Disember dua ribu dua puluh dua [17.12.2022] bersamaan dengan hari sabtu pada pukul 10:15 pagi bertempat di Perpustakaan Tun Sri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia. Temubual ini dikendali oleh Fatin Nur Mardhiah Binti Mohd Noor dan Nurul Akhma Syahira Binti Che Wil. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.

FNM: Hmm

(mencelah)

NBR: Kuatkan suara

FNM: Okey, objektif kami yang pertama ialah latar belakang tokoh okey. Bolehkah Encik Wan menceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri Encik Wan?

WSA: Okey. Nama saya Wan Suhaimi bin Ariffin. Saya berumur 61 tahun kan hmm dan-
dah pencen daripada UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi Malaysia] 3
Mac 2021 kan hmm. Saya dilahirkan di haa apa itu Palekbang [Tumpat, Kelantan].
Kalau dalam *identity card* [kad pengenalan] itu ia dipanggil Palekbang daerah lah
kan tapi sebenarnya Kampung Laut [Tumpat, Kelantan]. Hmm pada 3 Mac 1961.
Hmm latar belakang pendidikan hmm saya bersekolah rendah di Petaling Jaya--
sekolah rendah Sri Petaling [Sekolah Kebangsaan Sri Petaling, Selangor]. Lepas
tu, hmm sekolah menengah di *Victoria Institution* [Sekolah Menengah

Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur] dari 1974 (helaian kertas diselak) sampai tujuh puluh sembilan [1979]. Lepas tu, saya sambung di (bunyi helaian kertas) salah satu sekolah swasta lah, Yayasan Anda Akademik [Kuala Lumpur]. Hmm, selepas dapat STPM [Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia] pada 1981 (bunyi kertas) saya memohon masuk program *Library Science* [sains perpustakaan] di ITM [Dulu dikenali sebagai Institut Teknologi MARA. Sekarang dikenali sebagai UiTM iaitu Universiti Teknologi MARA] lah haa lapan puluh [1980] sesi lapan puluh - lapan puluh lima [1980 – 1985] kan.

FNM: Hmm jika tidak keberatan, bolehkah Encik Wan ceritakan tentang latar belakang keluarga?

WSA: Okey, hmm sa-ya anak sulung daripada tujuh beradik aaa tujuh beradik hmm apa itu hmm ayah saya me-mang berasal daripada Kelantan [Malaysia] lah. Ayah daripada Kampung Gerong [Tumpat, Kelantan] hmm Tumpat. Mak daripada Kampung Laut. Hmm semenjak umur tiga tahun, saya dibesarkan di Kuala Lumpur sebab ayah berhijrah kan. Hmm ayah bekerja sebagai apa dia panggil anti-mala apa pasukan Anti-Malaria Majlis Perbandaran Petaling Jaya [Selangor, Malaysia]. Mak saya surirumah lah. Hmm ayah nama dia Ariffin Bin Daud. Mak

Jadi saya dapat Wan tu daripada mak lah kan.

Kalau ikutkan hmm tapi orang Kelantan kan dia keluarga sa-saya baca lah keluarga mak itu lebih dominan kan.

NAS: Hmm

WSA: Kan apabila dan saya ini adalah anak aaa apa tu anak sulung pertama dan juga cucu pertama daripada keluarga sebelah mak dan keluarga sebelah ayah kan. Jadi apabila saya lahir tu, semua pakat berhimpun nak namakan saya kan. Pastu [selepas] dia orang kata aaa nama mula-mula Tengku Suhaimi kan. Pastu saya

bangun dan saya kata tak bolehlah Tengku. Wan dah lah kan. Itu yang dapat Wan itu kan.

FNM: Adik-beradik Encik Wan ada berapa?

WSA: Tujuh orang.

FNM: Tujuh hmm. Boleh namakan antara-

WSA: Aaa okey. Adik saya-saya yang pertama. Yang kedua Wan Zulkifli hmm apa itu hmm dua tiga hari lepas umur enam puluh tahun tapi dia dah meninggal lah sebab kes *covid* [*coronavirus* 19] kan hmm lepas tu yang ketiga Wan Azizah. Yang keempat Wan Norizan. Yang kelima Zulkamil dia pelik dia takde [tak ada] Wan. Hmm Zulkamil. Pastu yang keenam Wan Mohd Zakirudin. Yang ketujuh Wan Nur Farah Syahida. So [jadi], tujuh oranglah dan dia orang ini semua bukan duduk di Kelantan lah. Semua-tiga orang di Taiping hmm sorang [seorang] di bekerja di Hospital apa HUKM [Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras, Kuala Lumpur] kan haa tapi banyak-banyak di Perak [Malaysia] lah adik-beradik saya. Sorang yang jadi arwah [Allahyarham] duduk di Kelantan di Palekbang.

FNM: Boleh saya tahu Encik Wan dah berkahwin?

WSA: Hmm, dah berkahwin.

FNM: Dengan siapa?

WSA: (Ketawa kecil) Isteri saya hmm dia ustazah. Ustazah Hasyimah Binti Mat Yunus. Berasal daripada hmm Beris Kubur Besar [Bachok, Kelantan] kan dan hmm sekarang ini umur dia 53 tahun. Dia masih bekerja kan. Saya ada tiga orang anak perempuan. Yang sulung Wan Sarah Syazwani 25 tahun lepas tu [selepas itu] yang nombor dua Wan hmm dah bekerja. Dia bekas graduan daripada UMK [Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, Malaysia] bidang warisan. Yang nombor dua Wan Aisyah Samiha 22 tahun hmm tahun pertama di hmm Universiti Utara Malaysia [Kedah, Malaysia] bidang kewangan Islam hmm sebelum itu dia apa itu dapat diploma kewangan Islam daripada politeknik haa Sultan Idris Sabak Bernam [Selangor, Malaysia] kan. Lepas tu yang ketiga Wan Adreen Shahira 20 tahun hmm sekarang ini pelajar tahun satu. Program apa saya tak ingat lah nama Arab susahlah hmm apa tu kan tapi dia-dia *eager* [bersemangat] nak jadi peguam syarie hmm tiga-saya ada tiga orang anak perempuan kan. Belum ada menantu belum ada cucu kan.

FNM: Encik Wan ingat tak tarikh perkahwinan Encik Wan dengan isteri?

WSA: Hmm 19-19 Ogos 1996. 19 Ogos, cuti sekolah masa tu. 19 Ogos 1996. Saya dapat anak sembilan puluh lapan - sembilan puluh enam -1998 [1998-1996-1998].

FNM: Di mana Encik Wan kenal dengan isteri?

WSA: Oh saya kenal di Pantai Dalam [Kuala Lumpur] kampung saya lah hmm kampung saya. Dia aaa apa asrama dia di situ di Pantai Dalam dengan isteri saya belajar hmm apa tu Fakulti Usuluddin Universiti Malaya [Kuala Lumpur, Malaysia] kan. Saya kenal kat [dekat] situ lah hmm Pantai Dalam.

(senyap seketika)

(bunyi helaian kertas diselak)

FNM: Hmm selepas Encik Wan tamat STPM, Encik Wan meneruskan pelajaran di mana?

WSA: Di UiTM [Universiti Teknologi Mara. Dulu dikenali sebagai ITM]. *Diploma Library Science* [Sains Perpustakaan]. Pada masa tu, ia dipanggil *Diploma Library Science*. Tapi, setaraf ijazah. Saya memang hmm apa itu mohon untuk jadi *librarian* [pustakawan] lah memang. Pilihan pertama *librarian* hmm sains perpustakaan pilihan kedua sains perpustakaan. Pilihan ketiga juga sains perpustakaan. Saya rasa pilihan keempat itu baru je [sahaja] hmm *masscom* [Komunikasi dan Pengajian Media] atau pun *law* (undang-undang) saya tak ingat aaa okey.

FNM: Hmm apakah subjek kegemaran Encik Wan semasa sekolah dulu?

WSA: Sekolah ke hmm di-

FNM: Zaman sekolah.

WSA: Aaa sekolah saya suka kertas am mata pelajaran, kertas am tingkatan enam kan hmm sebab yang mengajar itu Anwar Ibrahim [Kini Perdana Menteri Malaysia yang ke-10], Perdana Menteri sekarang ni aaa. Cikgu saya itu Anwar Ibrahim okey. Tapi, masa hmm di UiTM aaa mata pelajaran yang paling saya minat *cataloging* [pengkatalogan]. Saya tak tahu sekarang ini dipanggil apa *Information Retrieval* [pencarian maklumat] ke apa benda kan tapi *cataloging* lah. Sebabnya, hmm pensyarah dia ibu-ibu Hasnah itu orang Indonesia itu, dia garang tapi dia

dengan saya tak garang aaa itu yang saya heran [hairan] itu. Rupanya Jawa suka orang Kelantan (tergelak kecil). Itu orang Jawa dia kata banyak persamaan orang Jawa dengan haa orang Kelantan. Makanannya manis kan haa dia kata orang apa orang Jawa perempuannya lawa-lawa, sama jugak dengan orang Kelantan perempuan lawa-lawa. Tapi, orang lelaki dia macam tongkang pecah (tergelak kecil) okey.

FNM: Semasa sekolah dulu, apakah kenangan manis yang Encik Wan tidak dapat lupakan?

WSA: Di-apa sekolah di mana?

FNM: Di sekolah ke di universiti ke.

WSA: Aaa okey kalau di hmm sebenarnya hmm kalau di apa hmm semasa belajar di VI [Victoria Institution] itu saya suka sebab sekolah saya itu ada kolam renang kan saya belajar berenang. Jadi walaupun saya ini aaa duduk di Kuala Lumpur tapi saya boleh berenang. Jadi, kalau saya balik Kampung Laut itu, saya boleh berenang dalam sungai kan. Adik-adik saya tak [tidak] boleh. Saya boleh sebab sekolah saya memang ada kolam renang. Satu lagi, saya suka sekolah VI itu kenangan manis lah kalau waktu petang itu kita ada aktiviti tukar-tukar setem sebab sebab VI ada kelab setem. Sekarang ini, dipanggil KASEF, Kelab Setem dan Filateli kalau di sekolah kan. Time [Masa] tu kan semua sekolah ada tapi sekolah VI memang ada. Jadi, apa minat saya mengumpul setem memang dari sekolah lagi kan. Kalau aaa semasa di tingkatan enam, kenangan manis saya dilantik sebagai hmm ketua perpustakaan lah dan sebagai Exco Pelajar kan. Anwar Ibrahim lantik saya pada aaa tingkatan enam atas tu saya dah jadi ketua perpustakaan, jadi exco pelajar haa dari situlah minat saya pada *library science* tu bermula. Sebab pada masa itu masa--sebagai ketua perpustakaan hmm Yayasan Anda itu, sa-saya dah di-diajar beli buku. Dia bagi duit dua ratus [RM200], tiga

ratus [RM300] sebulan. Saya pergi ke Taman Kompleks beli buku itu untuk pelajar kan. Sampai saya bekerja pun, 25 tahun saya buat kerja beli buku, pustakawan perolehan kan aaa tu aaa itu kenangan saya rasa kenangan manis lah hmm di sekolah okey.

FNM: Hmm, boleh saya tahu Encik Wan pernah melanjutkan pelajaran di luar negara?

WSA: Aaa selepas ambik [ambil] haa apa itu, ia ada selepas saya haa habis diploma saya bekerja tiga bulan di Dewan Bahasa dan Pustaka kan hmm bulan sepuluh kita orang grad bulan lima bulan enam begitulah kan. Lepas tu, hmm saya antara orang yang terawal yang bekerja dapat-dapat tawaran bekerja di Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai hmm *Documentation Librarian* [Pustakawan dokumentasi] kan. Saya *scan* [imbas] surat khabar itu buat *index* [indeks] surat khabar. Saya hanya bekerja tiga bulan sahaja sebab sebelum tu semasa tahun di tahun akhir itu, saya telah memohon biasiswa JPA [Jabatan Perkhidmatan Awam] untuk melanjutkan pelajaran kan. Kita dapat buat *trofeu* [trofi] di UPM [Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor, Malaysia] kan. Jadi, aaa semasa saya bekerja itu hmm bukan sebelum saya bekerja itu saya dah dapat tawaran biasiswa kan. Jadi saya bekerja tiga bulan, bulan-bulan sepuluh sampai Disember haa 1985 [tahun], saya melepaskan jawatan dengan izin. Saya pergi buat sarjana dan saya pilih US (United States) sebab-sebab kalau kita banding dengan UK (United Kingdom), US teknologi dia lebih-lebih apa itu lebih tinggi pada masa itu kan. Satu lagi, terlalu ramai dah pelajar yang pergi ke UK hmm jadi kerajaan masa itu galakkan kita pergi US ataupun New Zealand ataupun Australia tapi saya pilih US lah kan aaa. Haa saya haa dan saya pergi pada sat-6 Januari 1986 sehingga September 1987. Saya memang buat program sarjana lapan belas bulan [18] hmm kalau istilah sekarang hmm GOT, *Graduate On Time* kan. Saya tak tambah-tambah masa. Memang betul-betul kan kita—Lapan belas Bulan bulan saya balik kan hmm.

FNM: Apakah pencapaian tertinggi yang Encik Wan pernah capai? Contohnya di sekolah rendah, sekolah menengah.

WSA: Itulah yang saya rasa. Kalau sekolah rendah, saya rasa dah saya buat hmm apa itu ia panggil hmm penilaian darjah lima itu saya dapat dapat saya tak ingat berapa 4A 1B ke dan saya terpilih ke *Victoria Institution* kan hmm apa terpilih-dipilih masuk ke VI tu.

FNM: Bila Encik Wan terpilih hmm

WSA: Tujuh puluh tiga ke tujuh puluh empat [1973-1974] gitu lah haa masuk sekolah menengah haa di *Vic-Victoria Institution* itu kan. Tujuh puluh empat [1974] rasanya habis darjah enam kan dan kalau pencapaian di sekolah di universiti tu lah saya dapat sarjana kan. Masa itu umur saya masa saya umur 26 tahun. Saya dapat sarjana masa *Library Science* tu paa-umur saya 26 tahun. Ok aaa rasanya 26 tahun kan grad daripada ITM aaa 85 [1985], 24 24 tahun. 26 tahun saya dapat *Masters* [peringkat pengajian].

FNM: Hmm berapa pelajar Malaysia yang belajar yang sama dengan universiti di luar negara?

WSA: Macam mana?

FNM: Berapa ramai pelajar Malaysia yang belajar yang sama dengan universiti di luar negara?

NAS: Universiti yang sama dengan Encik Wan belajar.

WSA: Uish ramai. Masa itu ramai. Sa-saya rasa beratus orang tapi kebanyakannya buat aaa apa itu *engineering* [kejuruteraan]. Hmm *engineering* kan. Pelajar PhD [Doktor Falsafah] pun ada dua tiga orang. Masa itu, *scholarship* [biasisiwa] banyak kan. Contoh, kelas saya tiga ada tiga puluh orang. Saya rasa lebih separuh dapat biasiswa. Tapi yang pergi hanya lelaki, perempuan nak kahwin. Sibuk nak kahwin kan aaa. Dia ma-masa itu banyak biasiswa. Tak macam sekarang terpilih kan. Masa tu, asal you [awak], CGPA [*Culmulative Grade Point Average*] 3.0 ke atas dan kalau you kena pergi aaa ke US itu tak boleh buat *first degree* [ijazah pertama] lagi. Mesti terus buat sarjana aaa itu yang saya dapat itu kan. CGPA mesti 3.0 ke atas.

(senyap seketika)

FNM: Siapakah antara kawan-kawan yang Encik Wan rapat sehingga sekarang?

WSA: Aaa masa saya kata kalau apa itu kalau yang daripada yang sama-sama belajar kat Syracuse [Syracuse University, New York, United States] itu ada sorang lah. Hmm di-dia agak *junior* [lebih muda] lah kan aaa tetapi dia hmm *majoring engineering* [pengkhususan kejuruteraan] tetapi dia balik masa itu takde [tak ada] kerja kan. Dia jadi cikgu Inggeris di-di Kelantan. Cikgu Nazifi lah kalau-kalau yang-yang Syracuse tak ramai lah yang balik sebab hmm rapat pastu kalau saya ada *group-group* [kumpulan] aaa Yayasan Anda memang saya ada *group* aaa apa itu saya aktiflah dalam kumpulan Yayasan Anda itu. Kalau dia ITM [Institut Teknologi Mara], memang kami ada *group* UiTM kan itu aaa nak kata rapat tak rapatlah tapi selalulah jumpa hmm okey.

FNM: Bolehkah kami tahu siapakah nama kawan rapat Encik Wan?

WSA: Hmm saya panggil dia Cikgu Nazifi, Nazifi apa nya abang dia itu Nazifi bin apa nya Nazifi-- Saya tak ingat. Saya tahu JP [panggilan nama Nazifi] aaa j-j-j Nazifi. Abang dia jadi ketua setiausaha kementerian pendidikan, Datuk--boleh saya bagi kemudian tak? Saya tak ingat nama dia.

FNM: Haa

NAS: Takpe (Tak apa)

WSA: Nama dia dalam ini pun saya panggil JP *Syracuse* je. Aaa Nazifi.

NAS: Jadi, aaa kiranya Encik Wan berkawan baik ma-sampai sekaranglah dengan kawan Encik Wan?

WSA: Haa ya-ya betul. Kami--kalau saya balik Kelantan, ada dua lah kawan yang rapat aaa Cikgu Nazifi ini dengan Tuan Zainal. Tuan Zainal aaa dia-dia sekarang ini sebagai Yang Di-pertua Majlis Yang Di-pertua Majlis Perbandaran Kota Bharu, Tuan Zainal aaa bersama belajar kat US lah tu aaa.

FNM: Adakah kawan Encik Wan tu sama kos dengan Encik Wan?

WSA: Ohh tak tak. Tuan Nazifi ini aaa Tuan Zainal ini dia rasanya ekonomi. Tuan Zainal-Tuan Zainal-Zainal Abidin, orang Pasir Mas [Kelantan, Malaysia] ini. Tuan Zainal dia memang orang Pasir Mas lah kan. Cikgu Nazifi keja ehh Nazifi.

(bunyi penghawa dingin)

FNM: Kawan Encik Wan tu aaa universiti mana?

WSA: Yang mana? Dua orang ni?

FNM: Aaa.

WSA: Dua-dua aaa dua-dua daripada *Syracuse* lah. *Syracuse University*.

NAS: Aaa

FNM: Kira Encik Wan kenal dengan dia orang?

WSA: Di-di-di-di *Syracuse* lah. Aaa di *Syracuse*. Geng-geng [kumpulan] Kelantan kan. Ore [orang] Kelate [Kelantan] ini apa assabiyah. (Semua ketawa kecil). Kan dia-dia aaa– (tidak jelas). Contoh Cikgu Nazifi itu sama baya dengan isteri saya. Makna saya beza--saya datang sana saya buat *Masters* kan dah-dah tua lah kan. Aaa tapi dia orang ini--oleh kerana kita sama-sama Kelate kei (kan), jadi-jadi aaa rapatlah kan. Kebetulan Cikgu Nazifi ini abang dia pun buat *Masters* di aaa *Buffalo-Buffalo University* kan. Kalau cuti je (sahaja), kita orang pergi rumah abang dia kan. Aaa abang dia tu pekat cakap Kelantan walaupun isteri orang Pulau Pinang [Malaysia]. Ooo, dio kato abe baru kelik daripada Toronto, cari petai nga tempoyok dio kato [Ooo, dia cakap abang baru balik daripada Toronto, cari petai dengan tempoyak dia kata]. (Gelak besar). Orang Kelantan. Pergi Toronto [Kanada] dari *Buffalo* itu, *Buffalo* itu bandar sempadan lah. Dia pergi Toronto cari-

petai dengan tempoyok [tempoyak]. Sana ada kedai apa Siam kan. So, (ketawa)
aaa okey.

FNM: Boleh saya tahu cita-cita Encik Wan semasa kecil (kecil)?

WSA: Okey. Kalau-kalau ikutkan cita-cita nak jadi *pilot* (juruterbang) kan. Ta-pi tingkatan lima ada-. Kalau ikutkan, sa-saya selalu baca yang saya ini ada ketinggian apa itu kan aaa itu kan. Jadi, nak jadi askar, nak jadi *pilot* kan. Tapi, yelah [yalah] SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] saya MC [*medical certificate*] saya teruk hmm okey aaa.

FNM: Apakah hobi Encik Wan Ketika waktu lapang?

WSA: Saya suka mengumpul setem aaa daripada kecil daripada ting-darjah empat saya kumpul setem. Lepas tu, masuk sekolah VI ada apa ada-ada kelab Filateli sekolah kan. Lepas tu, apabila dah [sudah] berumur ini sekarang ini kan mata pun tak berapa nampak saya suka kumpul duit lama kan hobi. Satu lagi hobi saya, saya suka bela ayam serama. Bela sahaja. Ada berpuluh ekor tapi tak jual. Bukan untuk bertanding lah. Bela je saya suka.

NAS: Hmm...

WSA: Hmm saya suka ayam serama sebab apa tahu bila kita balik kerja kan *stress* [tekanan]. Tahulah jaga manusia ini pening. Kerja tak payah tapi jaga orang *problem* [masalah]. Macam-macam manusia. Macam-macam perangai. Kalau saya, contohnya masa masuk tadi kan kalau saya tak benarkan dia orang bawak anak kat pejabat. Tapi, aaa tu salah satu. Sebab susah kalau kita--kita kena berlaku

adil. Kena ikut peraturan tapi kalau semua tak ikut, kita nak tegur orang lain pun tak boleh. Tapi, kat sini budaya dia. Cuti sekolah Sabtu, Ahad bawak anak kat pejabat. Saya tak suka. *You* [awak] kena ingat bila esok kerja kan tak boleh tahu bawak anak kat pejabat. Tengok masa PKP (perintah kawalan pergerakan) kan, dulu tak dibenarkan bekerja, datang jaga anak sebab apa itu *kindergarden* [tadika] pun tak bukak [buka] kan. Tempat asuhan pun tak bukak. Jadi, itu lah. Jadi, saya suka bela ayam itu kerana aaa untuk hilangkan *stress*. Saya balik kan saya main dengan ayam dan aaa.

FNM: Encik Wan cakap tadi aaa Encik Wan suka mengumpul setem. Adakah Encik Wan mengumpul setem sambil menjual?

WSA: Dulu saya kumpul kan. Dulu saya kumpul. Tapi sekarang ini sejak pkp, saya jual aaa saya jual. Memang boleh dapat duit lah. Memang ada orang beli setem aaa.

NAS: Hmm, Encik Wan cakap Encik Wan juga suka mengumpul duit lama. Jadi, duit lama tu Encik Wan suka sekadar untuk hobi atau pun menjual?

WSA: Tak-tak. Hobi-hobi aaa. Duit lama itu memang hobi sebab aaa setem itu kecil kan. Duit itu duit besar hmm. Contoh, saya pernah pergi umrah aaa apa itu (ketawa kecil) aaa pergi umrah 2019 baru ini. Satu family [keluarga] pergi kan (bunyi selakan kertas). Orang pergi makan nasi arab semua tapi saya tak daripada-daripada satu *money changer* [pertukaran wang] ke satu *money changer* saya pergi kat Mekah [Arab Saudi] itu. Saya ambil duit Arab. Hmm saya jugak jumpa kawan daripada aaa Algeria [Afrika Utara] yang sama-sama aaa mengumpul duit. Jadi, kami jadi baik hmm tukar-tukar duit kan. Dia hantar duit Algeria, saya hantar duit Malaysia kat dia aaa di Mekah saya jumpa dia. Hmm, jumpa di *money changer* lah aaa okey. Okey seterusnya.

FNM: Apakah pekerjaan Encik Wan selepas bersara?

WSA: Takde [Tiada] kerja apa. Memang duduk rumah je. Aaa saya tak-tak-tak bekerja lah. Cuma saya aktif dalam persatuan aaa setem Malaysia, Persatuan Filateli Malaysia sebagai exco bermula tahun ini lah saya jadi exco dan sebenarnya dia lantik saya jadi exco tu untuk *manage library* [menguruskan perpustakaan] dia. Tapi, saya tengok teruklah *library* [perpustakaan] dia itu. Mungkin saya nampak kerjasama lah dengan Mungkin saya nak buat kerjasamalah dengan-dengan fakulti untuk-unut *manage* perpustakaan aaa apa itu kelab filateli hmm Malaysia kan aaa.

FNM: Tahun bilakah Encik Wan sertai kelab itu?

WSA: Ohh saya ahli seumur hidup.

NAS & FNM: Ooo

WSA: Saya tak ingat bila tapi saya ahli seumur hidup persatuan filateli Malaysia. Tapi baru aktif aaa jadi exco itu selepas saya pencen.

(senyap seketika)

(bunyi helaian kertas diselak)

WSA: Okey.

NAS: Jadi aaa saya akan beralih kepada sejarah penubuhan perpustakaan perubatan di UKM. Tapi sebelum itu saya nak tanya Encik Wan hmm Encik Wan tahu tak sejarah penubuhan perpustakaan di Malaysia?

(bunyi penghawa dingin)

WSA: Saya tak ingat. Kita dulu ada buku yang dipanggil '*Basic Librarian*' kan. Kan hmm dalam itu dia ada sebut lah perpustakaan mana yang-yang apa itu yang perpustakaan pertama di Malaysia. Tapi saya tak ingat benda itu--benda itu kita belajar pun masa dekat UiTM. Dah berpuluh tahun kan. Memang tak-tak ingat sangat. Tak-tak tahu sangat kan tapi pernah belajar lah dan buku itu dia panggil '*Barefoot Librarian*' kan aaa.

NAS: Okey, aaa soalan seterusnya. Pada pendapat Encik Wan, bolehkah Encik Wan menceritakan sedikit tentang penubuhan perpustakaan perubatan di UKM?

WSA: Okey. Ia apa aaa fakulti perubatan Ini adalah salah satu fakulti hmm apa yang tertua. Dia-bila aaa apa tertubuhnya universiti-universiti apa aaa UKM Ini hmm dia memang tubuhkan fakulti perubatan. Aaa saya tak ingat tahun berapa. Tetapi, pada masa itu pa-di awal penubuhan dia, dia ambil pensyarah daripada Indonesia untuk mengajar sebab dia nak buktikan yang aaa apa ben-kita boleh keluarkan doktor daripada Indonesia ini dengan menggunakan Bahasa Melayu kan aaa. Jadi, apabila tertubuhnya aaa apa tu hmm fakulti perubatan, saya tak ingat tahun bila tapi hmm ap-selalunya tubuhnya fakulti mesti ada perpustakaan.

NAS: Ya

WSA: Mesti ada perpustakaan kan. Jadi, hmm saya kena *check* [semak] balik bila perpustakaan perubatan ditubuhkan dan yang peliknya perpustakaan perubatan ini memang berasingan daripada aaa apa tu aaa fakulti-fakulti lain. Contohnya, aaa semasa aaa UKM ditubuhkan pada tahun 1970 di Lembah Pantai [Kuala Lumpur, Malaysia] kan, fakulti perubatan dia berpusat di Jalan Travers [Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur] di rumah-rumah kayu je kan. Lepas tu, dia berpindah ke aaa kampus Kuala Lumpur di aaa Chow Kit [Kuala Lumpur] kan. Di-dia memang berasingan. *In fact* [sebenarnya], sampai sekarang pun fakulti perubatan tu bukannya berada di *main campus* [kampus induk]. Dia memang luar aaa itu-itu yang beza dia itu dan satu lagi yang bagusnya fakulti perubatan ini apabila ditubuhkan aaa apa itu apa aaa fakulti ataupun hospital, dia memang pikirkan [fikirkan] tentang *library* aaa *library is a must* [perpustakaan adalah satu kemestian] dalam fakulti perubatan atau hospital aaa itu yang--aaa saya sempat bekerja enam tahun di aaa perpustakaan fakulti perubatan di-di Chow Kit tu 1991 sampai 199-6. Apabila hospital ditubuhkan untuk aaa untuk pelajar-pelajar *clinical* [klinik] tahun tiga, tahun empat, tahun lima dengan pelajar sarjana di Cheras, mereka memang tubuhkan apa itu perpustakaan hospital UKM kan. Hmm pada tahun 1997, memang--apa yang kita buat dan apabila perpustakaan hospital ditubuhkan kan kita asingkan buku-buku *clinical* tahun dua, tahun tiga, tahun empat, tahun lima dan buku-buku untuk sarjana, kita bawak [bawa] kita pindahkan ke-ke hospital UKM kan. Perpustakaan perubatan di Kuala Lumpur itu untuk pelajar tahun satu, tahun dua dan pelajar fakulti aaa Kesihatan Bersekutu kan dia kat situ ada pelajar aaa apa--kat situ ada tiga fakulti. Fakulti Perubatan tahun satu, tahun dua. Fakulti Kesihatan Bersekutu, *Optometrist*, *pharmacy* [farmasi] aaa sains perubatan kan. Lepas tu, aaa fakulti pergigian kemudianlah di Kuala Lumpur--di Kuala Lumpur kan. Lepas tu, aaa daripada jabatan farmasi fakulti kesihatan bersekutu ditubuhkan fakulti farmasi. Jadi, di Kuala Lumpur itu syarikat perubatan *serve* [berkhidmat] empat-empat aaa fakulti. Fakulti Perubatan tahun satu, tahun dua, Fakulti Kesihatan Bersekutu aaa *Light Health*, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi. Empat kan. Tapi, sekarang ini semua pelajar perubatan tahun satu, tahun dua semua pindah ke hospital UKM. Ja-jadi fakulti di perubatan di aaa kampus Kuala Lumpur itu dia *serve* tiga fakulti jelah kan itu beza dia kan aaa. Jadi, saya apabila tertubuhnya hospital adanya perpustakaan, saya *volunteer*

[sukarelawan] saya dengan sukarela aaa apa itu bagitahu [beritahu] *management* [pengurusan], saya nak pindah ke hospital UKM. Saya tak nak duduk fakulti perubatan dan dia setuju. Ja-jadi saya lah pustakawan perintis. Ketua saya tetap aaa ketua perpustakaan perubatan tapi saya adalah pustakawan perintis di hospital-aaa UKM pada masa itu lah dipanggil hospital UKM aaa kan. Dan aaa apa itu--boleh saya sambung sejarah dia kan-

NAS: Boleh.

WSA: Aaa apabila hmm apa itu dipanggil aaa nak ditubuhkan perpustakaan hospital, masalah dia perpustakaan hospital dia memang kawasan kecil [kecil] je. Kalau kita pergi mana-mana hospital, perpustakaan dia memang kecil berbanding dengan perpustakaan perubatan di Kuala Lumpur tu. Antara perpustakaan yang terbesar di-dari segi keluasan dia nombor dua pa-paling besar kan tapi perpustakaan hospital ini kecil dan aaa dekan pertama--dekan dan dekan fakulti perubatan dan pengarah pertama arwah Tan Sri aaa Khalid Kadir. Dia kata kita nak adakan perpustakaan di hospital UKM tetapi keluasan dia kecil. Tetapi, perkhidmatan dia mela-melampaui hmm *forwalls library* [perpustakaan forwalls] kan. Jadi tu yang datangnya konsep pustaka maya kan. Perpustakaan *beyond the library wall* [perkhidmatan secara atas talian] kan. Itu-itu-itu yang saya di-di--oleh kerana saya volunteer nak be-bekerja di hmm perpustakaan hospital, saya diminta aaa belajar apa itu pustaka maya aaa lepas tu dia suruh terbitkan aaa *concept paper-concept paper* [kertas konsep] apa itu pustaka maya. Macam mana kita nak buat kan jadi saya memang-memang saya--lepas tu saya belajarlah walaupun saya ini tak-tak tahu sangat tetapi saya memang--saya memang aaa dapat sediakan konsep paper yang menjadi asas penubuhan--nanti saya boleh bagi *copy* [salinan] dekat *you*.

(tokoh menyelak kertas)

(bunyi kerusi)

WSA: Penubuhan perpustakaan perubatan maya di perpustakaan hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, konsep dan cadangan aaa saya buat kan saya buat nanti *you* boleh bacalah kan. Pada masa itu lah, kita-kita-kita-kita apa kita aaa *in fact* saya belajar pustaka maya itu apa, *virtual library* [perpustakaan maya] itu apa kan. Hmm mula-mula macam mana kita buat apa itu okey.

NAS :Hmm bagaimana bermulanya perbincangan mewujudkan perpustakaan perubatan UKM ?

WSA : Dia perbincangan dia aaa di apa inisiatif dia daripada dekan, dekan dan aaa pengarah hospital itu yang saya katakan tadi Tan Sri arwah Tan Sri Khalid Kadir tu kan, dia yang dia tubuhkan jawatankuasa. Jawatankuasa pustaka maya dia tubuhkan dia panggil Librarian Hiba ketua pustakawan- kan, bincang. Kita nak adakan aaa perpustakaan di hospital UKM ini aaa tetapi bukan konsep *tradisional library* kan aaa dia nak itu yang itu dia panggil saya ingat saya, saya setiausaha masa tu saya dilantik sebagai setiausaha, ketua saya aaa Ali Che Norsyam erm bos apa ketua pustakawan Ali pastu orang *IT* [Information Technology], apa ketua, ketua jabatan otomasi Ali kan, pastu pensyarah ada adalah dua tiga orang ketua timbalan dekan-kan yang terlibat dengan itu. Jadi kita bincanglah akhirnya hasilnya itulah kertas konsep itu.

NAS : Bilakah perbincangan penubuhan perpustakaan perubatan dilakukan ?

FNM :Tahun berapa ?

WSA : Tahun sembilan belas sembilan puluh enam [1996] sebelum kita sebelum aaa apa itu hospital itu siap kan aaa saya rasa mungkin sebelum itu lagi dua tahun sebelum hospital itu siap kita dah ada dah perbincangan. Yang bagusnyanya pula kan, apabila aaa Tan Sri dapat konsep ini dia nak perpustakaan begini- dia melawat, dia banyak dia melawat, tapi tak melibatkan kami dia pergi ke *UK*, dia pergi ke *US* kan, pendaftar Dato' Basri, tapi dia- tak- dia- tak- dia- tak- tapi dia dapatlah konsep dia kata semua pustakaan hospital yang dia lawat itu kecil tetapi perkhidmatan dia melampaui dinding perpustakaan, hah itu mutual *library* lah kan. Yang satu lagi yang bagusnyanya apabila dia- dia dapat konsep ini dia dapatkan duit, dapatkan duit dana untuk tubuhkan pustaka maya ni sebab pustaka maya ni melibatkan komputer, melibatkan aaa tarian, melibatkan *networking* [jalur lebar] kan dia dapatkan duit dua juta daripada Lim Goh Tong dia dapat aaa daripada Lim Goh Tong kan tak kalau *you* [awak] tahu Tan Sri aaa Khalid Kadir ini anak kepada Tan Sri aaa Kadir Shamsuddin. Dia ini hmm dulu peguam negara kan, peguam negara Malaysia aaa kakak dia adalah ketua pustakawan eh ketua pengarah perpustakaan negara aaa Mariam Kadir, Datin Mariam Kadir kan, dan aaa ayah dia ni ape mak dia adalah Tan Sri Fatimah, ketua wanita *UMNO* [Union Malaya National Organisation] aaa Tan Sri aaa Kadir ini dia pernah be-bekerja dengan aa Genting Foundation, Genting (berfikir) Syarikat Genting lah dia pernah. Jadi kan keluarga dia itu keluarga dia, dengan keluarga dia Lim Goh Tong itu memang baik. Jadi aaa apa Tan arwah Tan Sri Kadir ini Tan Sri Kadir sak- arwah Khalid Kadir ini aaa dekan ni dia gunakan aaa *networking* dia itu dapatkan duit dua juta untuk bina pustaka maya tu. Jadikan kami ini orang peliklah, syarikat cina Lim Goh Tong tetapi dia menderma kepada Universiti Kebangsaan Malaysia. Haa saya nak cerita selepas dia bagi dua juta *initial* [permulaan] bajet tu kan kita dah buat makmal semua kita dah apa beli komputer, beli perisian kan, haa selepas itu dia bagi tiap-tiap tahun lapan puluh ribu ringgit setahun untuk *manage* [urus] untuk selenggara peralatan komputer tu sehingga sampailah dia mati. Selepas dia mati anak dia tak bagilah duit dekat kita dia bagi pada satu kolej kan haa.

NAS : Dimana, Haa okey. Dimanakah perbincangan penubuhan pustakaan tersebut dilakukan ?

WSA : Aaa di fakulti perubatan, aaa fakulti perubatan di Kuala Lumpur aaa memang di-
di apa aaa pengerusi pada masa itu adalah aaa timbalan dekan pendidikan fakulti
perubatan. Memang di fakulti perubatan lah kalau *you* baca konsep paper [kertas]
tu *you* senaraikan semua ahli dia.

NAS : Okey.

WSA : Okey.

**NAS : Soalan seterusnya, selain Encik Wan, siapakah yang terlibat dalam perbincangan
penubuhan awal perpustakaan perubatan UKM ?**

WSA : Aaa itulah dekan dekan aaa (berfikir) pengarah hospital, dekan pengarah hospital
orang yang sama aaa orang yang sama ya, (bunyi kerusi) aaa ketua perpustakaan,
ke-ketua pustakawan awam, ketua perpustakaan perubatan, aaa pastu ketua aaa
jabatan otomasi perpustakaan, pastu beberapa orang pensyarah lagi lah, semua itu
ada dalam kertas kerja, okey.

NAS : Okey, siapa yang bertanggungjawab ingin menubuhkan perpustakaan perubatan ?

WSA : Sapa [Siapa] ?

NAS : Siapa yang bertanggungjawab untuk menubuhkan perpustakaan perubatan ?

WSA : Dekan dan pengarah hospital lah.

NAS : Dekan dan pengarah.

WSA : Hmm.

NAS : Berkenaan peruntukkan untuk penubuhan perpustakaan perubatan, pada ketika itu siapa yang urus ?

WSA : Okey, aaa bajet dia aaa apa itu bajet perpustakaan perubatan itu memang datang daripada bajet pengurusan hospital aaa kan. Memang tiap-tiap tahun kita dapat, memang bajet. Sebab perpustakaan hospital itu adalah sebahagian aaa daripada jabatan-jabatan di hospital UKM kan. Jadi memang kita dapat duit tiap-tiap tahun daripada itu, *effect* [kesan] kita dapat duit besar bajet dia besar, tetapi selain daripada bajet itu kita dapat sumbangan dua juta itu daripada Lim Goh Tong ya, khusus untuk pustaka maya lah. Saya minum air sikit okey, aaa ada lagi soalan ?

NAS : Ada lagi. Takpe aaa Encik Wan minum dulu.

(bunyi berbisik)

WSA : okey.

(bunyi selakan kertas..)

NAS : Boleh kita teruskan Encik Wan ?

WSA : Haa, boleh-boleh.

NAS : Apakah sebab yang tercetusnya penubuhan perpustakaan perubatan ?

WSA : aaa tercetusnya penubuhan (berfikir), *you* kena betulkan perpustakaan hospital ek bukan perpustakaan perubatan aaa apa itu aaa sebab kan kita ada hospital, aaa kita ada hospital. Aaa bila adanya hospital dia memang aaa perpustakaan hospital itu memang komponen dia. Kalau *you* pergi mana-mana pun, di apa di luar negara, ada hospital ada *library*. Aaa tapi *library* dia kecil, *in fact* kita di Kuala Lumpur pun di Kuala Lumpur pun ada kan, hospital Kuala Lumpur itu ada library- kan. Hospital di aaa Uitm kan— untuk khusus di Sungai Buloh itu kan kan dia memang konsep macam itu, aaa memang aaa apabila adanya hospital memang ada library, pergilah mana-mana pun.

(bunyi selakan kertas)

NAS : Okey, dalam penubuhan ini, ada tak kementerian yang terlibat ?

WSA : aaa kementerian pengajian tinggilah, secara *direct* [terus] sebab hospital UKM dia bukan dapat bajet daripada UKM, dia dapat bajet khusus daripada kementerian pengajian tinggi. Bajet dia berasingan, perjawatan dia berasingan. Aaa dia memang kementerian—, sebab dalam dalam pengajian tinggi tu memang dia ada aaa bajet untuk hospital-hospital pengajar kan aaa dan aaa hospital pengajar tu termasuklah perpustakaan.

NAS : Okey. Selepas mencapai kata sepakat, Encik Wan ingat tak (tidak) tahun bila perpustakaan hospital ditubuhkan ?

WSA : Sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997]. Perpustakaan itu ditubuhkan ditubuhkan *officially* [secara rasmi] aaa bersama dengan pembukaan hospital. Aaa sama juga di UKM ini, perpustakaan UKM ditubuhkan dia bermula beroperasi bersamaan dengan mulanya operasi UKM haa camtu (begitu). Dia ni takda (tiada) takda *seperated* [tidak tepat] tarikh tau, haa dia sama. Apabila katakanlah saya tak ingat tarikh-tarikh bila, masa tu saya ingat Anwar Ibrahim yang rasmikan, sembilan belas sembilan puluh tujuh [1997] tu pastu 98 [1998] dia kena tangkap hahaha (ketawa) -kan haa memang saya ingat sangatlah sebab Anwar ni cikgu saya kan, saya pernah kena sembur tau, saya pernah ikut dia pergi berdemonstrasi saya balik daripada Jengka, singgah, saya kena sembur dengan apa tong gas, yang sembur tu sapa ? Adik saya, dia apatu polis FRU [*Federal Reserve Unit*], dia kejar saya, pastu (selepas itu) saya pastu saya pergi ke berselindung di aaa hospital apatu masjid negara. Sa-saya panggil, adik saya nama Zaki, Wan Zahirudin kan {Wan Mohd Zakirudin Bin Ariffin} eh. Zaki ! Apalah ! Abang kau pun kejar dia gelak haha aaa padam muka haha (ketawa) adik saya yang polis masatu FRU, saya duduk di aaa Kolej Tun Syed Nasir sebelah aaa *metch* dia, sebelah dia duduk aaa apa di (bunyi selakan kertas) markas FRU. Saya selalulah pergi jumpa dia aaa (bunyi selakan kertas) Adik saya tu sekarang ini dia inspektor di Kampar, Perak. Aaa tuu.

NAS : Aaa okey, aaa apakah objektif penubuhan perpustakaan hospital UKM ?

WSA : (menyelak helaian kertas).. *You* boleh baca tak, kalau boleh baca sini (bunyi selakkan kertas) (tidak jelas)

(senyap seketika)

WSA : Sumber kewangan, ada semua nanti check. Sa-saya rasa macam saya baca semalam. Em nanti nanti. (bunyi selakkan kertas lagi...)

NAS : Ada tak penanda aras penubuhan perpustakaan hospital UKM ?

WSA : (tengah melihat kertas..) Okey aaa kat sini ada dia punya- perancangan apatu kan objektif dia untuk bagi (bunyi selakkan kertas ...)

FNM : aaaa Encik Wan kalau macamtu kita terus- kepada soalan seterusnya lah dulu ya ?

WSA : Ha okey okey haa.

Saya rasa nanti aaa dapatkan ob- kat sini lah, ek di kertas kerja ni.

NAS & FNM : Okey.

WSA : Okey.

NAS : Ada tak penanda aras penubuhan perpustakaan hospital UKM ?

WSA : Okey, isunya kan, aaa perpustakaan aaa apa itu hospital ni adalah perpustakaan pengajar yang pertama-kan contohnya kalau macam USM (Universiti Sains Malaysia) itu dia- dia ada perpustakaan apa dia panggil em em peru-batan tapi dia bukan bu-kan bukan *solid* [padu] perpustakaan hospital. Dia tidak pustakaan

fakulti-kan. Jadi-kan pada masa tu tak ada penanda aras-kan. Dia punya penanda aras saya rasa tak apatu Tan Sri je tahu sebab dia melawat perpustakaan di UK dan US kan dengan pendaftar kan jadi aaaa penanda aras dia saya boleh sebut tu lah pustakaan dia kecil sahaja berbanding dengan perpustakaan perubatan di Kuala Lumpur tetapi perkhidmatan dia mesti melampaui aaa *forwalls* haa kan. Tu konsep *virtual library* lah. Itu je dia cakap pada saya, macam mana kita nak buat itu sebab itu perpustakaan itu memang aaa apabila ditubuhkan aaa orang semua boleh *access* (akses) daripada pejabat dia tak perlu ke perpustakaan. Saya ingat lagi aaa apa itu apa aaa salah seorang pengarah, salah seorang aaa timbalan dekan aaa yang dilantik sebagai ketua jawatankuasa perpustakaan, dia datang *library* dia datang mesyuarat pertama dia kata 'saya memang tak pernah masuk *library*' dia kata, dia kat dekat saya. Dia kata apabila dia dilantik sebagai aaa pengerusi jawatankuasa perpustakaan, dia beritahu saya dia kata saya ingat lagi aaa Puan Rohaizad sebut saya mintak maaf lah dia kata saya memang tak pernah masuk *library* kan haa sebabnya semua maklumat kita dapat dihujung jari. Maknanya bila dia dapat maklumat itu, di pejabat dia melalui aaa talian-kan jadi dia tak perlu itu aaa itu itu saya rasa konsep dia, memang kita berjaya bab itu kita berjaya.

NAS : Jadi soalan seterusnya, berapakah jabatan yang ada pada awal penubuhan perpustakaan hospital ?

WSA : Saya aaa *exactly* [betul-betul] saya tak ingat, tetapi pada awal penubuhan dia hanya pri- aaa hanya aaa jabatan aaa perkhidmatan pelanggan sahaja. Sebabnya proses beli buku beli semua buat di perpustakaan perubatan haa kan. Pada masa itu saya bekerja dua- dua tempat. Aaa hari ada ha- hari dia hari saya tak ingat hari san- hari isnin Selasa Rabu saya bekerja di- aaa apatu pustakaan Kuala Lumpur, saya beli bahan saya proses saya buat cataloguing [katologing] semua disana, pastu aaa Khamis jumaat Sabtu saya bertugas di perpustakaan hospital aaa *monitor* [pantau] perkhidmatan pinjamanlah ya pinjaman kan, haa jadi sa-saya bekerja dua tempat pada masatu-kan jabatannya satu je lah, jabatan perkhidmatan saja kan, proses beli cataloging semua di buat di di apatu di aaa perpustakaan perubatan di Kuala Lumpur. Pada masa tu satu jabatan sahaja.

NAS : Okey. Bagaimanakah penerimaan warga UKM terhadap penubuhan perpustakaan hospital pada ketika itu ?

WSA : aaa .. Saya rasa (sedang berfikir) sama macam kita tubuh perpustakaan lain kan, perpustakaan ni *necessity* keperluan kan keperluan proses pembelajaran dan pengajaran-kan jadi mereka alu-alukan lah sebabtu aaa apabila saya minta dipindahkan-kan ataupun mula-mula saya buat dua kerja pastu saya dipindahkan, mereka beri *support* [sokongan] pastu perpustakaan aaa dengan bajet daripada hospital itu kita lantik ketua, kita lantik aaa apatu dan aaa proses naik pangkat semua berlaku di hospital, contohnya saya kerja 15 tahun tau, lima belas ta-hun sebagai pustakawan S3, S1 sekarang ni, gred 41 tu lima belas tahun tapi saya naik pangkat aaa ke kanan 44, 48 sehinggalah jadi ketua gred 52 tu, gred 52 tu macam pensyarah *you* lah pensyarah kanan *you*, 52 kan haa- di hospital. Haa memang dapat berjawatan memang aaa sokongan daripada hospital itu daripada aaa ketua Encik Norsyam, arwah Encik Norsyam tu memang bagus lah haa kita tak (berfikiir) tak terbantut lah apabila- apabila *you* dah bertugas *you* dah menyumbang-kan haa saya diberi naik pangkat tu memang di hospital.

NAS : Bagaimana tahap literasi maklumat dalam kalangan warga pada masa itu ?

WSA : aaa saya rasakan aaa perpustakaan perubatan nikan kalau da-ri dari segi aaa apa latihan kemahiran maklumat tu memang aaa *robust* [teguh] saya kata sebab dia beza tau nak nak nak *access* aaa apa maklumat perubatan ni dia tak macam aaa dia ada pengkelasan sendiri-kan, lepastu aaa tek-teknologi em apatu teknologi em maklumat perubatan ni lebih aaa canggih lebih- lebih cepat berbanding dengan teknologi saya kata macam *law* ke apa kan, sebab dia aaa melibatkan bahan-bahan terbaru kan, penyelidikan terbaru, em perpustakaan perubatan ini dia bukan macam *law* macam sejarah, dia *refer* [rujuk] benda lama-kan benda benda benda benda yang dah lama lah, perpustakaan perubatan tak, *in fact* buku dia pun, setiap

tiga tahun ada edisi baru-kan haa memang aaa kemahiran maklumat tu memang perlu-kan, effect kita ada jabatan aaa apa haa jabatan kemahiran pengguna ke apa dia panggil kita ada, ada sorang pustakawan itu memang kerja dia melatih buat latihan kan, setiap kali kita dapat pegang jawatan baharu kita akan buat latihan sebelum dia buat dia buat latihan-kan pustakawan tu kena belajar dulu. Contohlah macam saya apabila saya di- di tugaskan di perpustakaan perubatan, saya kena belajar *programming* [pengaturcaraan] yang selama ni saya tak pernah belajar -kan tapi yang bagusnyanya tu, mula-mula belajar *programming* di Sri Kembangan je, lepastu dah dah lama lama lama tu dia hantar ke London, saya belajar apa itu *programming* OVID tapi OVID sponsarlah, haa saya pernah pergi London, belajar *programming* haa.

FNM : Encik Wan ingat tak bilakah Encik Wan belajar *programming* tu? Tahun berapa ?

WSA : Saya tak ingatlah tahun berapa aaa tapi saya pernahlah pergi (diam seketika dan sedang berfikir) aaaa OVID tahun saya rasa tahun sembilan puluh lapan [1998] gitulah. Em lepastu okey satu lagi kan aaaa dengan em okey *person*- aaa satu lagi apabila saya ditugaskan mengurus pustaka maya, saya juga dapat pergi- *Summer School*. *Summer School* haa okey saya tunjuk ek (lihat telefon...) orang lain tak pergi, saya je pergi ni. Aaa *Summer School*. Haa ni okey (tunjuk gambar di telefon..) *Summer School* saya tak ingat tapi saya punya apatu kata *training* [latihan] di London tu dia aaa apa Ovid Office tu sebelum ni sebelum duar ribu dua [2002] ni mungkin sembilan puluh lapan [1998], ke 2000 saya tak ingat. Tapi tak ada sijil ini tapi saya pernah pergi aaa ni kan aaa *this is certify that attended the Ticer International Summer School on The Digital Library* kan, *Tilburg University* dekat Belanda saya pergi. Saya ni aaa *adventures* [pengembaraan] sebenarnya tau kalau kalau tak tak macam pustakawan lain, sebab mungkin sebab saya belajar dekat oversea kan-kan aaa sa-ya kalau saya masa belajar dulu, kalau kami bosan kami selalu bawa kereta pergi apa Montrio, pergi apa (ketawa..) kadang-kadang kalau Blizzard tu kitaorang pergi aaa saya memang *adventures* haa apatu apa haa pergi kalau de-kat dekat Saint Laurent [Kuala Lumpur] daripada aaa bawah ni sampai ke Montrail- , saya memang pergi. Kadang-kadang dua orang

pun saya pergi aa saya memang jenis- macam ni kan aaa *Summer School* ni sebenarnya *International Summer School* ni sebenarnya dia bagi kepada aaa pustakawan yang buat aaa *IT*, kan. Tetapi pustakawan tu dia- apabila dia dihantar ke--ke *Tilburg* ni aa sama aaa di Belanda, dia tanya, dia tanya bos saya Puan Maimunah, saya kata Puan Maimunah tu anak- anak sedara Tengku Iskandar Pasir Mas tu, dia kata ‘Enik Wan pergi tak?’ Dia nak, dia mesti nak pergi sama saya sebab dia tahu saya ni aaa apakan- apabila dia sebut Encik Wan pergi tak itu boss saya marah. Apa lah engkau ni asyik nak pergi dengan Enik Wan ! Berdikari lah- kan ! Jadi boss saya *mood* dia kan terus apabila dia sebut Encik Wan pergi tak- sebab bajet sorang je-kan, bukan murah nak pergi Belanda, kapal terbang berapa kan, boleh saya sambung ek--kan, dia kata aaa kalau gitu saya hantar Wan-lah, apatu eng-kau duduk sini tak yah pergi, saya pergi sorang, you tahu saya pergi naik kapal terbang turun kat lapangan terbang naik kereta api pergi, semua saya buat sorang-sorang, saya buat sorang-sorang. Saya memang- memang aaa bab itu orang tokleh [tidak boleh] lawan saya rasa-lah, sama juga baruni saya pergi Jepun ek, semua sorang je ek, adik-beradik saya kata ‘eh, tak bawak isteri? Isteri cikgu, sekolah tak cuti, cikgu sekolah aaa kan duduk, memang sai- memang saya boleh. Kan- prinsip dia kalau kita ke luar negara, kena buka mulut. Kena banyak bertanya. Kena bercakap, haa kan haa. Jadi, *so* saya pergilah ni, tak ada orang je dalam UKM yang pergi Summer School. *International Summer School of Digital Library*. Ramai 40 orang, daripada Guyana ada, daripada Trinidad ada, Amerika Selatan kan, saya jumpa diorang ni. Empat ogos, empat sampai sembilan ogos dua puluh dua puluh. [4 Ogos -9 Ogos 2020]

FNM : Tadi Encik Wan cakap Encik Wan pergi ke Jepun, Encik Wan pergi ke Jepun untuk apa ?

WSA : Eh saya jalan, sorang-sorang. *Autumn Foliage*. Aaa apa itu, kan waktu musim, mu-sim kalau kita kat Nigeria kita panggil *fall*. Musim luruh kan cantik-kan. *Last* [akhir] saya pergi Jepun dulu saya ambik kursus of CLC, pernah dengar kan CLC kan, pernah dengar ? Tak pernah ?

NAS : Tidak pernah dengar (ketawa kecil)

WSA : Oh, CLC ni sistem pengkatalogan. Rangkaian pengkatalogan. Dua puluh tujuh belas, dua puluh lapan Disember saya pergi kursus dekat Waseda University di apatu di Jepun. Pada masa itu lah saya tengok eh Jepun lebih cantik daripada Amerika, dia punya musim luruh dia Ya Rabbi cantiknya. Selepas itu, kan apabila balik pada 2017, dia apatu PKP [Perintah Kawalan Pengerakan] kan dah tokley gi mana-kan, Jepun tak buka. Baruni dia buka, terus saya beli tiket kapal terbang. Tiket murah je lima ratus lima puluh [550], balik tujuh ratus tujuh puluh [770] saya pergi. Pastu saya sewa bilik di Jepun tujuh puluh ringgit [70] semalam. Kebetulan ada orang Malaysia yang bagi perkhidmatan tu kan, jadi saya pergi berjalan lah pergi apa itu, saya pergi buku setem, aaa ni aaa contoh ni aaa (tunjuk gambar di telefon) apa ni, di salah satu (melihat telefon) memang cantik. Kadang-kadang saya nak kata eh macam, ma-cam dalam syurga kut cantik dia. Cantik kalau tak tak, saya ni lelaki tapi kalau bab-bab musim luruh ni memang saya tak boleh aaa memang kejap eh kejap eh (lihat telefon)

NBR : Encik Wan memang minat travel daripa-da umur muda lah ?

WSA : Ye ye betul.

NBR : Jadi ibu bapa Encik Wan, pernah tak bising Encik Wan asyik pergi luar negara ?

WSA : Tak, dia tak ada tak ada.

NBR : Oh dia bagi kepercayaan pada Encik Wan lah.

WSA : Sebab satu lagi benda ni sekali dengan hobi saya kumpul setem juga.

NBR : Ohh

WSA : Saya pernah pergi aaa London, aaa kerja. Apatu beli buku *London Bookfair*, sa-ya pernah pergi London bawa balik aaa setem 22 kilo [Kilogram].

NBR : Jadi Encik Wan buat angkut buat naik –

WSA : Ha'ah, mula-mula saya beli di sini saya emm apa itu– aaa saya bit aaa lelong bit ni lima puluh lima puluh *pound, US*. Lima puluh pound *UK* kut. Pastu saya pergi tempat itu, saya kata– kalo (kalau) tidak kita kena bayar *postage* [poslaju]-kan

NBR : Haah

WSA : Saya kata tak, *I'am go to London Bookfair*, pastu boleh tak saya pergi pejabat *you*, collect. Dia kata, boleh. Saya pergi-lah. Pergi aaa-pa pergi ke aaa ni (tunjuk gambar). *Sorry* [maaf] lah *i* tengok ni aaa bagi inspirasi dekat *you*.

NAS : Cantik. (teruja)

NBR : Lepasni (Selepas ini) Encik Wan nak *planning* [rancang] pergi *travel* [melancong] mana pula lepasni ?

WSA : Saya nak pergi U Syracuse [Syracuse University]. Tempat saya belajar.

NAS : Emm.

WSA : Ni dekat *England palace* [istana] dekat istana dia. Aaa memang– memang cantiklah. Sampaikan saya janji dengan isteri saya, saya kata nanti nak bawa dia lah-kan, tapi saya tunggu tunggu tunggu, sembilan haribulan baru dia cuti. Sedangkan saya dah baca dah– musim *autumn* [musim luruh] ni dah penghujung dah tau. Saya ada pergi dua tiga tempat itu, daun dia dah botak dah-kan, saya kata aaa mintak maafilah, cikgu mengajar dulu nanti lain kali saya bawa. Saya pergi sorang-sorang.

NAS : Encik Wan..

WSA : Okey.

NAS : Boleh kita terus dengan soalan seterusnya ?

WSA : Okey okey. Boleh boleh.

NAS : Berkaitan dengan pencarian dokumen selain daripada arkib, di manakah tempat untuk mencari dokumen penubuhan hospital UKM ?

WSA : Saya rasa dalam fail lah, dalam fail aaa apa itu em di apa di– di aaa perpustakaan UKM, aaa perpustakaan hospital itu dia ada, dia ada dalam bilik mesyuarat tu, kita simpan minit-minit mesyuarat. Se–kita tak– belum letak dalam arkib lagi belum

lagi disim-kan, sebab nak nak letak, bahan arkib ni dia ada– tahun dia. Sepuluh tahun ke, dua puluh tahun, saya tak tahu saya tak ingat-kan, tetapi aaa di perpustakaan hospital UKM aaa perpustakaan hospital Canselor Tuanku Muhriz, dalam bilik mesyuarat dia memang kita simpan aaa apa itu fail-fail tentang aaa hospital, ada dekat situlah. Saya tak pasti di arkib rasanya dia ada simpan ke tidak, rasanya tidak lah. (berfikir) Sebab bahan-bahan daripada aaa hospital tu kita tak hantar kat sini (bunyi suara berbisik) aaa dalam bilik mesyuarat (berfikir) dalam apatu dalam almari bilik mesyuarat aaa perpustakaan Hospital Canselor Tuanku Muhriz, ada.

NBR : Jadi semua rekod tu disimpan dalam bilik mesyuarat ?

WSA : Haa, sebab dia belum sampai lagi aaa apatu untuk di (berlaku pertindihan suara) aaa apatu dia deposit- kan dekat arkib aaa saya rasa belum lagi.

NBR : (mencelah).. Kalau..

WSA : Haa ada masa dia, saya rasa 25 tahun ke, 30, saya tak ingat tapi belum lagi. Tapi kita simpanlah, nanti kita panggil orang pusat rekod, dia akan- dia akan tengok, dia akan aaa *recommend* (mengesyorkan) untuk simpan. Saya rasa belum buat lagi. Tapi kita simpan. Memang ada, dia buat apa aaa apa aaa minit mesyuarat daripada a-wal sampai lah sampai– jawatankuasa pustaka maya tu sampai sekarang, ada. Haa baru je mesyuarat, saya rasa minggu lepas dia mesyuarat. Okey ?

NBR : Jadi kalau nak jadi-kan untuk tujuan penyelidikan kena datang- (suara bertindih) kena datang mesyuarat, bilik mesyuarat(suara bertindih) tu kan ?

WSA : Eya, bilik mesyuarat tu haa. Bilik mesyuarat tu sebelah *library*.

NBR : Ada orang jaga ke ?

WSA : Ada. aaa apa itu aaa apa dia panggil– pembantu (berfikir) pembantu tadbir aaa ni apa – apa- pembantu khas kepada ketua perpustakaan.

NBR : Oh pembantu khas (mencelah) jadi–

WSA : Haa ya ya, dia memang rekodkan (suara mencelah) disisi dia rekod-kan pastu dak dia tutup dia bukak dia tutup-kan, aaa ada– kalau benda tu dah ditutup, pastu bila tutup-kan, aaa dia susun..

NAF : Haa dia dia rekodkan

WSA : Dia rekodkan haa *yes* haa

NBR : Jadi simpan dalam sistem ke macam mana itu Encik Wan ?

WSA : Tak ada. Tak ada sistem (suara mencelah) semua ma-masih lagi manual,

NBR : Ohh

WSA : Haa..

NBR : Encik Wan pernah ajukan cadangan untuk buat sistem ke belum lagi?

WSA : Saya rasa erm saya tak ingatlah ra-sa, macam- dia ada isu dia kan, kita pernah ada digital library ini, banyak kali tau, kita beli perisian, tapi akhirnya *crash* (terhempas), satu. Pastu aaa syarikat yang buat tu pun aaa dah bertukar tangan, dah tak hidup lagi pun ada, contoh macam sistem ilmu lah-kan, suatu ketika dia aaa (suara mencelah) haa dia aa kan UiTM kan pernah kalah aaa dia punya tu sampaikan aaa pensyarah kena- kena *terminated* (ditamatkan) semua kan haa- pensyarah saya itu, saya kenal itu kan emm (perasaan kecewa) tu lah tu masalah masa tu lah. Syarikat- syarikat yang bangunkan sistem tu dah tak ada dah. Jadi sistem tu memang takleh [tidak boleh] buka lah. K, okey ?

NAS : Jadi apa pandangan Encik Wan berkaitan dengan penubuhan arkib ?

WSA : Penubuhan arkib memang penting lah, *in fact* kita pun ada arkib lagi kan, haa untuk- untuk-si- untuk simpan apa dia panggil aaa rekod-rekod haa- penting- kan, haa dan saya rasa pe- pengajaran yang paling- yang pa-ling aaa kita boleh ambil aaa tentang pentingnya arkib apabila kita tak simpan bahan dengan betul. Kita tak simpan bahan yang sepatutnya, macam tu lah contoh Pulau Batu Puteh [Timur Selat Singapura]- kan, (bunyi gurisan pen) kita- kita kehilangan Pulau Batu Puteh kerana-kan kita tak simpan rekod (berhenti seketika) dengan betul. Sedangkan *Singapore* (Singapura) dia simpan, dia ada rekod tu. Rekod mengatakan aaa tun-tun-tun apa tu kerajaan Negeri Johor tak tuntutan lagi pulau tu- kan. Apabila naik *court* (mahkamah) kita kalah-kan haa tu- tu- tu- pengajaran yang- saya rasa yang pa-ling penting tentang arkib. Satu lagi kan, saya tengok dekat arkib kita ni, kita dapat sumbangan daripada- aaa apa itu ni aaa Nurul dengan Fatin ya, *you- you*

kena ingat satu benda tau, saya pernah usulkan kepada perpustakaan ini ya, sebab saya jadi KP (Ketua Perpustakaan) tak lama, tiga tahun lebih je kan, tak sempat nak tengok semua– tapi kan dekat kalu *you* tengok dekat arkib tu- kan, ban-yak tau manuskrip tulisan tangan pensyarah-pensyarah yang- yang buat apa buat apa artikel penulisan dia tulis tangan tau, dia tulis tangan. Itu merupakan dia panggil apa- *prim*– apa aa apa dia aaa benda- bahan- bahan utama ya ba-han bahan–

NAS : *Primary* ? (utama)

WSA : Haa ?

NAS : *Primary*.

WSA : Aaa bahan *primary*. Ba-nyak dekat atas. Dekat atas ni. Pensyarah-pensyarah yang bila me-meninggal, *family* (keluarga) dia bagi dekat *library*. Bagi kat *library*. Te-ta-pi, arkib ni bukan aaa bukan aaa jabatan yang aaa *priority* (keutamaan) lah saya rasa-kan. Dia– kalau kata servis tu lebih utama, tapi arkib tu ada- ada kadang-kadang orang yang– orang yang asal dia, dia hantar belajar *record management* (pengurusan rekod), tapi balik apabila dia naik pangkat dia tak dia tak dia tak *manage* arkib tu- kan. Haa tu masalahnya-kan. Selepas itu, bukan orang tu sentiasa ada, dia tahu dia nampak. Saya tengok apabila saya naik kat atas arkib tu kan saya tengok, ba-nyak tau *prime- primary material* (bahan) dia. Terla-lu banyak. Dan-keluarga dia depositkan ke arkib supaya bahan itu diguna-kan. Bahan tu digunakan supaya- orang yang dah mati itu, dapat pahala. Ingat tu, dapat pahala-kan. Tujuan dia, apabila dia bagi itu kat *library* supaya orang guna orang belek (meyelak), orang itu, tapi kita simpan dia.

NAS : Betul.

WSA : Sim– saya kata– saya pernah sebut tau, tapi banyak lah orang yang tak- tak puas hati dengan saya. Sepatutnya kita, kita galakkan kita adakan kempen, galakkan guna. Supaya orang mati, orang yang deposit tu, dapat pahala. Kalau kita simpan saja rasanya kita tak– dia tak dapat pahala lah. Sedihkan ? Saya sedih tau. Aaa saya rasa kalau– apabila saya lihat itu kan, saya rasa macam sebak, sedihnya Ya Allah. Bahan macam ni sepatutnya dia-, patutnya ada penyelidik datang apatukan– tetapi baru-- yang aaa saya aaa semalam saya baca, UKM dah buat. *Library* dah buat dah. Dia keluarkan geran 20 ribu, kepada penyelidik aaa luar untuk dapat geran tu, dia kena guna bahan dia kena buat– dia guna bahan kita pastu dia kena hasilkan penulisan. Saya harap, saya harap– semalam saya baca-kan. Untuk- untuk untuk perjumpaan hari ni ni, saya kena baca tau. Macam saya kena sekolah balik lah (ketawa)- kan tapi saya terbaca semalam. Alhamdulillah saya kata. UKM-*Library* UKM akan keluarkan 20 ribu untuk penyelidik yang dapat geran dia dan- guna kan *library* sebagai aaa apa bahan untuk penulisan- kan. Aaa lepastu, erm kena libatkan pustakawan dalam penyelidikan dia-kan. Saya harap kalu you naik atas, *you* datanglah, *you* buat *record management* *you* datanglah- tengok. Bahan-bahan tulisan tangan tau, kebanyakan pensyarah fakulti-fakulti Pengajian Islam- kan. Tapi sayang tak guna, kita simpan saja. Kita memang buat apa dia panggil apa erm apa di panggil aaa erm apa yang– nyah- nyah asid semua tu kan.

FNM : *Preservation* (pemeliharaan)

WSA : Kita buat apa tuh (bunyi suara lain bercakap) nyah- asid aaa apatu kita buat.

(bunyi suara lain bercakap)

NAS : *Preservation*

FNM : *Preservation*

WSA : *Preservation* kita buat-kan, tapi penggunaan dia kurang. Haa, mungkin-itu yang sayang- Saya apabila aaa saya sempatlah apabila saya- entah mengapa kita tak buat, kita simpan saja. Sedangkan orang bagi untuk- untuk apa orang guna- mak dia ke bapa dia punya-kan hasil penulisan. Itulah, *you* kenal- setiap kali *you* pergi- kan kalu you tengok bahan macam tu-kan ingat, ingat cakap saya, guna-lah. Pastu saya, saya ada bahan tau, saya ada banyak. Saya ni aaa selain daripada bahan-bahan tentang setem, saya beli buku setem, saya beli buku ter- satu lagi saya suka- saya dulu pernah bercita-cita nak jadi aaa penanam orkid kan. Se-sebab saya su-suka orkid. Saya beli lukisan orkid. Kalau saya pergi *Philippines* [Filipina] saya beli lukisan orkid. Besar-besar kan (teruja) lepastu saya *frame* [bingkai]. Saya beli buku-buku tentang orkid kalau saya pergi pesta buku, untuk saya buku orkid. Kan haa saya beli. Saya banyak tetapi apabila saya pikir (fikir) kalo (kalau) saya de-deposit dekat *library* ni nanti dia simpan je-kan. Orang tak guna, sa-saya pikir dua kali nak pa-pakai mana nak ba- bagi kat sapa. Haa, sebab apabila saya mati saya naklah pahala- kan.(bunyi suara berbisik) Haa tu- macam tu lah, konsep tu-banyak-kan. Tak tahulah mudah-mudahan dengan adanya geran ni diorang buatlah- Okey, sambung lagi ? Ke nak rehat dulu ?

(bunyi suara lain)

NAS : Encik Wan nak rehat ke ?

WSA : Tak ada be-be-boleh, kalo- boleh- boleh sambung.

NAS : Dalam tahun sembilan belas enam puluh enam [1966], kerajaan ada menubuhkan jawatankuasa perpustakaan di ba- di bawah arkib Negara Malaysia, Encik tahu tak penubuhan ini ?

WSA : Tak tahu. Me-mang tak tahu.

(bunyi selakan kertas)

WSA: Kalo *you* nak kalo *you* nak, orang yang tahu tahu tentang arkib ni kan, saya boleh *suggest* (cadangkan) lah *you* jumpa, kalau nak lah. Haris Fauruki. Aaa Encik Haris. Haa dia adik kepada menteri pendidikan sekarang ni. . Kakak dia, dilantik sebagai menteri aaa menteri pendidikan. Kakak Encik Haris. Haa dia, dia memang aaa bapa dia tu Sidik Fadhil orang kuat- orang kuat Anwarlah tapi dah meninggal, baru meninggal masa PKP kelmarin.

NBR : Encik Wan ada nombor Encik Haris ?

WSA : Ada. Nak-nak, nak ?

NBR : Tak pe nanti kami minta.

WSA : Kan- kan, *you* jangan- *you* jangan temuduga saya sahaja, untuk mendapat maklumat lain- kan. Haa. Saya tak tahu tau, masa saya belajar dulu, masa dekat Syracuse lah, saya belajar- kan, kita sebenarnya boleh *determid* [berazam] kita nak A ke nak B ke nak C- kan. Kalau kita buat, cukup-cukup makan je, kita dapat C- kan. *Which is* kalo *you graduate*- C, *you* kena *you* kena- *you* kena dapat paper lain A- kan sebab semua *paper* erm *graduate* mesti B. Sekurangnya B. Tapi kalo *you* ma-las-kan, *you* dapat C, *you* kena jumpa pensyarah tu. Selalu jumpa dia, tanya dia macam mana saya nak dapat A. Haa dia akan ceritalah, kalo *you* dapat A, *you*

kena buat ni kena buat ni kena buat ni- kan. Haa, kalo you belajar Amerika macam tu.

NAS & FNM : (angguk bersetuju)

EWS: Haa. Kita boleh, kita boleh. Kalo you malas, you dapat C lah- kan, kalo you A, you rajin jumpa dia bertanya- kan. Saya harap pensyarah UiTM macam tu- kan. Sebab, masa you kerja nanti, dia bukan berdasarkan periksa, berdasarkan kerja, berdasarkan penghasilan- kan, contoh- Saya nasib baik tak ada pensyarah yang datang. Saya dah cakap tau, masa saya belajar ba-nyak kita belajar. Tapi masa bekerja, tak. Sebab tu, kalo kita belajar *master* dekat US- kan, you boleh pilih, nak *exam* ke tak nak exam.

FNM : Betul.

NAS : Betul.

WSA : Hm kan. I-ni si-buk dengan exam. Apabila you bekerja, you tak- mana ada- ada lah exam satu dua nak- tak ada dah. Semua kerja, semua penghasilan. Bercakap, *presentation* [pembentangan]- kan, kan haa. Macam saya sebagai ketua pustakawan, saya nak tahu aaa apatu *staff* [kakitangan] ni boleh ke tak boleh, saya akan bagi kerja kat dia- kan haa. Saya tahu, saya tak saya tak bagi exam kat dia. Ohh hari ni saya nak soal *you* haa gini gini gini, tak-tak, kita bagi kerja. Kita bagi tugas kat dia. Okey, Puan Anna, *you* pergi aaa apa *you* pergi- ha-dir *conference* [persidangan] ni. Balik nanti *you* beritahu kami apa- apa *you* dapat. Tu kerja.

FNM : Encik Wan, pada pendapat Encik Wan lah, bagaimanakah untuk memastikan pengurusan rekod di peringkat kementerian berada di tahap yang terbaik ?

WSA : Dia mesti ada, sorang yang menjaga-kan. Lantik orang khusus-kan, contoh macam UKM, dia pernah lantik tau– Saya punya *library* ada orang pengurusan rekod, kita juga lantik pegawai pendaftar yang ada *basic* [asas] pengurusan rekod. Dah dua orang tak silap saya, UKM lantik. Lepastu, dari masa ke semasa, aaa mereka erm apatu buat Seminar- Talk aaa kita kan ada pensya- ada pensyarah aaa *Computer Science* [Sains Komputer] yang- dia punya- *major* [jurusan] adalah pengurusan rekod. Profesor apa tak ingat dia– dulu lib-*librarian* kita. Dia bagi *Talk* [pengucapan] tau, bagi kesedaran- kan, pentingnya pengurusan rekod ni-kan. Aaa apabila dengan apa aaa dengan syarahan oleh Prof-Profesor apa nama dia saya tak tak-kan. Nich Chancellor (Dr Nicholas Chancellor) orang pertama yang sedap tu Nich Chancellor. Itu yang dilantik pengurusan rekod tu kat UKM-kan. Pastu dia bekerjasama dengan arkib, dia panggil orang arkib-kan. Kesedaran tu dah ada, aaa kan. Dengan kesedaran tu, dia lantik pegawai khusus untuk jaga rekod.

FNM : Pada pendapat Encik Wan, berapa ramai pengguna yang menggunakan perpustakaan hospital di UKM ?

WSA : Kita ada statistik tau aaa tiap-tiap tahun kita aaa kita ada statistik. Memang memberansangkan- kan aaa benda itu ingatkan saya nanti saya hantar, saya bagi statistik penggunaan. Memang saya boleh dapat, ada statistik penggunaan setiap tahun kita catit sebabkan apabila you masuk aaa apa itu– tu tadi kan, dia akan rekod berapa banyak masuk berapa keluar. Nanti dia tolaklah bilangan aaa apatu *staff* kita. Memang ada. Erm, selain daripada aaa apa penggunaan yang masuk itu, kita juga galakkan orang datang ke *library* itu. (senyap seketika) Apa dia panggil aaa jadikan aaa *library* ini sebagai *meeting place* [tempat mesyuarat] kan aaa, sebabtu kita ada ruang senyap, kita ada ruang apa tuh aaa ruang aaa bising kan dekat luar itu bising,dekat atas pun senyap kan, memang kita-kita sediakan itu kan, sebab apabila orang datang, aaa dekat *library* itu dia bukan nak membaca je, dia nak berbincang, dia nak bertemu kawan kan, aaa sebab itu kita adakan *cafe* [Kafe] aaa *library* kan, kita buat jualan dekat tingkat lima itu kita buat jualan nasi lemak pagi *you* boleh makan dalam itu. *Cafe* dalam itu. Okey ?

FNM : Aaa tadi Encik Wan cakap ada cafe di luar perpustakaan, siapa yang cadang untuk men-menubuhkan?

WSA : Okey, semasa saya di- semasa saya di aaa temuduga, temuduga ketua pustakawan, saya cadangkan-kan saya kata kalau ka-ka- dia akan tan soalan dia tanya,aaa kalau aaa dia kata aaa kalau Encik Wan dilantik sebagai ketua pustakawan, apa yang *you* nak buat kan, apa yang *you* nak buat kan, jadi saya senaraikanlah satu dua tiga, pertama kata kalau ada ruang baru, saya nak aaa ruang perpustakaan ini aaa apa ruang bacaan pustakaan ini aaa dalam taman dan contoh, untuk kondusif aaa suasana dia macam dalam taman. Saya bagi contohlah saya pernah berkursus di- aaa *University Queensland*, UQiu [Australia] kan, ruang bacaan dia dalam taman ada pokok-pokok kan, cantik memang. Saya bagi contoh kan aaa benda itu takde lagi disini. Aaa dan saya kata mungkin kita tak boleh buat dalam- dalam aaa apa aaa keadaan *library* yang baru aaa yang lama ni kan, tapi kalau ada ruang baru saya nak buat saya kata kan. Erm, dan kalau *you* tengok (berhenti seketika) kan, lepastu saya bagi contoh lagi erm contoh macam sekarang ni orang- orang bina airport [lapangan terbang] kan, air-port KLIA [Kuala Lumpur International Airport] tu kan, kan hi-jau ada ruang hijau kan, aaa macam itu *library* kita nak konsep macam itu, saya sebut saya bag- saya sebut dan saya bagi contoh kan, itu pertama. Yang kedua saya kata kalau sekiranya saya dilantik sebagai ketua pustakawan, saya nak buat *cafe* dalam *library* dan kebetulan idea tu memang sama dengan idea VC kan, haa saya nak buat apa cafe kan, dan dia pun terkejut dia kata ‘Wan, saya nak tengok *cafe*’. Dia datang dia datang dekat *library* ini, pergi tingkat tiga kalau boleh saya nak tapi apabila fikir-fikir balik, dia kata cafe nak memasak aaa nak kan ma-ma-makanan arab kan, jadi sesuai dekat luar. Aaa itu yang saya buat *cafe* dekat luar itu kan aaa tetapi dalam *library* ini tidak terima, pejabat KP [ketua pustakawan]-- kita ada *pantry* [pantri], kita jual juga nasi lemak, kek tiga dalam satu, kopi ya kan, pelajar-pelajar yang tingkat lima dia boleh makan, pagi-pagi dia boleh *breakfast* [sarapan pagi] dekat situ. Haa kan. Kita pun bagi peluang kepada *staff* kita untuk bawa makanan, dia masak dekat rumah dia letaklah, dapat duit. Haa dia dapat duit kan. Haa sedikit masuk dalam kelab aaa pastu dia dapat

duit juga lah haa kan. (bunyi selakan kertas) Pastu aaa saya sebut lagi yang ketiga, saya cadangkan– saya tak ingat tadi saya ingat masa cakap tadi, ada lah beberapa benda yang saya cadangkan dan saya berjaya buat, saya berjaya buat-kan. Haa. (bunyi selakan kertas)

NAS : Tadi Encik Wan cerita pasal perpustakaan yang mempunyai keindahan taman-taman hijau kan, adakah Encik Wan suka sangat dengan alam sekitar ?

WSA : Saya memang sukaa aaa kan. Contoh- contoh macam– Selepas lima tahun berkurung kan, me-mang apabila Jepun buka je, saya *purposefully* [sengaja] pergi nak tengok *autumn foliage* [dedaun musim luruh] ini aaa, saya tak tahulah masa saya email tu takut aaa saya ingatkan apatu Fatin ingat *autumn foliage* ni perempuan dok (ketawa) kan, autumn tu apa tu pokok- pokok bertukar warna haa *autumn foliage*.

(bunyi selakan kertas)

FNM : Aaa nak tanya Encik Wan, adakah pustakawan bekerja mengikut jadual yang disediakan ?

WSA : Betul. Dia memang ada jadual. Contohnya- contoh hari kan, ada pustakawan bertugas di meja penasihat pembaca bermakna dia setiap hari sabtu dia kena bekerja nanti dapat cutilah dia. Dia akan dibagikan cuti. Me-mang ada jadual. Ada *target*. Kita dekat dekat UKM ini, dia panggil aaa apa itu KERAL [key performance indicators] key-of-key- aaa ada-lah memang ada– berdasarkan erm setiap awal tahun kita akan bagi target, contoh macam kita nak aaa bajet banyak ini kan, kalau tak dapat, macam mana kita nak buat, ada *key performance indicators* [petunjuk prestasi utama] Haa dia panggil aaa dalam istilah UKM saya KERAL tu lah. Ada key– tapi *key performance indicators* lah memang ada target

memang ada. Sebelum kita, contoh (bunyi selakan kertas). Kan memang kita ada. Ada *target* dia. Aaa *you* tak boleh bersebarangan kalau sekiranya tak capai, (senyap seketika) ni senarai tugas (sambil melihat kertas kerja) Okey ada senarai tugas. Kita ada aaa *key- key performance indicators*.

FNM : Siapa yang bertanggungjawab dalam penyediaan jadual pustakawan ?

WSA : Erm, ketua dia lah. Ketua dia. Kalau dia S41, ketua dia mungkin pustakawan penolong kanan empat puluh empat [44], ataupun lima puluh dua [52] kan, dan macam saya ketua pustakawan, saya akan pastikan ketua-ketua jabatan itu, saya yang sediakan kan aaa,

NAS : Pada—

WSA : Selalu kita ada bengkel lah, untuk bincang tentang aaa *key performance indicators* ini, memang kita ada bengkel. Memang awal tahun kena buat. Okey. Apa dia ?

NAS : Pad-pada pendapat Encik Wan adakah skop kerja pustakawan pada zaman Encik Wan sama dengan skop kerja pustakawan sekarang ?

WSA : Tak sama. Tak sama.

FNM : Boleh Encik Wan ceritakan sedikit ?

WSA : Haa okey. Semasa saya— Contoh macam, masa saya mula-mula kerja, saya adalah pustakawan perolehan kan, pustakawan perolehan beli buku, beli jurnal, beli—

Saya juga menerima hadiah kan kan, semuanya bahan pada masa itu memang *printed material* [bahan bercetak] kan, contohnya saya menguruskan tujuh ratus [700] judul aaa ‘Jurnal Perubatan’ kan, saya melanggan dapat duit, tapi sekarang ni aaa takde lagilah *printed* jurnal, semuanya *online* [dalam talian] kan, aaa mengurus *printed* jurnal, mengurus *online* lain, kan haa itu erm kadang-kadang aaa apa itu aaa, mengurus *printed* jurnal *you* tak perlu banyak kursus kan, tapi kalau print- tak- ni- *you* kena *you* kena pergi kursus kan pergi kursus kan. Pastu aaa kadang-kadang, kalau kita beli katakan kita nak beli jurnal Pa-sit satu, kita beli satu je. Tetapi kalau kita beli jurnal *online*, dia datang dengan pakej kan. Jurnal *online* ni lebih mahal kan, tapi masalahnya dulu masa- masa kita mengurus *printed* jurnal kan, bajet itu kita banyak, besar kan, selalu berlebihan. Se-karang, apabila masa kita mengurus aaa *online* jurnal kan, bajet tak pernah cukup. Bajet tak pernah cukup kan aaa, *complicated* [rumit] kan. Dulu, kita tak boleh *monitor* [pantau] berapa ramai orang guna jurnal ini, kita beli kita letak dekat rak kan, tetapi sekaran ni kita kena *monitor* penggunaan dia. Kalau *printed* jur-aaa- kalau *online* jurnal, kita kena aaa kita kena aaa apa urus penggunaan dia. Kalau tak capai aaa penggunaan dia, erm jurnal itu jadi mahal. Jadi tak berbaloi kita beli. Kita kena batal. Pastu– apabila kita mengurus aaa *online* jurnal, kita kena buat selalu buat demo, kena selalu buat *marketing* [pemasaran], supaya orang guna benda yang kita beli bahan yang mahal ini. Dulu kita beli *printed* jurnal kita tak kisah. Beza memang beza, dulu (berhenti seketika) semasa kita bekerja, aaa sembilan puluh sembilan satu, sembilan puluh sembilan enam [1991,1996], kita hanya bekerja menghabiskan duit, sekarang ini kita kena cari duit. Aaa sebab itulah, *library* ada pustakawan penjaan kan. Salah satu tugas saya, semasa saya jadi KP, saya kena cari duit kan. Kita ada projek, kita nak buat katakanlah contoh macam ini kan, bilik ini kita- kita buat bilik ini. Bilik ini habis 10,000. Kita kena cari orang untuk *sponsor* [penaja] bilik ini. Ini nama dia orang yang *sponsor* bilik ini kan. Pastu kita namakan dia. Selepas lima [5] tahun, kita tanya dia balik, (bunyi selakan kertas) dia nak tak *sponsor* lagi bilik ini. Kalau tidak saya buka pada orang lain. *See?* [lihat?] Mana pernah berlaku dalam apa itu erm dulu kita kerja kita kena cari duit kan, semua dapat duit daripada kerajaan kan. Zaman saya tak. kan. Tapi saya ingat saya rasa mungkin salah satu sebab mengapa saya di-dilantik sebagai ketua (bunyi selakan kertas) sebab saya sebenarnya takde dalam senarai untuk jadi ketua pustakawan. Tak-de tau. Kalau ikutkan memang takde kan. Tetapi masa

temuduga, dua kali temuduga kan, aaa mengikut kata apa itu apa, mengikut kata pendaftar yang saya kenal, dia kata 'Wan, bila masa temuduga kan, *you* bercakap *you* bagi idea itu berbeza dengan orang lain'. Dia kata orang lain cakap benda *flow style*, sama je, tapi saya tak dia kata lain kan. Dan saya ingat balik tau, masa saya belajar dulu masa di ITM, kami *batch* [kumpulan] yang pertama yang— kan tiap-tiap hujung tahun kena cari duit kan, pergi *travel* mana-mana kan kan. Kami tak, kami buat seminar. Seminar Sistem Maklumat Islam. Kita dah buat duit dengan seminar. Kata ikut kata aaa dekan pada masa itu, dia kata *you batch* pertama yang cari duit hujung tahun buat seminar. (bunyi selakan kertas) *You* tahu aaa saya setiausaha aaa jawatankuasa buat seminar itu, sistem maklumat islam, *you* tahu saya jumpa siapa ? Saya jumpa Anwar Ibrahim. Tepakan duit. Sebab dia cikgu saya kan masa itu dia menteri pertanian. Aaa saya dapatkan duit, aaa untuk buat seminar sistem maklumat islam (bunyi selakan kertas) saya jumpa Anwar Ibrahim dia bagi saya 8 ribu ke daripada Rabithah Al-Alam Al-Islami. (bunyi selakan kertas) Pernah pernah ingat ? Pernah pernah dengar ? kan haa. Saya bagi dapat duit daripada itu. Dapat duit. Jadikan masa temuduga itu apabila dia tanya saya tentang penjawatan, saya ceritalah saya pernah masa belajar pernah jumpa Anwar Ibrahim, dapatkan duit daripada Rabithah Al-Alam Al-Islami kan, pastu saya ingat ingat balik haa rupanya itu lah tugas penjawatan yang pertama yang saya buat. Haa lepastu ka-kali kedua itulah kita dapat duit daripada Lim Goh Tong tu. 2 juta tu kan. (bunyi selakan kertas) Jadi aaa yang tu erm tuan pendaftar kata 'Wan, *you* cakap *you* bagi idea lain daripada orang lain haa' sebab masa sayaa aaa ditemuduga menjadi ketua pustakawan, saya gred lima puluh dua [52] sedangkan ada orang lagi- gred lima puluh empat [54] lebih tinggi daripada saya aaa kan. Jadi itulah rezekilah, dah tuhan tentukan macam tu kan haa. Tapi kadang-kadang apa yang kita cakap kita tak boleh tu kan. Banyak- banyak benda yang tak boleh tu kan, Okey ? Selingan selingan sikit kan ini aaa.

NAS : Erm, ada tak latihan yang diberikan kepada pustakawan dalam membuat gerak kerja pustakaan ?

WSA : Banyak. Terlalu banyak.

FNM : Antara contohnya.

WSA : In fact, kita ada kita ada apa dia panggil, kita ada bajet khusus untuk latihan dan-pustakawan UKM, mesti pustakawan di UKM mesti menghabiskan tujuh hari aaa dalam setahun untuk hadir kursus, macam-macam kursus. Aaa.

FNM : Contohnya?

WSA : Contoh aaa kalau macam orang itu aaa dia kerja penjanaan, kita bagi kursus tentang macam mana nak erm nak cari dana kan. Kalau dia itu sebagai aaa apa itu *cataloger* [pengkatalogan] kita akan bagi kursus tentang- *refresh* [penyegaran] tentang *cataloguing*. Dulu, dulu *cataloguing* kita kena buat AA1 kan, AA1. Sekarang ni kita tak tak guna dah, kita guna aaa *tagging* [penandaan] kan, aaa jadi memang- memang sentiasa- setiap *staff* di *library* memang kena hadir tujuh hari kursus. Walaupun GPE dah masukkan kita masih lagi-

FNM : Ada tak bajet setiap kursus itu ?

WSA : Ada. Memang ada. Kita memang ada bajet latihan kan, memang aaa saya rasa besar juga bajet latihan. Kena tanya lah ,saya tak ingat. Aaa bajet latihan (tokoh menyelak kertas kerja). Perancangan perpustakaan. (tokoh melihat kertas kerja)

\

NBB : Kalau anggaran aaa Encik Wan ?

WSA : Saya- tak ingatlah. Kejap ek. Sa-saya tengok berapa bajet dia ek (tokoh melihat kertas kerja).

(bunyi selakan kertas)

WSA : Bekalan data.

(senyap seketika dan bunyi selakan kertas)

WSA : Okey, ini ek aaa perancangan kewangan.

(senyap seketika dan bunyi selakan kertas)

FNM : Setiap kursus itu dia memerlukan bajet yang besar ke macam mana ?

WSA : Dia ni bajet daripada universiti. Tapi aaa bajet dia memang ada dalam- dalam- dalam bajet kami itu kan, slip gaji, erm beli bahan, ada latihan. Tapi kena tanya lah, saya saya rasa aaa kalau nak tahu kan *you* kena pergi aaa dekat atas, *consided document* [dokumen yang dipertimbangkan] dia panggil laporan tahunan perpustakaan. Semua ada dalam itu. Haa.

FNM : Aaa pendapat Encik Wan, bagaimana perhubungan pustakawan dengan pustakawan universiti-universiti lain ?

WSA : Okey. Dia banyak. Sebenarnya banyak jawatankuasa. Aaa dia ada jawatankuasa perpustakaan akademik, jawatankuasa perpustakaan undang-undang, aaa jawatankuasa perpustakaan perubatan MLG [Medical Library Group/Kumpulan Perpustakaan Perubatan] kan, aaa jawatankuasa– banyak jawatankuasa ni. Pastu, antara ketua ketua pustakawan, kita ada jawatankuasa ketua-ketua pustakawan kan, memang kita bubuh [letak], kita tanya tentang *resource sharing* [perkongsian sumber], aaa tentang latihan yang boleh kita sertai bersama kan, pastu bawah aaa MOHI pun ada aaa jawatankuasa aaa ketua pustakawan kan, yang aaa memang kita berjumpa selalu. Dua [2] tahun sekali, tiga [3] tahun sekali kan, daripada sebesar-besar jawatan sehinggalah ke sekecil-kecil jawatan. Memang ada. Contoh kalau macam *staff-staff* ni dia, dia bertemu masa dia buat PIK kan,-- kuarantin *improvement think* kan haa. Memang ada.

FNM : Ada tak aktiviti yang dilakukan yang melibatkan pustakawan-pustakawan dari pelbagai Universiti ?

WSA : Itulah bawah jawatankuasa tulah. (bunyi selakan kertas) Contoh macam saya, kalau macam saya di aaa pustakawan per- aaa hospital, saya pernah jadi pengerusi *medical library group* [kumpulan perpustakaan perubatan], memang ada. Kalau orang yang duduk kat perpustakaan undang-undang dia ada jawatankuasa undang-undang kan. Memang ada.

FNM : Encik Wan pernah terlibat ?

WSA : Saya sebenarnya pernah jadi pres- pernah jadi pengerusi *medical library group*. Bila ya. (bunyi selakan kertas) Aaa tahun, tahun–aaa tapi sebentar je saya pernah duduk.

(senyap seketika dan bunyi selakan kertas)

FNM : Encik Wan, bolehkah kita pergi ke– objektif seterusnya ?

WSA : Aaa jap nanti saya tunjuk sini ya ada kan ada (tokoh menunjuk kertas kerja) Aaa okey. Okey ?

NAS: (Mencelah) Encik Wan, hmm bagaimanakah penggunaan perpustakaan di kalangan warga digalakkan?

WSA: Memang ada kursus kemahiran maklumat. Ada kita uar-uar kan macam saya katakan tadi kita pernah buat *roadshow* [pertunjukan] kan. Kita bentangkan aaa keperluan dia gini [begini] kan, berapa ramai yang guna. Kita bagitahu--kita bagitahu dia memang ada *road show*. Ada apa pendedahan kan. Hmm kadang-kadang apabila mereka mintak [minta] bahan, kita tak dapat penuhi kan kita pulangkan balik kepada dia.

NAS: Ya

WSA: Aaa contoh hmm Profesor ni nak buku ni. Kita takde duit kan. Boleh tak aaa apa tu hmm kita mintak dia belikan buku tu pastu warkah kat perpustakaan? Pernah- pernah berlaku aaa pernah kita warkah kan kita--untuk dapat duit macam-macam kita buatlah kan. Esok kalau *you* kerja kan--dan kita pernah ambik seorang pustakawan. Dia bekerja di aaa apa dia panggil aaa Persatuan Orang Buta di Brickfields [Kuala Lumpur, Malaysia]. Tapi, dia pernah dapatkan duit daripada CIMB [*Commerce International Merchant Bankers*] untuk beli *resources* [bahan]

kan dia ada pengalaman. Saya ambil dia sebagai pustakawan kerana pengalaman cari duit.

NAS: Okey.

WSA: Okey. Saya jawab soalan ke tadi?

NAS & FNM: Menjawab.

WSA: Haa

NAS: Encik Wan kan bekas ketua pustakawan, apakah yang mendorong Encik Wan untuk mengambil dalam bidang pustakawan?

WSA: Sebab tu lah saya kata pendedahan saya. Masa tingkatan enam itu kan, saya aaa ambil STPM di Yayasan Anda Akademik. Dalam masa yang sama, saya jadi ahli perpustakaan. Lepas tu, apabila beberapa bulan itu, apa itu ketua perpustakaan tu dia dapat-dia dapat hmm jadi cikgu di-dia masuk maktab. Jadi, aaa ada kekosongan jawatan ketua perpustakaan. Oleh kerana saya ni antara orang-orang yang aktif, Anwar Ibrahim lantik saya jadi ketua perpustakaan kan. (Bunyi selakan kertas). Dari situlah saya kenal aaa perpustakaan kan saya juga aaa apa jaga perpustakaan abil kan. Saya dibagi bajet untuk-untuk beli buku pelajar kan. Dari situ minat saya timbul lah. Pastu saya mohon hmm--kalau orang lain aaa dipaksa di-bukan pilihan pertama.

FNM: Encik Wan memang minatlah bidang-

WSA: Memang. Pilihan pertama *library science*. Pilihan kedua *library science*. Pilihan ketiga *library science*. Yang keempat tu bukan-*masscom* ataupun law tak ingat saya lah aaa. Saya memang nak jadi perpustakaan.

FNM: Selepas mendapat tawaran menjadi ketua pustakawan, apakah perasaan Encik Wan ketika menerima jawatan itu?

WSA: Saya nak kata macam mana berbelah-bahagi tidak. Sebab isunya gini tau kan okey kita cerita sikit ehh. Ni pun *you* boleh amik pengalaman. Saya-tadi saya bagitahu kan saya ni bukan dalam senarai jadi ketua pustakawan kan.

FNM: Aaa (mengiyakan)

WSA: Saya pun masa tu gred 52. Ketua pustakawan-jawatan ketua pustakawan dia JUSA [Jawatan Utama Sektor Awam]. Tahu-*you* tahu ke apa benda ni JUSA sebelum ni. JUSA C.

NBR: Nama je tahu.

WSA: Aaa okey senang gini lah. Pensyarah *you* pensyarah kanan kan.

NAS: Hmm

WSA: Dia gred 52 lah pensyarah kanan. 52. Macam saya ketua pustakawan hospital masa temuduga kan. Lepas tu, kalau dia jadi Profesor Madya, dia gred 54 (senyap seketika) aaa okey. Kalau dia profesor, JUSA C, JUSA pertama lah-JUSA C kan. Dia ada gaji itu. JUSA C itu elaun dia memang banyak daripada gaji (ketawa kecil) aaa elaun dia memang banyak daripada gaji kan aaa okey. Perasaan saya kan?

NAS: Okey.

WSA: Di-dia bukan *direct* [secara langsung] macam tu tahu. Jadi, saya pernah bos tanya. Bos saya ni-ni Puan Habsah, ketua pustakawan. Suami dia profesor ni. Dia ketua pustakawan sebelum saya kan. Dia tanya saya, Wan--saya lama duduk hospital kan. Saya memang *staff* [pekerja] hospital (bunyi selakan kertas). Bukan *staff* UKM Bangi. Sa-Dia kata 'Wan, *you* nak pindah ke Bangi?' Dia tahu masa de-de-dekat belakang ni kan (bunyi sesuatu). Saya kata tak. Saya tak nak. Saya nak duduk hospital. Saya tak nak datang belajar. Saya tahu dah dalam otak saya, kalau datang sini, saya kena buat benda baru dan belajar, ke-tak nak kan. Saya-[tidak jelas]. (Bunyi berbisik) Tetapi apabila aaa di-dia hospital UKM, di UKM Bangi sekarang ni, 52 ramai. Ketua pustakawan semua 52. Ketua pustakawan cabang 52 ramai. Lima ke enam orang dah. *Sorry* [maaf], satu-dua-satu-dua-tiga. Ada tiga orang ketua pustakawan. Ketua pustakaan cabang ni ada yang 52, ada 48. Kalau besar tu 52 lah macam hospital tu 52. Aaa tetapi kat sini, JUSA ke-Puan Habsah-Habsah ni ketua pustakawan JUSA C. JUSA C dapat kereta tahu. Ada kereta (ketawa kecil). Dapat elaun, dapat kereta ataupun dia bagi elaun kereta. Lepas tu, bawah dia ada dua 54. KP [ketua pustakawan] sekarang Cik Rohaya--pastu aaa Puan Rosnah. Puan Rosnah tu pernah jadi ketua saya di sebelum datang 54 sini, dia ketua saya di-masa tu saya 48 kan. Apabila dia dapat 54 kat sini, saya dapat naik 52 sebab saya lama duduk kat hospital kan. Hmm kan apa tu jadi ada JUSA C, ada dua 54, Puan Rosnah ketua saya, bekas ketua saya dengan Cik Aya. Cik Aya ni saya masuk sama de-satu kolej 1991. Apabila Puan-Puan Habsah pencen, Puan Rosnah ketua saya tu 54 dia memangku dalam lima bulan ke enam bulan.

Enam bulan kan. Lepas tu, Cik Rohaya jadi timbalan dia kan aaa. Tetapi selepas Puan Habsah pencen, dia bukak temuduga, ni cerita eh. Dia bukak temuduga--ni perasaan saya lah, saya cerita kat *you*, tak cerita kat orang lain. Dia bukak temuduga, temuduga pertama dia panggil hmm Puan Rosnah yang memangku aaa ketua pustakawan UTeM [Universiti Teknikal Malaysia, Melaka]. Dia memang gred 54 jugak. Pastu, mantan ketua pustakawan aaa mantan ketua pengarah perpustakaan negara, Dato' Raslin sebab isteri-isteri dia tu *batch* [kumpulan] saya, Datin Jamaliah itu temuduga pertama tiga orang itu temuduga pertama. Ketiga ini pengurusan universiti tak nak termasuklah bos saya, Puan Rosnah. Tak nak. Dia tak nak.

NBR: Kenapa?

WSA: Tak tahu kenapa. Dia tak cerita dia tak nak tapi tiga-tiga dia tolak. Dia tak nak.

NBR: Kerja tak bagus ke apa?

WSA: Tak tahu. Wallahualam tak tahu. Kan benda itu memang dia tak cerita sebab apa dia tak nak kan dia tak nak. Dia buka-dia buka temuduga lain. Dia panggil semua lima puluh--tadi Puan Rosnah 54, di-dia tak-tak dapat kan. Dia tetap 54. Lepas tu, aaa apa tu Puan Cik Rohaya, dia memang Puan Cik Rohaya. Pastu dia bukak semua 52. Saya, Puan Azmah ada tiga orang 54 campur Cik Aya. Dia juga buka pada orang lain. Dr. Kasiah datang. Kenal Dr. Kasiah?

NAS & FNM: Tak kenal.

WSA: Tak kenal? Per-perpustakaan UiTM. Lepas tu jadi KP Universiti Malaya. Dia bukak.

NAS & FNM: Oo

WSA: Dia buka-dia buka. Saya ingat temuduga pertama tengah malam. Lima orang ke enam orang. Pensyarah daripada aaa komputer sains pun datang. Ada tujuh orang semua. (Bunyi kertas diselak). Bukak muka surat-temuduga pertama, bercakaplah-bercakap. Dia tak kenal pun kita. Dia bukan kenal kita. Saya takde saran. Kalau ikutkan bos, tak mungkin puan jadi KP kan. Tetapi, pene-temuduga pertama saya disenarai pendek.

NAS: Okey.

WSA: Cik Rohaya, Puan Ana 52, ketua pustaka undang-undang, saya dengan Dr. Kasiah. Empat orang. Mula tujuh. Pensyarah yang dah gred 54, pro-profesor madya pun tak dapat kan.

NAS: Encik Wan (ingin mencelah)

WSA: Temuduga kedua dia tanya kalau *you-you* jadi KP, apa *you* nak buat. Dia cakap satu dua tiga kan. Pustaka dalam taman, kafe kan. Penjanaan pengalaman saya sebagai penjaga alam kan.

NAS: Encik Wan, aaa tanggungjawab sebagai-

WSA: Nantilah, saya belum habis lagi citer [cerita] pe-*you* tanya perasaan saya kan. Citer-citer kan. Aaa apabila saya jadi ketua pustakawan kan saya gred 52, naik 54. Saya sama dengan Puan Rosnah. Saya pun berbelah bagi. Pu-Puan Rosnah ni baik. Bos saya kan. Baik tau.

NBR: Masa *interview* [temuduga] tu, Encik Wan dipilih?

WSA: Saya dipilih.

NBR: Sa-Memang Encik Wan sorang ke dipilih?

WSA: Saya dipilih sorang lah. Saya dilantik kan. Apabila saya nak masuk hari pertama-

NBR: Haah

WSA: Saya tak pernah kerja sini tau. Saya memang kerja kat hospital kan. Saya tanya pun-PA [*personal assistant*] saya, aaa Cik Fauziah. Cik Fauziah, macam mana ni saya nak masuk jadi KP, nak masuk bilik ketua pustakawan ini kan. Saya seganlah. Segan malu lah dengan Puan Rosnah kan. Tiba-tiba, bos saya jadi-jadi timbalan saya pulak (ketawa kecil). Tetapi yang bagusnya (bunyi kerusi), yang bagusnya saya kan gred 52, naik 54. Tetapi, bos saya yang tak dapat itu 54 dia bagi JUSA aaa dia bagi JUSA. Dia sembilan bulan lagi. Jadi-jadi dia timbalan saya. Dia adalah JUSA tetapi saya ketua pustakawan 54. Dia macam-macam akademiklah. Walaupun *you* aaa ketua jabatan, dekan, tetapi *you* bukan profesor. Profesor tu ba-bawah *you* kan. Jadi camne [macam mana], apa perasaan *you*? Di-dia telefon PA saya kan. Dia telefon PA saya. Dia kata Cik Wan takpe Cik Wan. Puan Rosnah bila dia dapat jadi JUSA, tapi tak dapat jadi KP, dia berseri-seri aaa dia hitam-

hitam manis kan. Aaa PA katakan, Puan Rosnah berseri-seri. Gembira tak jadi KP tapi dapat jadi dapat JUSA. Beza tau--kalau aaa kalau *you* duduk aaa gred 54, satu bulan aaa setahun naik gaji RM390 kan (bunyi berbisik). Kan tahun berikut tu *you-you* akan tambah RM390. Elaun dia lainlah dia cerita kan. Tetapi kalau JUSA, kalau dia KP JUSA, tahun berikut tu *you* akan dapat sepuluh peratus [10%] daripada gaji.

NBR: Aaa – (tidak jelas)

WSA: Banyak (nada teruja). Beribu.

NAF: Haa

WSA: Beribu-beribu kalau--saya sempatlah tiga kali naik. *Sorry*, sembilan *percent* [peratus]. Seribu lebih dapat-dapat naik seribu lebih. Haa tu haa kan tu. Jadi kan perasaan saya dia tadi – (tidak jelas), itulah berbelah bagi tau sebab ketua saya akhirnya jadi timbalan saya walaupun dia JUSA enam bulan. Kejap, bila saya jadi KP kan aaa saya lan-saya anggap dia sebagai penasihat. Bukan timbalan saya.

NAS: Okey.

WSA: Jarang sangat saya *refer* [rujuk]--saya arahkan dia aaa 'Puan Rosnah, buat ini-buat ini, tak.

NAF: Segan lah, Encik Wan segan.

WSA: Bukan segan. Saya hormat dia aaa kan. Ini beza dia. Apa itu apa-apabila dia dilantik sebagai itu kan, kita hormat dia. Kita tanya pendapat dia. Sebab dia kan memangku lama. Dia ketua saya kan. Jadi, dia tak rasa yang dia timbalan aaa jadi saya anggap dia sebagai penasihat saya kan. Contoh macam kalau ada kerja-kerja yang dia dah *initiate* [memulakan]. Contoh pelantikan pustakawan baru. Saya lepas tangan. Saya bagi Puan Rosnah habiskan, selesaikan. Dia gembira lah. Dia tak terasa hati lah kan aaa macam tu kan. *You*--kadang-kadang *you* bijak, *you* pandai tetapi *you* tak bijaksana kan. Jadi se--dan ini berlaku kepada orang muda tau kan. Kadang-kadang, kita dengar kan orang muda cepat melenting, cepat apa tu kan. Kadang-kadang pengalaman yang mengajar *you* kan. Baru dia selesa. Dia dengan senang hati. Pencen lepas selepas sembilan bulan dia pencen. Baru saya dapat JUSA kan dan kadang-kadang kan Tuhan yang bawa kita kan. Apabila dia pencen, baru sembilan bulan pencen saya dapat naik JUSA kan naik JUSA. Saya dapat -- [tidak jelas] tau. Puan Rosnah pencen itu JUSA tu saya dah dapat. Saya dapat bet date sampai kan saya dapat--[tidak jelas] enam puluh ribu [RM60,000] (bunyi selakan kertas) dapat aaa boleh pergi umrah satu family aaa kan. Banyak orang dalam-dalam kerja ni kan *you* tak dapat apa yang *you* nak tahu. Banyak sebenar. Kalau nak cerita pengalaman. Saya bila jadi KP kan, bos saya dia dapat kereta kan tapi saya dinafikan oleh pendaftar. Pendaftar tu baru, muda kan. Dia nafikan kan. Saya kata takpelah. Saya pun tulis surat, merayu kan. Lepas tu, akhirnya dia bayar. Dapatlah *rebate gate* [bayaran], lima puluh tiga ribu [RM53,000] (ketawa kecil). Itu yang saya *decide break* [memutuskan untuk rehat] nak-nak pergi berjalan ni kan aaa. Takde tau dalam--orang citer dalam UKM takde tau orang yang dapat *rebate gate* sampai sembilan bulan. Sampai puluh-puluh ribu. Saya dua kali dapat--[tidak jelas]. --[tidak jelas] elaun kereta, --[tidak jelas] naik pangkat kan. Tapi *you* kena sabar lah kan. Insya-Allah Tuhan takkan apa kan. Saya cerita, saya apabila saya taip-taip Puan Rosnah 54 naik JUSA tapi dia tak jadi KP. Saya anggap dia sebagai penasihat saya. Benda-benda yang dia buat tertangguh tetapi dia tak jadi KP, sa-saya suruh dia selesaikan okey. Dia takkan terasa hati kan. Dia orang tua. Orang tua daripada kita.

NAS & FNM: Ya, betul.

WSA: Aaa sembilan bulan lagi dia pencen. Takde masalah. Kadang-kadang--saya ingat masa saya jadi KP kan sembilan bulan tu, kebanyakan masa saya pergi jumpa dia.

NAS & FNM: Hmm

WSA: Sekali je dia datang jumpa saya tapi dia memang panggil saya Cik Wan jugalah.

FNM: Encik Wan jumpa dia untuk tujuan apa biasanya?

WSA: Saya kata 'hmm Puan Rosnah, boleh tak Puan Rosnah habiskan temuduga ni. Puan Rosnah lantik lah siapa yang orang nak kan sebab dia dah buat senarai pendek kan aaa. Lepas tu, saya kata 'Puan Rosnah boleh tak wakilkan saya pergi. Dia pergi. Dia wakilkan saya kan. Aaa lepas tu, last sekali dia datang jumpa saya kan dia tak boleh selesaikan tentang tuntutan *overtime* [kerja lebih masa]. *Staff-staff* kat sini kan ui dengan duit *you* janganlah dengan *staff* sebab kita bayar ni. Bayar *overtime* ini kalau dia kerja hari Sabtu ini. Kalau pegawai, tak. Dia tak-tak-tak boleh buat-bayar *overtime* tapi *staff* di kaunter tu dibayar. Gaji dia berd-sejam tu berdasarkan gaji dia. Kalau gaji dia tinggi, kalau dia apa-mahal. Tiga puluh ringgit [RM30] satu jam.

NBR: (percakapan tidak jelas)

WSA: *Staff* tu aaa jangan. Saya memang salah satu kerja saya saya kena mohon setiap enam bulan sekali saya kena mohon duit untuk bayar *overtime*. Tapi, lepas tu PKP Alhamdulillah takde dah ditutup isu *overtime*. So, okey tu perasaan saya. Berbelah bagi sebenarnya kan aaa sebab dia.

FNM: Okey kalau macam tu kita pergi ke soalan seterusnya lah.

WSA: Okey. Boleh ke lagi? Dah pukul berapa dah ni? Pukul dua belas.

FNM: Soalan terakhir, boleh?

WSA: Boleh-boleh, takde masalah.

FNM: Adakah sebarang nasihat yang dapat diberikan kepada seseorang yang memegang jawatan sebagai pemimpin buat kali pertama?

WSA: Itu yang saya kata kan. *You* kena bijaksana lah kan. Jangan ikut aaa jangan ikut-- ada yang saya lihat orang yang apabila dia dilantik sebagai-sebagai ketua pustakawan kan, kadang-kadang dia diam, takut kan aaa duduk memerintah je. Kalau saya boleh memerintah sebab kita-kita ada *basic* [asas] dah kan tapi tak lah. Kita tak boleh kita kena banyak pertimbangan kena buat tau sebab contoh macam tadi Puan Rosnah tu kan, dia pernah jadi bos saya dan masa jadi bos saya, ba-orang yang terlalu baik. Setiap hari Jumaat, bawa nasi-nasi lemak (ketawa). Haa dia memang pemurah. Pen-sebab tu apa tu rezeki dia. Sebab tu saya kata Puan Rosnah orang yang terlalu pemurah kan. Walaupun nasi lemak, pagi-pagi dia bangun masa di-dia di hospital lah, dia takde anak. Dia suami pun takde kan. Aaa dia pernah kahwin lah dia pernah kahwin. Pernah keguguran. Tapi terlalu baik. Manusia terlalu baik. Rezeki dia murah kan. Jadi kan, saya kata ke-kena kata kadang-kadang kita ni dapat jawatan tapi kita kena bijaksana lah. Kena buat banyak pertimbangan kan. Jangan aaa jangan riak, takbur, ujub kan aaa. Ini yang kadang kita tengok orang, orang yang apa yang hmm orang muda lah *especially* [terutama] orang muda lah. Aaa

saya

pernah alami tahu masa praktikal. Masa praktikal kan masa saya tu saya kerja di Dewan Bahasa dan Pustaka hmm Dewan Bandaraya Pustaka Peringatan Kuala Lumpur, Mamat ni datang yalah dia daripada aaa apa tu *school* [sekolah] kan. Datang ni tak betul, apa yang saya belajar ni tak betul. Itu tak betul, ini tak betul. Tak boleh tahu. You, kadang kadang apa yang kita belajar memang betul tetapi realitinya tak.

NAS: Ya

WSA: Tak, tahu. Tapi kan, *you* janganlah aaa apa dia panggil aaa riak kan. Kadang-kadang, *you* tak sedar *you* ini riak tahu.

NAS: Ya

WSA: Riak ni selalunya orang yang aaa ke-kenal Tuhan dia itu tapi dia tewas dengan godaan setan. Setan kalau dia berdepan dengan orang yang kenal Tuhan, ada agama dia akan buat betul ini, pandai ini, riak kan. Kena ingat tu kan. Tak ada orang yang maksum dari godaan setan.

NAS: Ya, betul.

WSA: Haa itu yang saya-saya pernah jumpa kan. Ini--contoh masa saya jadi KP masa saya jadi KP kan, saya tak ganggu orang malam-malam. Saya tak mesej orang malam-malam. Sebab saya tahu *staff* saya kebanyakan nya perempuan. Perempuan balik kena masak, kena jaga anak, dia kena lipat baju, Saya suami paling pemalas. Saya tak buat kerja pejabat dekat rumah. Tak pernah. Sebab tu anak saya bila saya kata, anak saya yang sulung tanya aaa Wani, *you* buat *library science* lah.

Abah kerja apa? Dia tak tahu kerja saya apa. Saya tak-balik susun setem, balik rendam setem. Saya tak pernah bawa kerja kat [dekat] rumah kan dan saya tak pernah ganggu orang waktu orang selepas waktu pejabat. Kecuali terdesak sangat, saya akan minta maaf dulu. Ini kadang-kadang mesej orang, Assalamualaikum senyap je. Ada-ada ketua yang mesej kita. Di-Assalamualaikum. Lepas tu dia senyap. Dia ingat kita ni hari-hari mengadap telefon ke kan. Tak boleh, *you* bagi salam pastu ceritalah apa yang nak buat kan. Bukan semua orang hari-hari mengadap telefon kan. Benda-benda macam ni kena belajar tahu. Dan saya tak pernah ganggu. Tanya surirumah saya. Saya tak pernah ganggu. Saya tahu dia ada anak. Dia ada isteri, dia ada suami.

FNM: Hmm Encik Wan aaa bagi Encik Wan perlu tak sifat kepimpinan diterapkan pada usia muda lagi?

WSA: Betullah. Perlulah kan memang tapi kena banyak membaca lah. Pengalaman juga kan. Contoh saya pernah pergi luar negara dengan-dengan pustakawan. Saya bawa dialah untuk belajar kan. Dia mungkin tak pernah pergi *oversea* [luar negara] kut. Saya kata kat dia, kalau *you* nak pergi buat apa-apa di luar negara waktu musim sejuk, (bunyi kertas diselak) waktu siang dia pendek. Pukul empat, pukul lima dah-dah gelap dah kan. Jangan *you* nak buat banyak benda dalam masa satu hari macam waktu siang di Malaysia. Tapi dia tak dengar. Dia tak dengar. Nak pergi *Beach Library* [New York], nak pergi kan. Saya kata *you* pergi lah. Saya tak nak. Baik tidur lah (ketawa kecil). Pastu dia balik, betullah Cik Wan. Dah gelap, dah tutup dah *library*. Kadang-kadang pengalaman mengajar *you* tahu kan-kan. Ini nak tunjuk dia pandai. Dia tak dengar cakap orang kan. Saya balik. Dia datang kali kedua. Tak nak dengar.

NBR: Haa Encik Wan sampai sekarang ke dengan Puan Rosnah tu masih *contact* [berhubung] lagi?

WSA: *Contact*.

NBR: *Contact* lagi.

WSA: Kita ada *group* bersara.

NBR: Haa *contact* dalam *group* jelah?

WSA: *Group*

NBR: Kalau lepas balik dari Jepun ni-

WSA: Tak-tak. Okey.

FNM: Hmm Encik Wan, masa kita dah tamat. Boleh kita akhiri-

NAS: Masa telah mencemburui kita

WSA: Hah

NAS: Masa sudah tamat

WSA: Okey, sudah tamat.

NAS: Ya. Boleh kita akhiri sahaja temuramah kita hari ini. Dengan ini, tamatlah sesi temubual sejarah lisan mengenai pen-pendokumentasian mantan ketua pustakawan hospital UKM bersama Encik Wan Suhaimi-

WSA: Ketua pustakawan UKM.

NAS: Ketua pustakawan UKM bersama Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan temubual ini. Sekian, terima kasih.

WSA: Ya, sama-sama. Terima kasih kembali.

4.0 RINGKASAN

Kajian ini menerangkan tentang pengalaman tokoh sebagai ketua pustakawan hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, dan merungkai sejarah penubuhan perpustakaan hospital UKM. Kajian ini dijalankan melalui kedah sejarah lisan. Segala perincian dan maklumat sejarah yang dirakamkan didalam temubual disalin, disemak dan ditaip semula yang dapat dijadikan sebagai bahan penyelidikan dan rujukan oleh para penyelidik. Bagi kajian ini, sesi temubual yang pertama telah dijalankan secara atas talian disebabkan kekangan waktu dan ia dijalankan pada 15 Disember 2021. Sesi temubual ini dijalankan secara atas talian dengan menggunakan aplikasi panggilan video iaitu *Google Meet* yang bertempat di kediaman masing masing, selama hampir dua jam pada sesi pertama temubual. Sesi pertemuan kedua, dilakukan dengan kaedah bersua muka bersama tokoh di Perpustakaan Tun Sri Lanang, Bangi di Kajang. Sesi temubual yang kedua ini telah dijalankan pada 17 Disember 2021 pada waktu pagi dan pada sesi kedua ini kami menggunakan kaedah rakaman video dan audio untuk mendapat maklumat dengan lebih terperinci. Sesi temubual tersebut telah mengambil masa selama hampir dua jam.

Antara cabaran yang dihadapi semasa proses temubual ialah tokoh menunda tarikh untuk menemubual beliau pada peringkat permulaan. Namun begitu, tarikh sebenar didapati selepas itu. Cabaran kedua ialah tokoh terpaksa pergi ke Jepun dan telah menyebabkan kami tidak menemuramah beliau. Cabaran yang seterusnya, tokoh tidak mengetahui cara untuk menggunakan aplikasi *Google Meet* kerana beliau sudah pencen. Walaupun begitu, kami tetap dapat menjalankan temuramah awal dengan menggunakan aplikasi yang sesuai. Semasa temubual kedua, kami tidak dapat menjalankan temuramah mengikut masa yang ditetapkan. Hal ini kerana, perpustakaan tersebut dibuka pada pukul 10:00 pagi. Pada pukul 10:30 pagi, kami memulakan temuramah. Cabaran kedua, proses temuramah kami ada sedikit gangguan di mana kawan kami telah mencelah soalan yang tidak bersesuaian dalam temubual tersebut. Hal ini telah menyebabkan kami tidak dapat menanyakan soalan yang penting kepada tokoh.

5.0 LOG TEMUBUAL

Berikut merupakan ringkasan temubual bersama Encik Wan Suhaimi Bin Arifin bertujuan menceritakan maklumat berkaitan pengalaman beliau sebagai ketua pustakawan dan sejarah penubuhan perpustakaan hospital UKM sepanjang temubual bersama beliau.

MASA	SOALAN	PERKARA
0:00 - 6:19	Latar belakang tokoh dan latar belakang keluarga	• Nama sebenar Wan Suhaimi bin Ariffin • Berumur 61 tahun • Sudah pencen daripada UKM • Dilahirkan pada 3 Mac 1961 di Palekbang, Kelantan • Sekolah Kebangsaan Sri Petaling, Selangor • Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur • Yayasan Anda Akademik • ITM • Anak sulung daripada tujuh orang adik-beradik • Nama ayah Ariffin Bin Daud dan nama ibu Wan Aisyah Binti Wan Idris • Berkahwin dengan Ustazah Hasyimah Binti Mat Yunus • Nama anak-anak: Wan Sarah Syazwani, Wan Aisyah Samiha dan Wan Adreen Shahira
6:51 - 11:47	Latar belakang pendidikan	• Diploma Library Science di ITM

		● Menyambung pelajaran ke United States
18:18 21:35	- Cita - cita dan hobi tokoh	● Citanya semasa kecil ialah ingin menjadi pilot ● Mengumpul setem ● Membela ayam serama
22:39 30:53	- Rentetan sejarah penubuhan perpustakaan perpustakaan hospital UKM	● Mengambil pensyarah daripada Indonesia untuk mengajar dalam perubatan ● Pada tahun 1970, perpustakaan berpusat di Jalan Travers ● Berpindah ke kampus Kuala Lumpur di Chow Kit ● Pada tahun 1997, mengasingkan buku-buku clinical mengikut tahun pelajar dan memindahkan ke hospital UKM ● Syarikat perubatan menyediakan perkhidmatan kepada Fakulti Perubatan, Fakulti Kesihatan Bersekutu, Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi. ● Dekan fakulti perubatan dan pengarah pertama Allahyarham Tan Sri Khalid Kadir ● Perpustakaan perubatan maya di perpustakaan hospital Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan untuk pencarian buku-buku secara atas talian.
41:10- 49:36	Sejarah Penubuhan Hospital UKM	● Objektif penubuhan ● Penanda aras penubuhan perpustakaan

		hospital UKM • Jabatan awal ketika penubuhan perpustakaan hospital • Penerimaan warga UKM terhadap penubuhan perpustakaan hospital • Tahap literasi maklumat dalam kalangan warga
1 jam 33 saat - 1 jam 35 saat	Penggunaan perpustakaan dalam kalangan warga	• Mengadakan roadshow untuk pembentangan sesuatu keperluan • Professor pernah belikan buku dan diwarkahkan kpd perpustakaan • Melantik pustakawan yang mempunyai pengalaman dalam berurusan dengan pihak CIMB untuk pembelian bahan.
1 jam 35 saat - 1 jam 36 saat	Dorongan menjadi pustakawan	• Ahli perpustakaan semasa STPM di Yayasan Anda Akademik • Anwar Ibrahim melantiknya sebagai ketua perpustakaan • Memohon bidang perpustakaan untuk melanjutkan pelajaran
1 jam 50 saat - 1 jam 54 saat	Nasihat tokoh kepada orang yang memegang jawatan sebagai pemimpin	• Bijaksana dalam memimpin • Banyak membuat pertimbangan ke atas sesuatu perkara • Jangan riak, takbur dan ujub

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidikan atau kajian merupakan satu kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat yang tepat, sah dan tidak ditokok tambah. Kajian yang dilakukan akan dijadikan bukti segala maklumat yang diperolehi. Segala maklumat yang diperolehi semasa dalam penyelidikan akan dicatat dan dijadikan artikel, bibliografi, jurnal dan sebagainya. Informasi tersebut tidak akan disebarakan kepada individu atau organisasi lain kerana ia merupakan rahsia antara orang yang menemu ramah dan individu yang ditemuramah.

7.0 RALAT

Sepanjang sesi temubual tokoh berlangsung, terdapat beberapa ralat yang telah berlaku secara tidak disengajakan. Akibat ralat tersebut, kelancaran sesi temubual agak terganggu. Antara ralat yang dihadapi ialah :

- Bunyi helaian kertas
- Bunyi suara bertindih
- Bunyi penghawa dingin
- Suara yang tidak jelas
- Kawan mencelah
- Sebutan yang tidak jelas

Namun begitu, sesi temubual masih berjaya dijalankan walaupun terdapat sedikit gangguan daripada unsur-unsur luar dan juga berjaya menamatkan sesi temubual dengan baik.

8.0 GLOSARI

PERKATAAN	MAKSUD
Asuhan	Peliharaan dan didikan, atau jagaan semasa kecil
Biasiswa	Wang yg diberikan kpd pelajar utk membiayai atau membantu membiayai pelajaran (biasanya di maktab atau di universiti)
Covid	Coronavirus (COVID-19) adalah penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus corona yang berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan.
Assabiyah	Semangat kesukuan yang melampau
Dominan	Berkuasa atau berpengaruh, mendapat tempat atau kedudukan yg (berkuasa, berpengaruh, dan sebagainya)
Dewan Bahasa dan Pustaka	Badan berkanun yg mempunyai tugas dan tanggungjawab membina, memajukan dan memperkembang bahasa Kebangsaan dan sastera serta melaksanakan tugas-tugas lain
Graduan	Mahasiswa yang akan menerima ijazah pada hari penyampaian ijazah.
Indeks	Daftar kata penting menurut abjad berserta nombor halaman terdapatnya kata tersebut, biasanya diletakkan di bahagian akhir sesebuah buku
Inisiatif	Kebolehan utk melihat apa-apa yg perlu dilakukan dan

	berusaha pula utk menjayakannya
Kewangan Islam	Peraturan dan prinsip Syariah atau Islamik dan berbeza dari kewangan konvensional.
Maksum	Terpelihara atau bebas daripada dosa
Otomasi	Teknologi berkaitan dengan penerapan mekanik, sistem elektronik, dan berbasis komputer untuk mengoperasikan dan mengendalikan produksi
Perintis	Orang yg pertama sekali mengusahakan
Sarjana	Orang yg pandai-pandai (bijak), ahli dlm ilmu pengetahuan atau cendekiawan
Takbur	Angkuh
Ujub	Kagum terhadap diri sendiri

9.0 INDEKS

A

Anti-malaria, 14

B

Buku, 28,29,38

Ayam serama, 25, 26

Assabiyah, 24

Arkib, 45,47,48,49

C

Covid, 15

E

Exco, 19,27

Email, 55

G

Gaji, 65,69

I

Idea, 54

Indek, 20

K

KASEF, 19

Kertas konsep, 30,33

Khusus, 53

Kursus, 42,57,59

Konduksif, 54

Konsep, 30,33

Komputer, 67

Biasiswa, 20,21

Bajet, 32,34,35,57,59

D

Dominan, 15

Diploma, 17,19

Dekan, 31,33,34,38

H

Hospital, 29,30,34,38

J

JPA, 20

P

Pengkatalogan, 18,39,42,60

Perintah Kawalan Pergerakan, 25,42

Perpustakaan, 19,20,27,28,29,30

Pustakawan, 17,30,33,41,54

Perisian, 32,47

Pencen, 27,66,71

Pengurusan, 30

Perintis, 30

Pendaftar, 32,53

T

Trofi, 20

M

Temuduga, 52,54,66

Masscom, 17

O

Otomasi, 31

S

Sains, 14

Seminar, 58,59

Statistik, 54

Setem, 19,25,26,27,42

10.0 RUJUKAN

Arkib Negara Malaysia. (2023). Sejarah Arkib Negara Malaysia. Diakses pada 17 Januari 2023 di

http://www.arkib.gov.my/web/guest/sejarah?p_p_id=56_INSTANCE_R9Nv&p_p_lifecycle=0&p_p_state=normal&p_p_mode=view&p_p_col_id=column-inner-3&p_p_col_count=1&page=6

- Bikram Pal Kaur & Himanshu Aggrawal. (2013). Exploration of Success Factors of Information System. IJCSI International Journal of Computer Science Issues, Vol. 10, Issue 1, No 2, January 2013. ISSN (Print): 1694-0784 | ISSN (Online): 1694-0814. www.IJCSI.org
- Brainly. (January 13, 2017). Latar Belakang Seseorang. Retrieved on December 13, 2022 from <https://brainly.co.id/tugas/8987667>
- Dewan Budaya. (2022). Arkib Negara: Aksara Kedaulatan Negara. Diakses pada 18 Januari 2023 di <https://dewanbudaya.jendeladb.gov.my/2022/05/17/1819/>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Galeri. Diakses pada 1 Januari 2023 di <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=galeri>
- Essays, UK. (November 2013). Major Causes of Information Systems Failure Information Technology Essay. Retrieved from <https://www.ukessays.com/essays/information-technology/major-causes-of-information-systems-failure-information-technology-essay.php?cref=1>
- Fossey, E., Harvey, C., McDermott, F., & Davidson, L. (2002). Understanding and evaluating qualitative research. Australian & New Zealand journal of psychiatry, 36(6), 717-732.
- Holidify. (n.d). Galeria Perdana. Retrieved on December 14, 2022 from <https://www.holidify.com/places/langkawi/galeria-perdana-sightseeing-1259603.html>
- Indeed Editorial Team. (30 August 2021). What Is a Librarian? Role Definition and Career Tips. Retrieved on 15 December 2022 from <https://in.indeed.com/career-advice/finding-a-job/what-is-a-librarian>
- Jabatan Muzium Malaysia. (2023). Mengenai Jabatan Muzium Malaysia. Diakses pada 17 Januari 2023 di <http://www.jmm.gov.my/ms/mengenai-jabatan-muzium-malaysia>
- Kamus Dewan dan Pustaka. (2017). Definisi Ilmu. Retrieved on December 18, 2022 from

<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ilmu>

Pengertian Maklumat. (2010). Retrieved From
<http://ms.shvoong.com/socialsciences/communication-media-studies/2072620-pengertian-maklumat/>.

Pengurusan Maklumat Digital. Retrieved from
<https://www.slideshare.net/Fadzliaton/pengurusan-maklumat-digital-11704221>
Perpustakaan Negara Malaysia. (2001). Penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia.
Retrieved on December 8, 2022 from
https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Edu_PNM.htm#:~:text=Setelah%20menduduki%20beberapa%20premis%20ke,dirasmikan%20pada%2016%20Disember%201994

Sistem Pengurusan Maklumat (2009). Retrieved From
<http://www.successideaweb.com/ms/cms/contentmanagementsystem/sistempengurusan-maklumat>.

Sejarah Perpustakaan di Malaysia. Retrieved from
<https://www.scribd.com/doc/23743961/Sejarah-Perpustakaan-Di-Malaysia>

The University of Edinburgh. (2022). Literature review. Retrieved on December 10, 2022 from
<https://www.ed.ac.uk/institute-academic-development/study-hub/learning-resources/literature-review#:~:text=A%20literature%20review%20is%20a,rather%20than%20a%20literature%20report>

11.0 LAMPIRAN

11.1 Biografi Tokoh

Nama penuh beliau ialah Wan Suhaimi Bin Ariffin. Beliau dilahirkan pada 3 Mac 1961 di Palekbang, Tumpat yang terletak di negeri Kelantan. Beliau merupakan anak sulung daripada tujuh adik-beradik. Nama ayahnya ialah Ariffin Bin Daud. Ibunya pula bernama Wan Aisyah

Binti Wan Idris. Beliau merupakan mantan ketua pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada usia tiga tahun, beliau telah berpindah ke Kuala Lumpur kerana mengikuti ayahnya ketika itu bekerja sebagai pasukan anti-malaria Majlis Perbandaran Petaling Jaya. Ibunya pula hanyalah surirumah. Beliau telah berkahwin dengan Hasyimah Binti Mat Yunus yang merupakan seorang ustazah pada tanggal 19 Ogos 1996. Hasil daripada perkahwinan tersebut, beliau dan isteri dikurniakan tiga orang anak perempuan. Beliau telah mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Sri Petaling, Selangor. Bagi Pendidikan sekolah menengah, beliau telah bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur dari tahun 1974 sehingga 1979. Selepas itu, beliau menyambung pelajaran di satu sekolah swasta iaitu Yayasan Anda Akademik. Pada tahun 1981 selepas tamatnya SPM dan STPM, beliau telah memohon program sains perpustakaan di ITM yang kini dikenali sebagai UiTM bagi sesi 1980 sehingga 1985. Semangat dalam menuntut ilmu dan minat yang mendalam terhadap bidang perpustakaan, beliau telah melanjutkan pelajaran di peringkat Masters dalam bidang sains perpustakaan di Syracuse University pada tahun 1986 sehingga 1987. Sebelum beliau dilantik sebagai ketua pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), beliau merupakan ketua pustakawan Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM. Selepas beliau bersara daripada jawatan sebagai ketua pustakawan UKM, beliau tidak lagi bekerja.

11.2 Diari Penyelidikan

Berikut adalah kronologi dan diari sepanjang penyelidikan sejarah lisan ini dijalankan daripada mula hingga akhir.

Tarikh	Catatan
--------	---------

22 November 2022	Memilih tajuk untuk sejarah lisan iaitu 'Tokoh Pustakawan dan Sejarah Penubuhan Perpustakaan UKM
22 November 2022	Mencari tokoh berkaitan dengan tajuk sejarah lisan
22 November 2022	Mula merangka kertas kerja sejarah lisan.
24 December 2022	Membuat perbincangan bagi persediaan temubual.
25 November 2022	Menghubungi tokoh iaitu Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin, Mantan Ketua Pustakawan Hospital UKM
25 November 2022	Menyiapkan surat perjanjian temubual
29 November 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja pertama
30 November 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja kali kedua
1 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja kali ketiga
2 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja kali keempat
9 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan pertama untuk soalan temubual.
10 December 2022	Memilih dan menghubungi tokoh iaitu

	En Wan Suhaimi Bin Ariffin, iaitu Mantan Ketua Pustakawan Hospital UKM
10 December 2022	Menghubungi tokoh tentang penetapan perjumpaan dan tokoh mencadangkan tarikh dan tempat untuk sesi temubual
11 December 2022	Mengumpulkan data, informasi tokoh dan merangka semula kertas kerja sejarah
12 December 2022	Menghubungi tokoh Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin tentang cadangan melakukan sesi 'Preliminary' secara atas talian.'
13 December 2022	Memberi kertas soalan temubual untuk semakan
14 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah
15 December 2022	Menghubungi tokoh untuk melakukan sesi 'preliminary''
16 December 2022	Mula menyediakan soalan temubual untuk sesi 'Actual'
16 December 2022	Menghubungi tokoh untuk kemaskini susulan
16 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan senarai soalan temubual untuk sesi 'Actual'
17 December 2022	Menjalankan temubual untuk kali kedua bersama tokoh (Sesi Actual)
20 December 2022	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja dan

	semakan soalan temubual
26 December 2022	Mula menulis transkrip
5 January 2023	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan transkrip kali pertama
10 January 2023	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan kertas kerja dan tajuk artikel
10 January 2023	Mula menulis artikel
13 January 2023	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan transkrip penuh.
17 January 2023	Melakukan konsultasi bersama pensyarah bagi semakan artikel
28 January 2023	Transkrip dan artikel siap ditulis
29 January 2023	Menghantar salinan final compilation secara atas talian

11.3 Surat Kebenaran Penyelidikan



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Kolej
Pengajian Pengkomputeran,
Informatik dan Media

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)
Tarikh : 25 November 2022

En. Wan Suhaimi Bin Ariffin,

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Program Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Rekod dari Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik mengenai bidang kepustakawanan di Malaysia.

2. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus “**Oral Documentation**” atau **Pendokumentasian Lisan (IMR 604)**.

3. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Fatin Nur Mardiah Binti Mohd Noor	2020844996	
Nurul Akhma Syahira Binti Che Wil	2020827692	

4. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif menemubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- Untuk mengetahui latar belakang tuan sebagai ketua pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Untuk mengkaji sejarah penubuhan perpustakaan di Malaysia.
- Untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh tuan dalam meningkatkan penggunaan perpustakaan dalam kalangan pelajar dan warga.

Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI

Pensyarah Kanan

b.p Ketua Pusat Pengajian Sains Maklumat

Kompleks Al-Khawarizmi
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA
Tel: (+603) 5543 5329 / 5307 / 4860
Faks: (+603) 5543 5501



11.4 Surat Perjanjian Sejarah Lisan



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN

Saya WAN SUHAIMI ARIFFIN K/P: pada
17 Disember 2022 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan
di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh WAN SUHAIMI)
Tarikh: 17/12/2022

.....
(Jafalzan bin Md.Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

11.5 Senarai Soalan

Latar belakang tokoh

1. Bolehkah Encik Wan ceritakan serba sedikit tentang latar belakang diri Encik Wan?
2. Apakah nama penuh Encik Wan?
3. Apakah nama panggilan Encik Wan?
4. Berapakah umur Encik Wan?
5. Bilakah tarikh lahir Encik Wan?
6. Dimanakah tempat lahir Encik Wan?
7. Dimanakah tempat tinggal Encik Wan sekarang?
8. Boleh saya tahu, Encik Wan anak ke berapa?

Latar belakang keluarga

1. Jika tidak keberatan, bolehkah Encik Wan ceritakan tentang latar belakang keluarga?
2. Siapakah nama ibu Encik wan?
3. Apakah pekerjaan Ibu encik wan?
4. Siapakah nama bapa Encik Wan?
5. Apakah pekerjaan bapa encik wan?
6. Berapa bilangan adik beradik Encik Wan?
7. Siapakah nama Adik beradik Encik Wan?
8. Apakah pekerjaan adik beradik yang lain?
9. Siapakah nama isteri Encik Wan?
10. Apakah pekerjaan isteri Encik wan?
11. Bilakah tarikh perkahwinan Encik wan & isteri?
12. Dah berapa lama perkahwinan Encik Wan dan isteri?
13. Dimanakah Encik Wan berkenalan dgn isteri?
14. Berapakah bilangan anak anak Encik wan sekarang?
15. Siapakah nama anak-anak Encik Wan?
16. Boleh encik wan ceritakan sedikit tentang kerjaya anak-anak Encik wan ?

Latar belakang Pendidikan

1. Bolehkah Encik Wan terangkan tentang latar belakang pendidikan Encik Wan?
2. Apakah nama sekolah rendah Encik Wan?
3. Di manakah sekolah rendah Encik Wan?
4. Apakah nama sekolah Menengah encik wan dulu?
5. Dimanakah encik Wan sekolah menengah dulu?

6. Encik Wan ambil STPM dulu dimana?
7. Encik Wan graduate dengan pointer berapa?
8. Selepas memperolehi pointer cemerlang, di manakah Encik Wan melanjutkan pelajaran ?
9. Encik wan ambil jurusan apa ketika itu?
10. .Apakah subjek kegemaran Encik Wan semasa zaman sekolah?
11. Semasa sekolah dulu, apakah kenangan manis yang Encik Wan tidak dapat lupakan ketika zaman sekolah dulu?
12. Apakah pengalaman Encik Wan ketika melanjutkan pelajaran di luar negara?

Pencapaian tertinggi

1. Apakah pencapaian tertinggi yang Encik Wan pernah capai?
2. Pencapaian ketika di sekolah rendah?
3. Seterusnya, pencapaian ketika Encik Wan di sekolah menengah?
4. Apakah pencapaian ketika Encik Wan di Universiti pula?
5. Siapakah antara kawan-kawan yang Encik Wan rapat sehingga sekarang?
6. Bolehkah kami tahu, siapakah nama kawan rapat Encik Wan?
7. Di mana kawan rapat Encik Wan sekarang?
8. Apakah cita-cita Encik Wan semasa kecil?
9. Apakah hobi Encik Wan ketika waktu lapang?
10. Apakah pekerjaan Encik Wan selepas bersara?

Sejarah penubuhan perpustakaan perubatan UKM

1. Pada pendapat Encik Wan, bolehkah Encik Wan menceritakan sedikit tentang penubuhan perpustakaan perubatan di UKM?
2. Bagaimana bermulanya perbincangan mewujudkan perpustakaan perubatan UKM?
3. Bilakah perbincangan penubuhan perpustakaan perubatan dilakukan?
4. Dimanakah perbincangan tersebut dilakukan?
5. Siapa yang terlibat dalam perbincangan penubuhan awal perpustakaan perubatan UKM? 6
Siapa yang bertanggungjawab ingin menubuhkan perpustakaan perubatan?
7. Siapakah yang menguruskan peruntukkan untuk penubuhan perpustakaan perubatan pada ketika itu?
8. Apakah sebab yang tercetusnya penubuhan perpustakaan perubatan?
9. Dalam penubuhan ini, ada tak kementerian yang terlibat?
10. Selepas mencapai kata sepakat, pada tahun bilakah perpustakaan perubatan ditubuhkan?

11. Apakah objektif penubuhan perpustakaan perubatan UKM?
12. Apakah fungsi perpustakaan perubatan tersebut semasa ditubuhkan?
13. Ada tak penanda aras penubuhan perpustakaan perubatan UKM?
14. Berapakah jabatan yang ada pada awal penubuhan perpustakaan perubatan?
15. Pada awal penubuhan, adakah jawatan ketua perpustakaan telah diwujudkan?
16. Bagaimanakah penerimaan warga UKM terhadap penubuhan perpustakaan perubatan pada ketika itu?
17. Bagaimana tahap literasi maklumat dalam kalangan rakyat pada masa itu?
18. Berkaitan dengan pencarian dokumen, selain daripada arkib, di manakah tempat untuk mencari dokumen penubuhan perubatan UKM?
19. Apa pandangan Encik Wan berkaitan dengan penubuhan arkib?
20. Apakah pandangan tuan tentang pengurusan arkib dan dokumen?
21. Dalam tahun 1966, kerajaan ada menubuhkan jawatankuasa perpustakaan di bawah Arkib Negara Malaysia. Apakah tujuan penubuhan?
22. Siapakah menteri yang membenarkan penubuhan ini?
23. Siapakah ketua pustakawan pada masa itu?
24. Pada pendapat Encik Wan, bagaimanakah untuk memastikan pengurusan rekod di peringkat kementerian berada di tahap yang terbaik ?
25. Selain daripada buku perubatan, apakah bahan bacaan lain yang disediakan di perpustakaan tersebut?
26. Berapa ramai pengguna yang menggunakan perpustakaan perubatan di UKM?
27. Pada waktu bilakah pengguna yang paling ramai menggunakan perpustakaan perubatan?
28. Adakah pustakawan bekerja mengikut jadual yang disediakan?
29. Adakah jadual pustakawan dibuat mengikut mana-mana rujukan?
30. Siapa yang bertanggungjawab dalam penyediaan jadual pustakawan?
31. Berapakah bilangan pustakawan yang terlibat dalam sehari?
32. Pada pendapat tuan, adakah skop kerja pustakawan pada zaman tuan sama dengan skop kerja pustakawan sekarang?
33. Hasil daripada pembacaan kami, perpustakaan juga menggunakan sistem. Jadi, apakah sistem yang digunakan?
34. Siapa yang bertanggungjawab menguruskan bahagian sistem?
35. Apakah peranan utama pengurusan sistem dalam perpustakaan perubatan?
36. Apakah peranan utama pengurusan sistem dalam perpustakaan perubatan?
37. Ada tak berlakunya politik kecil yang berlaku dalam kalangan pustakawan?

38. Bagaimana perjalanan kerjaya seorang pustakawan?
39. Ada tak latihan yang diberikan kepada pustakawan dalam membuat gerak kerja perpustakaan?
40. Bagaimana perhubungan pustakawan dengan pustakawan universiti-universiti lain?
41. Ada tak aktiviti yang dilakukan yang melibatkan pustakawan-pustakawan dari pelbagai universiti?
42. Pernah tak pustakawan-pustakawan dari pelbagai universiti terlibat dalam satu gerak kerja?
43. Ada tak satu kumpulan media sosial yang melibatkan pustakawan dari seluruh universiti?

Cabaran dalam menggalakkan penggunaan perpustakaan

1. Pada pendapat tuan, apakah cabaran yang dihadapi tuan dalam meningkatkan penggunaan perpustakaan dalam kalangan pelajar?
2. Bagaimanakah penggunaan perpustakaan di kalangan warga digalakkan?
3. Bagaimana tahap literasi maklumat dalam kalangan rakyat pada masa itu?
4. Apakah yang mendorong tuan untuk mengambil dalam bidang pustakawan?
5. Bagaimanakah tuan mengetahui tentang pekerjaan dalam bidang pustakawan?
6. Sebelum tuan memilih untuk menjadi sebahagian daripada pustakawan, apakah pekerjaan yang tuan lakukan?
7. Kenapa tuan memilih untuk menceburi dalam bidang pustakawan?
8. Semasa tuan dipilih untuk bekerja di perpustakaan universiti, apa jawatan yang tuan harapkan?
9. Semasa hari pertama tuan bekerja dalam bidang ini, bagaimana penerimaan pustakawan lain terhadap tuan?
10. Siapakah orang pertama yang tuan berkomunikasi semasa tuan bekerja di UKM?
11. Apakah tugas pertama tuan dalam bidang ini?
12. Semasa mendapat pekerjaan di perpustakaan UKM, tuan telah dimasukkan di bahagian mana?
13. Apakah perasaan tuan ketika menerima jawatan sebagai ketua pustakawan di UKM?
14. Bagaimana penerimaan keluarga tuan apabila tuan mengambil keputusan untuk berkhidmat di universiti?
15. Apakah kriteria yang membolehkan tuan memegang jawatan sebagai ketua pustakawan?
16. Selepas dilantik sebagai ketua pustakawan di UKM, apakah pandangan awal tuan pada tugas tersebut?
17. Semasa tuan memegang jawatan tersebut, apakah perubahan yang telah tuan lakukan sepanjang berkhidmat?
18. Apakah jasa tuan semasa tuan berkhidmat sebagai ketua pustakawan di UKM?

19. Selepas bersara sebagai ketua pustakawan UKM, apakah pekerjaan yang tuan lakukan? 20. Tanggungjawab sebagai ketua pustakawan bukanlah sesuatu pekerjaan yang mudah untuk dipikul kerana tuan juga mempunyai tanggungjawab sebagai seorang suami dan di rumah. Jadi, bagaimana tuan membahagikan masa antara keluarga dan kerja?
21. Pada pandangan tuan, perlukah sifat kepimpinan diterapkan pada usia muda lagi?
22. Adakah sebarang nasihat yang tuan dapat berikan kepada seseorang yang memegang jawatan sebagai pemimpin buat pertama kalinya?

Soalan susulan (*Follow up Questions*)

1. Boleh saya tahu Encik Wan dah berkahwin?
2. Selepas Encik Wan tamat STPM, Encik Wan meneruskan pelajaran di mana?
3. Boleh saya tahu Encik Wan pernah melanjutkan pelajaran di luar negara?
4. Berapa pelajar Malaysia yang belajar yang sama dengan universiti di luar negara?
5. Adakah kawan Encik Wan tu sama kos dengan Encik Wan?
6. Encik Wan cakap tadi Encik Wan suka mengumpul setem. Adakah Encik Wan mengumpul setem sambil menjual?
7. Encik Wan cakap Encik Wan juga suka mengumpul duit lama. Jadi, duit lama tu Encik Wan suka sekadar untuk hobi atau pun menjual?
8. Tahun bilakah Encik Wan sertai kelab itu?
9. Encik Wan ingat tak bilakah Encik Wan belajar programming tu? Tahun berapa ?
10. Tadi Encik Wan cakap Encik Wan pergi ke Jepun, Encik Wan pergi ke Jepun untuk apa ?
11. Encik Wan memang minat travel daripada umur muda lah ?
12. Jadi semua rekod tu disimpan dalam bilik mesyuarat ?
13. Jadi simpan dalam sistem ke macam mana itu Encik Wan ?
14. Encik Wan pernah ajukan cadangan untuk buat sistem ke belum lagi?
15. Tadi Encik Wan cakap ada cafe di luar perpustakaan, siapa yang cadang untuk menubuhkan?
16. Tadi Encik Wan cerita pasal perpustakaan yang mempunyai keindahan taman-taman hijau kan, adakah Encik Wan suka sangat dengan alam sekitar ?
17. Ada tak bajet setiap kursus itu ?
18. Setiap kursus itu dia memerlukan bajet yang besar ke macam mana ?

11.6 Gambar-gambar berkaitan



Gambar 4: Sebelum bermulanya sesi temubual



Gambar 5: Semasa sesi temubual bersama tokoh




Gambar 6: Sebahagian duit lama yang dikumpulkan oleh En Wan Suhaimi Bin Ariffin



Gambar 7: Sebahagian setem yang dikumpulkan oleh Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin



Gambar 8: Koleksi setem di rumah Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin



Gambar 8: Sijil yang diterima oleh tokoh semasa belajar di Syracuse University




Gambar 9: Sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang



Gambar 10: Sijil perasmian sambutan 10 tahun hospital UKM



Gambar 11: Sijil anugerah ketua pustakawan



Gambar 12: Surat pelantikan tokoh menjadi ketua pustakawan



Gambar 13: Sijil penghargaan yang diberikan kepada tokoh



Gambar 14: Sijil penyertaan

11.7 Surat Pengakuan Penerimaan Salinan Transkrip Projek Sejarah Lisan



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK PERDANA
SHAH ALAM
BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) RECORD MANAGEMENT

IMR 604
IMR604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN
TAJUK: KEARIFAN TEMPATAN

DISEDIAKAN OLEH:
NURULAKHMA SYAHIRA BINTI CHE WIL(2020827692)
FATIN NUR MARDHIAH BINTI MOHD NOOR
(2020844996)

PENSYARAH:
SIR JAFALIZAN BIN MD JALI

TARIKH: 29 JANUARI 2023

Isi Kandungan

1.0 PENGENALAN	3
1.1 PENDAHULUAN	3
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN	5
1.3 PERMASALAHAN KAJIAN	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.5 PERSOALAN KAJIAN	8
1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN	8
2.0 TINJAUAN LITERATUR	10
3.0 METODOLOGI	16
3.4 CARTA GANTT PROJEK	19
4.0 RUMUSAN	21
5.0 RUJUKAN	22

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dalam era globalisasi kini, teknologi maklumat dan komunikasi atau ICT amat penting dititikberatkan. Teknologi ini telah menguasai global ini dengan berleluasa. Hampir setiap saat orang menggunakan teknologi ini dan dengan teknologi jugalah menyebabkan kita boleh menguasai dan mengawal hampir setiap perkara di hujung jarisahaja. Kemajuan ICT ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan juga negara. Sesuatu perkara yang dicipta atau diwujudkan pasti mendatangkan kebaikan serta keburukan. Menurut satu terbitan Universiti Teknologi Malaysia, teknologi maklumat digambarkan sebagai istilah yang timbul hasil penggunaan komputer, penyiaran, telekomunikasi dan rangkaian data. Tiga teknologi asas yang menyokongnya ialah perkakasan komputer, perisian komputer dan komunikasi data. Teknologi maklumat terhasil daripada gabungan teknologi elektronik mikro, telekomunikasi dan komputer yang berkaitan dengan penerimaan dan penyampaian maklumat seperti perkataan, gambar, bunyi dan nombor kepada pengguna secara elektronik (FSKSM,UTM, 2010).Keseluruhannya, pengurusan maklumat atau *Information Management* merujuk kepada bidang *Social Science* yang mempunyai pelbagai pecahancabang dan berlainan seperti Kepustakawanan, Arkib, Rekod dan IT yang berkaitan dengan pengurusan maklumat.

Sistem Maklumat dirujuk sebagai sistem jenis sosio-teknikal (Essays, 2013). Ini bermaksud, sistem maklumat adalah kombinasi beberapa elemen seperti manusia, data, perkakasan, perisian, rangkaian dan prosedur yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi menyediakan maklumat yang berguna kepada pengguna (Vermaat, Sebok, Freund, Campbell, & Frydenberg, 2016). Bagi tujuan membangunkan suatu sistem, aspek sosial juga perlu diberikan perhatian sistem pengurusan maklumat tidak hanya berkaitan dengan teknologi semata-mata. Kejayaan sistem maklumat bergantung kepada pelbagai faktor dandibina secara sosial yang mana tertakluk kepada kepada pandangan pihak pemegang taruh. Malah Hevner et al. (2004), Finch & Olson (2003) dan Bikram & Himanshu (2013) membuktikan bahawa salah satu dan faktor kritikal kejayaan sesuatu sistem pengurusanmaklumat adalah faktor budaya dan persekitaran sistem ini dibangunkan.

Memandangkan Sistem Pengurusan Maklumat serta Teknologi Informasi dan Komunikasi (ICT) merupakan suatu penentu utama dalam proses pembangunan bagi meningkatkan ekonomi dalam rangkaian ini, usaha telah dipergiat untuk mengutamakan akses kepada perkhidmatan dan kemudahan sistem pengurusan Maklumat secara meluas serta menggalakkan penerimaan dan penggunaan. Sistem ini yang lebih menyeluruh dalam semua aspek kehidupan seharian.

Di samping itu, perpustakaan juga melibatkan komunikasi maklumat yang berkait dengan sistem pengurusan maklumat yang menitikberatkan komunikasi maklumat dalam pelbagai hala. Perpustakaan memberikan keutamaan kepada pengguna kerana pengguna akan memperolehi maklumat dengan lebih terperinci berkaitan pelbagai bahan yang menjadi suatu maklumat penting di masa kini dan akan datang. Perpustakaan bertanggungjawab menguruskan sumber maklumat, memberikan perkhidmatan kepada pelanggan dan menyediakan kemudahan yang kondusif kepada pengguna. Kini, perpustakaan terutamanya perpustakaan akademik menghadapi cabaran untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan terutamanya dalam memberikan maklumat yang dikehendaki pengguna dalam masa yang ditentukan.

Sejarah Perpustakaan Negara Malaysia ialah sebuah Jabatan Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Perpustakaan Negara Malaysia ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara (Akta 80) 1972. Akta ini dipinda pada tahun 1987 Selaras dengan perkembangan perkhidmatan Perpustakaan dan maklumat di Malaysia. Seterusnya, terdapat beberapa objektif penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia seperti menyediakan bagi penggunaan generasi masa kini dan masa depan koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan, memudahkan penggunaan di seluruh negara sumber perpustakaan yang terdapat di dalam dan di luar negara, dan mengadakan kepimpinan dalam perkara yang berkaitan dengan Perpustakaan.

Pada tahun 1956, merupakan satu detik sejarah kerana Malayan Library Group (MLG) telah menghantar satu memorandum Public Library Services for the Federation of Malaya dan telah mencadangkan penubuhan satu Lembaga Perpustakaan Negara yang akan mempunyai kuasa-kuasa eksekutif bagi menyediakan perkhidmatan awam pada peringkat kebangsaan dan menyediakan asas bagi memulakan satu Perkhidmatan Perpustakaan Negara.

Dalam usaha ke arah penubuhan Perpustakaan Negara telah digerakkan oleh beberapa badan profesional, persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Perpustakaan Malaysia, Persatuan Ikhtisas, swasta dan orang perseorangan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Kajian ini menggunakan tema kearifan tempatan iaitu dengan bahasa yang mudah difahami ialah menaik taraf cerita lama. Kajian atau penyelidikan sangat penting kerana di sini kita dapat menilai segala pencapaian, jasa dan anugerah yang dicapai oleh tokoh. Melalui kajian ini, kita akan memperolehi pelbagai ilmu berkaitan dengan tokoh yang dipilih.

Melalui kajian ini, kita secara tidak langsung akan mengetahui beberapa kepentingan menjalankan penyelidikan. Antara kepentingan menjalankan kajian ialah untuk mengetahui latar belakang tokoh dengan lebih meluas. Latar belakang seseorang adalah sebuah pemahaman yang diberikan kepada orang lain berdasarkan kehidupan asal seseorang yang terbentuk dari budaya, cara kehidupan dan kisah kehidupan individu (Brainly, 2017). Kita sudah sedia maklum, latar belakang yang mungkin kita ketahui hanyalah sedikit sahaja. Kita akan mengetahui perkara umum di mana semua orang mengetahuinya sama dengan kita. Namun, apabila kita melakukan kajian ini, kita akan memperolehi lebih lagi kisah hidup tokoh. Bahkan, segala pencapaian, sumbangan dan anugerah juga dapat kita ketahui. Bukan sahaja latar belakang tokoh, perihal keluarganya juga kita dapat ketahuinya dengan lebih mendalam dan khusus.

Kepentingan yang kedua ialah dapat mewujudkan persefahaman antara kita dan tokoh. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), persefahaman bermaksud permuafakatan dan persetujuan dalam mencapai sesuatu antara dua pihak. Persefahaman akan berlaku apabila dua pihak mencapai kata atau fikiran yang sama. Seseorang tokoh itu adakalanya mempunyai tingkah laku yang tidak sama dengan kita. Sebagai contohnya, mungkin tokoh tersebut tidak mahu bekerjasama dalam membantu kita menjalankan penyelidikan. Persefahaman yang kita boleh huraikan di sini ialah mewujudkan satu buah fikiran di mana dia bersedia membantu kita dalam apa jua semasa kajian dan kita juga memberikan komitmen dari segi masa, idea dan sebagainya. Di sini juga, kita akan menghadapi pelbagai cabaran yang kita sendiri sukar untuk mengatasinya. Oleh itu, semasa kajian dijalankan, kita

mesti memastikan persefahaman antara kita dan tokoh dapat dicapai untuk memudahkan gerak kerja kita.

Selain itu, untuk mendapatkan maklumat yang tepat. Maklumat yang sempurna di mana tidak mempunyai unsur tokok tambah merupakan maklumat yang benar-benar tepat. Didalam kajian ini iaitu semasa proses menemuramah, kita akan mendapatkan maklumat yang sahih di mana kita mendengar dan mencatat dari individu tersebut. Bukannya dari orang lain. Jika kita mendapatkan maklumat dari individu lain, sudah pasti pelbagai cerita yang akan ditokok tambah bagi menarik minat kita. Tidak dinafikan, perkara ini sering berlaku dalam masyarakat kita. Bahkan, adat dan tradisi serta sejarah juga ada yang segelintir memberi cerita palsu dan seolah-olah berlagak dia yang mengetahui semuanya. Tanpa kita ketahui, cerita yang disampaikan hanyalah rekaan yang tidak teragak-agak diberitahu kepada kita. Surat khabar sama ada dalam bentuk fizikal atau secara talian juga kadang-kala memberikan pernyataan yang salah. Disebabkan perkara itu, kajian yang dilakukan hanyalah untuk mendapatkan maklumat yang tepat di mana tokoh tersebut sahaja yang mengetahui kebenaran.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian yang pertama ialah individu yang tidak bertanggungjawab menokok tambah cerita. Sekiranya tiada sebarang dokumentasi dilakukan dalam bidang perpustakaan, ini akan menyebabkan adanya tuntutan cerita daripada orang lain. Hal ini kerana, terdapat segelintir individu sama ada yang bekerja di bahagian penyiaran atau individu yang dari golongan biasa gemar memberi cerita yang tidak diketahui tetapi berpura-pura mengetahuinya. Jika ingin dibandingkan dari zaman dahulu hingga sekarang, situasi ini memang sentiasa ada. Sikap gemar menokok tambah cerita sebenarnya satu sikap yang tidak boleh ada dalam diri individu kerana ia akan menjejaskan keperibadian dan latar belakang seseorang. Ini mungkin boleh terjadi apabila individu tersebut ingin meraih perhatian sehinggakan sanggup memberikan cerita palsu di mana berkemungkinan ia menambah cerita yang tidak elok.

Seterusnya, berlaku kesalahfahaman antara individu dan tokoh. Kesalahfahaman ini boleh berlaku apabila maklumat yang kita dapat tidak tepat dengan apa yang disampaikan

oleh individu. Bukan itu sahaja, kesalahfahaman boleh berlaku apabila bahan kerja yang dilakukan oleh seseorang boleh diambil oleh orang lain. Misalnya, sejarah tokoh yang boleh dicetak oleh semua orang dan ini akan menimbulkan permasalahan dalam idea dan pemilikan. Semua individu akan mengaku bahawa bahan tersebut milik mereka. Keadaan ini akan menyebabkan jurang sosial antara individu akan menjadi lemah. Hal ini juga boleh terjadi apabila kita hanya mendapatkan maklumat dari sumber internet sahaja dan kita tidak cuba mendapatkan info daripada individu yang boleh dipercayai. Apabila berlaku keadaan ini, tokoh tersebut mungkin tidak akan selesa dengan kita kerana maklumat yang kita dapat bertentangan dengannya. Keadaan ini juga boleh mengurangkan keserasian antara kita dan tokoh.

Selain itu, kekurangan bahan rujukan mengenai bidang perpustakaan. Bahan rujukan merupakan maklumat yang boleh kita simpan untuk dijadikan panduan mengenai tokoh atau sesuatu bidang yang dipilih. Walaupun negara sudah canggih dengan teknologi dan internet yang hanya berada di hujung jari sahaja, namun maklumat yang kita inginkan kemungkinan tidak akan ada di dalam internet. Sama juga maklumat di dalam arkib negara atau perpustakaan kerana ia bergantung kepada tokoh yang dipilih. Jika tokoh itu seorang yang berpengaruh, maklumatnya mudah kita perolehi. Namun, jika tokoh tersebut bukan dari golongan yang berpengaruh, maklumat mengenainya sukar untuk didapati. Sedikit sebanyak ia akan menjejaskan pengetahuan kita mengenai tokoh atau dalam sesuatu bidang tersebut.

Di samping itu, berlakunya penyebaran maklumat yang tidak sahih. Maklumat yang tidak sahih merujuk kepada maklumat yang tidak betul di mana ia banyak direka oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Penyebaran maklumat yang tidak tepat akan mempengaruhi ilmu dalam diri individu. Kebiasaannya, pembaca akan membaca sahaja tanpa ingin mencari laman web yang lain. Mereka akan menerima begitu sahaja dan segala maklumat yang dibaca akan disemat ke dalam fikiran. Keadaan ini akan mempengaruhi keupayaan mereka dalam menerima maklumat. Untuk mengelakkan penyebaran maklumat yang tidak sahih, pihak yang bertanggungjawab perlu sentiasa mengemaskini dari masa ke semasa. Ia tidak boleh hanya dikemaskini sekali sahaja kerana kadang-kala maklumat boleh berubah. Sebagai contohnya, maklumat berkenaan dengan isu semasa yang berlaku di Malaysia. Pihak media harus mengikuti perkembangan semasa. Tajuk sesuatu isu perlulah diperjelaskan dan tidak boleh tergantung. Kalau dilihat di dalam *Google*, ada sesetengah artikel atau akhbar dalam talian yang membuat tajuk yang tidak tepat dan mengelirukan pembaca. Oleh itu, penyebaran

maklumat mestilah tepat dan tidak direka kerana ia akan memberi kesan bahan bacaan kepada individu.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Untuk mengetahui latar belakang tuan sebagai ketua pustakawan Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Untuk mengkaji sejarah penubuhan perpustakaan di Malaysia.
3. Untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh tuan dalam meningkatkan penggunaan perpustakaan dalam kalangan pelajar dan warga.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

4. Adakah latar belakang tokoh didapati dengan mudah?
5. Adakah penubuhan perpustakaan di Malaysia merupakan satu pemangkin kepada pengurusan maklumat yang efektif?
6. Apakah penggunaan perpustakaan dalam kalangan pelajar dan warga semakin meningkat dari masa ke semasa?

1.7 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Sejajar dengan peningkatan teknologi yang semakin meluas pada masa kini, kesemua maklumat dapat dikongsi ke seluruh dunia melalui media sosial. Perkongsian maklumat yang telah kita kaji sedikit sebanyak akan memberikan ilmu pengetahuan kepada pengguna lain sama ada dari bidang seni, adat dan tradisi, permainan tradisional dan sebagainya. Perkongsian maklumat hasil daripada kajian bukan sahaja dapat dikongsi melalui media sosial, tetapi ia juga boleh dilakukan dalam bentuk penulisan, bibliografi, artikel, buku dan lain-lain. Maklumat yang ada tidak terhad kepada mana-mana individu.

Faedah yang pertama hasil daripada kajian ialah kita dapat memberikan informasi yang berguna kepada organisasi. Organisasi merupakan pertubuhan yang ada di Malaysia seperti Arkib Negara, Perpustakaan Negara dan lain-lain. Arkib Negara dan perpustakaan merupakan organisasi yang menyediakan maklumat-maklumat penting seperti maklumat

individu dan syarikat. Namun, tidak semua maklumat disimpan. Hal ini kerana, untuk mendapatkan informasi, ia seharusnya melakukan penyelidikan ke atas sesuatu bidang. Sebagai contohnya, tidak semua maklumat individu yang bergelar seorang seniman ada di Arkib Negara. Penyelidikan sebenarnya bergantung kepada sumbangan dan jasa seseorang itudi mana ia dapat menarik minat penyelidik untuk mengkaji susur galur perjalanan hidup mereka. Perjalanan hidup seseorang amatlah penting didokumentasikan kerana melalui itu sahaja kita akan memperolehi sesuatu yang bernilai seperti cara seorang tokoh itu berjaya, pemikiran yang positif dan sebagainya. Oleh itu, melalui kajian yang dilakukan, informasi yang sudah sedia ada boleh ditambah dan dimasukkan dalam rekod penyimpanan di Arkib Negara dan Perpustakaan Negara serta maklumat ini boleh dibaca oleh generasi seterusnya.

Seterusnya, hasil kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada masyarakat. Kita sudah sedia maklum bahawa teknologi semakin berkembang dan pelbagai maklumat dapat dicari melalui internet. Namun, pencarian maklumat dalam internet ada kesan buruknya iaitu akan ada kesalahan dalam pernyataan di dalam *website* atau akhbar *online*. Ini akan menjejaskan pengetahuan masyarakat. Untuk mengelakkan hal ini berlaku, apabila kita sudah melakukan kajian, hasil daripada itu kita akan dapat kongsi melalui artikel, *website* rasmi, *academia* dan sebagainya. Sekurang-kurangnya, kajian yang dilakukan tidaklah sia-sia kerana hasil kajian akan dapat dirujuk oleh masyarakat dan secara tidak langsung mereka dapat menilai maklumat di dalam internet dengan kajian yang dilakukan.

Selain itu, dapat meningkatkan maklumat yang sedia ada di negara ini. Ilmu pengetahuan merupakan satu perkara yang bernilai kerana ia akan mendidik individu untuk menjadi insan yang berguna dan berfikir secara rasional. Peningkatan maklumat dari kajian dalam bidang seperti sukan, seni tanah air, keusahawanan, kemerdekaan di Malaysia dan sebagainya akan menjadikan negara ini kaya dengan maklumat. Secara tidak langsung, maklumat yang diperolehi juga dapat diakses oleh negara lain. Misalnya, sejarah kemerdekaan di Malaysia dengan bermulanya rentetan demi rentetan untuk memerdekakan tanah air ini akan dapat diketahui oleh negara lain juga. Melalui ilmu ini, negara lain akan dapat mengetahui betapa perihnya negara Malaysia untuk menjaga keamanan dan perhubungan antara kaum-kaum di sini. Peningkatan maklumat dalam bidang-bidang yang ada di Malaysia perlu diperbanyakkan lagi dalam bentuk penyelidikan kerana dengan cara ini sahaja, Malaysia dapat mengekalkan pencapaian maklumat yang meluas

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan

Tinjauan literatur ialah satu penulisan akademik yang mengkontekstualisasikan dan menunjukkan pengetahuan tentang kesusasteraan akademik mengenai subjek tertentu. Ia dianggap sebagai tinjauan literatur dan bukannya laporan literatur kerana ia juga melibatkan penilaian kritikal terhadap sumber. Melalui tinjauan ini, segala maklumat akan diambil dari kajian lepas seperti artikel, jurnal, buku dan lain-lain. Dengan adanya tinjauan ini, kita akan dapat menilai perubahan ke atas sesuatu perkara dan keadaan ini akan menjadikan penyampaian maklumat akan lebih berkesan.

2.1 Perpustakaan

Perpustakaan merupakan institusi ilmu atau maklumat yang menyediakan pelbagai bidang yang ada di Malaysia mahupun di luar negara. Maklumat atau biasanya disebut sebagai informasi, wujud hasil daripada pemprosesan, pengumpulan dan penganalisisan data bagi menambah pengetahuan penerima maklumat. Ciri-ciri maklumat haruslah relevan, boleh dipercayai, boleh difahami, lengkap, tepat serta dapat membantu mengurangkan kapasiti. Data tidak dianggap sebagai maklumat sekiranya dikatakan sudah lapuk atau bercanggah dengan kehidupan kini, tidak jelas dan tidak lengkap (Smart Sarawak, 2021). Di Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia merupakan yang terawal dibina iaitu pada tahun 1966. Cadangan penubuhan perpustakaan ini digerakkan oleh The Malayan Library Group melalui satu memorandum yang telah dikemukakan pada tahun 1956. Pada tahun 1962, Yayasan Lee telah menyumbangkan sebanyak RM500,000.00 untuk penubuhan institusi tersebut. Pada tahun 1966, jawatankuasa institusi tersebut berjaya diluluskan dan pengerusi pertamanya ialah Tan Sri Jamil Rais, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri. Perpustakaan Negara Malaysia telah ditubuhkan sebagai sebuah unit bawah Arkib Negara untuk melaksanakan Akta Pemeliharaan Buku-buku 1966 dan ditempatkan di Bangunan Persekutuan, Petaling Jaya. Pada tahun 1972, perkhidmatan telah diperluaskan untuk meliputi perkhidmatan rujukan dan beroperasi di Tingkat 6, Bangunan UMBC di Kuala Lumpur. Pada 16 Disember

1994, Perpustakaan Negara Malaysia telah dirasmikan dengan memperolehi bangunan sendiri di Jalan Tun Razak.

2.2 Arkib

Arkib merupakan satu institusi penyimpanan rekod umum, naskhah-naskhah dan dokumen-dokumen sejarah sesebuah negara (Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Arkib Negara Malaysia ditubuhkan pada 1 Disember 1957 yang pada masa itu dikenali sebagai Pejabat Rekod Awam. Pada tahun 1963, ia mula ditukar nama kepada Arkib Negara Malaysia. Pada tahun 1966, akta Arkib Negara No. 44 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia dan pada tahun yang sama, bangunan Arkib Negara Malaysia di Petaling Jaya telah dirasmikan. Pada tahun 1982, institusi ini berpindah ke bangunan baru di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Akta Arkib Negara iaitu akta 629 telah diluluskan pada tahun 2003. Setahun kemudian, institusi ini telah diletakkan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia. Pada tahun 2006, bangunan Arkib Negara Malaysia cawangan Sabah dirasmikan. Pada tahun 2011, Arkib Negara Malaysia cawangan Pahang memulakan operasi dan pada tahun 2013, institusi ini diletakkan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Tugas arkib juga ialah mengesan, mengumpul, menyimpan dan memelihara sebarang rekod dan maklumat yang mempunyai nilai kebanggaan dan sejarah yang tinggi sebagai khazanah warisan negara Malaysia (Dewan Budaya, 2022).

2.3 Muzium

Muzium yang pertama di Malaysia ialah Muzium Perak di Taiping yang dibina pada tahun 1883. Muzium ini mempunyai keunikan tersendiri dari segi seni bina yang mempunyai pengaruh bangunan masyarakat ‘moor’ di India yang digabungkan dengan seni bina ‘*neo-classical*’ dan ‘*victorian*’ masyarakat Eropah. Penubuhan muzium ini dicetuskan oleh Sir Hugh Low iaitu Residen British ketiga pada ketika itu. Dengan penubuhan ini, beliau ingin menjadikan institusi tersebut sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pengumpulan bahan sejarah, budaya dan alam semulajadi. Muzium Negara pula sebuah adalah satu-satunya bangunan unik di Malaysia yang terletak di Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Rekaan bangunan ini adalah gabungan tradisional istana Melayu dan moden. Muzium Negara dibuka secara rasmi pada 31 Oktober 1963. Setiap penubuhan sudah pasti mempunyai visi, misi dan objektif. Visi Muzium Negara ialah untuk menjadi institusi permuziuman yang profesional

dan bertaraf global. Misinya pula adalah untuk meningkatkan profesionalisme dalam bidang permuziuman, memantapkan penyelidikan, pengurusan koleksi, konservasi, pameran dan pendidikan serta meluaskan jaringan kerjasama pintar dengan institusi permuziuman global. Objektif muzium negara ialah menjalankan kerja-kerja pengumpulan, pemuliharaan dan pengekalan sejarah, budaya dan alam semulajadi negara serta menyebarkan ilmu pengetahuan melalui aktiviti pameran, program-program pendidikan dan pengembangan muzium.

2.4 Galeri

Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), galeri merupakan bangunan atau bilik yang mempamerkan karya-karya seni. Galeria Perdana adalah inspirasi Perdana Menteri ke-4, Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad dan Tun Dr. Siti Hasmah Bte Mohd Ali. Galeria Perdana bertujuan menyimpan, mempamer dan berkongsi dengan orang ramai berkenaan pelbagai anugerah, cenderahati dan hadiah yang diterima dari Ketua-Ketua Negara, pemimpin-pemimpin dalam dan luar negara serta masyarakat Malaysia semasa pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri. Galeria Perdana telah dirasmikan pada 3 Disember 1995 dan dibuka orang ramai mulai April 1996. Bangunan ini merupakan gabungan 3 buah bangunan dua tingkat bersambung yang bercirikan senibina oriental. Muzium ini, yang meliputi 5.3 kilometer persegi, dihiasi dengan pelbagai karya seni, kraf, instrumen, barang kemas, cenderahati, senjata, dan lain-lain yang diperbuat daripada porselin, kristal, perak dan tekstil. Muzium ini, juga dikenali sebagai Galeri Sri Perdana, terletak berhampiran dengan beberapa lokasi menarik lain, termasuk Taman Alam Langkawi dan Air Terjun Durian Perangin. Struktur dua tingkat itu dibahagikan kepada tiga blok yang saling berkaitan dengan huruf A, B, dan C, masing-masing mengandungi antik yang unik.

Kerjaya Pustakawan

Perpustakaan merupakan satu institusi yang menyediakan maklumat dari pelbagai bidang. Di dalam perpustakaan, sudah pasti ada jawatan yang menyusun buku dan sebagainya. Jawatan tersebut ialah pustakawan. Tugas pustakawan ialah mengumpul, menyusun, memelihara dan mengurus sumber bacaan, maklumat dan pembelajaran dan mereka juga bertanggungjawab ke atas sumber maklumat dan inventori perpustakaan. Mereka menguruskan operasi harian perpustakaan selain mengkategorikan, mengeluarkan dan menjejaki aset bercetak dan digital. Mereka menjadikan perpustakaan boleh diakses oleh mereka yang layak untuk menggunakannya. Seorang pustakawan ditugaskan untuk menjalankan beberapa tugas

yang dikaitkan dengan menyelenggara koleksi dan sumber perpustakaan. Untuk memenuhi keperluan pengguna perpustakaan, mereka boleh membuat berkala, rakaman dan item lain. Mereka mungkin mengklasifikasikan sumber mengikut peredarannya (Indeed Editorial Team, 2021).

Kepentingan Perpustakaan

Setiap institusi mempunyai kepentingan tersendiri. Kepentingan tersebut akan menjadi manfaat kepada pengguna yang menggunakan institusi. Kepentingan perpustakaan ialah pengguna dapat mengisi masa lapang. Dengan kehidupan yang semakin mencabar dan teknologi yang semakin canggih, jiwa dan fikiran seseorang itu akan mudah dipengaruhi lebih-lebih lagi remaja kerana pelbagai kes yang timbul yang disebabkan mereka seperti lumba haram, melepak, merokok dan lain-lain. Dengan wujudnya perpustakaan, secara tidak langsung ia dapat memberi peluang dan ruang untuk pengguna memanfaatkan perpustakaan yang ada. Dengan pilihan buku yang pelbagai seperti majalah, buku perubatan, buku lanskap dan hiasan rumah dan buku ilmiah. Masa yang ada tidak akan terbiar begitu sahaja kerana melalui pembacaan, ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan mematangkan fikiran.

Kepentingan yang kedua ialah pengguna dapat menikmati kemudahan yang disediakan di perpustakaan. Perpustakaan bukanlah satu-satunya tempat yang menyediakan ilmu, malahan ia juga tempat untuk berdiskusi dan menggunakan komputer yang disediakan untuk mencari maklumat. Tidak ketinggalan juga, *wifi* turut disediakan dan ianya percuma. Kemudahan yang disediakan akan dapat menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke perpustakaan. Di dalam perpustakaan seperti di universiti, ia mempunyai bilik untuk mengadakan perbincangan. Kesemua kemudahan yang ada perlulah dimanfaatkan dengan sebaiknya. Penyediaan *wifi* menyumbangkan jumlah pengguna perpustakaan kerana mereka dapat mencari maklumat atau bahan lain dengan menggunakan internet.

Kepentingan yang ketiga ialah meningkatkan ilmu pengetahuan dalam kalangan pengguna. Menurut Kamus Dewan dan Pustaka (2017), ilmu merupakan pengetahuan perkara dunia, akhirat, zahir, batin dan lain-lain. Tidak kira apa-apa ilmu asalkan ia memberi manfaat kepada kita. Di dalam perpustakaan, terdapat pelbagai bahan bacaan yang boleh kita ambil sebagai ilmu sama ada daripada buku masakan, buku perubatan, buku menanam dan sebagainya. Tujuan perpustakaan ditubuhkan adalah untuk menyebarkan informasi kepada

yang muda atau yang tua. Ilmu perlulah dicari. Ilmu tidak akan datang dengan sendiri kepada kita. Kita sendiri perlukan inisiatif untuk menambahkan ilmu pengetahuan dalam diri. Sebab itu, perpustakaan berfungsi sebagai pusat ilmu dalam sesebuah negara. Melalui pembacaan, seseorang itu akan dapat membuat keputusan dengan tepat dan tidak terburu-buru kerana dapat berfikir dengan waras. Ia juga dapat mematangkan sikap seseorang itu. Jelaslah di sini bahawa penubuhan perpustakaan bukanlah sekadar bangunan sahaja tetapi ia merupakan pusat ilmu yang menyediakan pelbagai maklumat untuk semua orang.

Cabaran pustakawan

Sejarah menunjukkan peranan perpustakaan adalah sebagai pusat penyimpanan, arkib untuk manuskrip, bahan seni, dan dokumen penting. Di zaman pertengahan, buku dianggap khazanah yang amat bernilai dan terlalu mahal untuk sebarang individu memilikinya. Kesannya, perpustakaan menjadi pusat menyimpan koleksi buku yang perlu dikawal dengan ketat. Sehingga kini, peranan perpustakaan dan kebergantungan masyarakat terhadap koleksi di perpustakaan telah pun berubah. Namun, kita telah berubah dari era di mana maklumat didapati amat kurang tetapi bernilai sehingga masa kini dimana maklumat amat luas dan mudah diperolehi dan diberi dengan percuma. Walaubagaimanapun, kita telah di zaman yang penuh kemajuan yang mana individu dan warga mencari sebarang maklumat hanya diujung jari sahaja melalui jaringan atas talian dan tidak lagi mengunjungi perpustakaan. Oleh sebab itu adalah salah satu cabaran yang dihadapi oleh perpustakaan pada masa kini.

Perkembangan teknologi maklumat seiring perubahan keperluan sosio-ekonomi dan budaya ilmu, mewujudkan cabaran yang perlu ditangani oleh pusat-pusat maklumat seperti perpustakaan dalam menyimpan maklumat yang banyak serta menyediakan dan menyalurkan maklumat tersebut dengan cepat, tepat dan mudah. Perkembangan teknologi internet memperlihatkan kemunculan pelbagai kegiatan online atau elektronik seperti e-government, e-education, e-learning dan tentunya e-library. Ledakan maklumat dalam era ini tidak memungkinkan sesebuah perpustakaan mampu untuk menyimpan ke semua maklumat atau bahan terbitan yang ada di dunia mahupun disesebuah negara. Walaubagaimanapun, pustakawan tetap berperanan dalam menyediakan akses kepada maklumat yang lengkap sama ada di dalam perpustakaan sendiri atau di tempat lain.

Cabaran dari segi kos pembiayaan infrastruktur. Sebagaimana inovasi lain yang memerlukan pelabuan, begitu juga dengan perpustakaan digital yang bukan hanya

memerlukan komputer tetapi rangkaian internet dan server juga penting namun masih tidak mampu menampung kapasiti pengaksesan pengguna. Walaubagaimanapun, setiap perpustakaan perlulah mempunyai keperluan akses yang mencukupi untuk para pengguna terutama kepada pelajar yang amat memerlukan komputer, jaringan internet bagi memudahkan mereka mencari sebarang maklumat yang berkaitan. Masalah ini memang masih lagi berlaku dalam kalangan pelajar. Ini menyukarkan aktiviti pengaksesan maklumat perpustakaan digital yang amat kritikal buat pelajar. Adalah mustahil menyediakan prasarana yang lengkap untuk setiap pelajar di rumah masing-masing. Lazimnya juga, akses internet kawasan luar bandar atau yang jauh daripada Kuala Lumpur adalah kurang baik. Malah ia kadang kala lebih buruk jika menggunakan wifi. Masalah ini melibatkan pihak tertentu dan tidak mudah ditanganinya.

Penyelidikan lepas

Menurut artikel Wan Ab Khadir Wan Dollah, perpustakaan akademik juga mempunyai pautan ke sumber Internet, laman web, buku elektronik dan jurnal khusus untuk kegunaan tertentu. Laman web khusus ini dianjurkan oleh pustakawan mengikut bidang subjek yang menggambarkan sumber dalam talian yang tersedia dan kursus yang ditawarkan di universiti. Perpustakaan akademik dalam kajian ini menawarkan perkhidmatan interaktif kepada penggunaannya. Perkhidmatan tersebut termasuk semakan status pinjaman dan denda terakru, pembaharuan dalam talian, pemerolehan baharu, tempahan buku bercaj, cadangan pembelian dan permintaan pinjaman antara perpustakaan. Antara perpustakaan terbesar ke-9 di dunia ialah The National Library of China, Beijing, China. Perpustakaan telah menyediakan pautan ke pangkalan data yang dilanggan seperti Perpustakaan Digital ACM, AIDSearch, ProQuest, Ebscohost, Pusat Maklumat Sumber Pendidikan (ERIC), dll. Seseengah perkhidmatan terhadap kepada komuniti universiti; mereka memerlukan penggunaan nama log masuk dan kata laluan yang sesuai, untuk seseengah pangkalan data. Kesemua perpustakaan akademik dalam kajian ini turut menyediakan pautan kepada OPAC perpustakaan terpilih lain di dalam dan luar negara. (Kadir, Wan & Dollah, Kadir & Singh, Diljit. (2007)).

Kesimpulan

Kesimpulannya, perkhidmatan serta kemudahan yang disediakan oleh perpustakaan perlu ditambah dan ditingkatkan secara berterusan bagi memastikan keperluan pelanggan dipenuhi sepanjang masa. Perpustakaan telah banyak memperkenalkan perkhidmatan atau inisiatif bagi memastikan kewujudan perpustakaan kekal dirasai oleh pengguna. Perkhidmatan atau inisiatif berterusan ini akan senantiasa digarap dengan berpanduan kepada peluang-peluang yang ada bergantung kepada peruntukan kewangan dan tenaga kerja yang tersedia. Bagi membantu perpustakaan menentukan perkhidmatan dan inisiatif yang ingin diperkenalkan, aspek-aspek seperti fungsi, cabaran, kekangan serta bentuk perkhidmatan perlu dititik berat bagi memastikan perkhidmatan dan inisiatif tersebut bermanfaat kepada pengguna.

3.0 METODOLOGI

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif berstruktur melalui temubual bersama dengan tokoh yang merupakan sumber primer dalam kajian ini dan pemerhatian melalui pembacaan bahan-bahan sekunder seperti kertas kajian, surat khabar, risalah-risalah dan majalah. Menurut Fossey et al., 2002, penyelidikan kualitatif bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan pengalaman kehidupan manusia dan dunia sosial. Pemerhatian daripada bahan sekunder ini akan membantu dalam menyokong dapatan yang diperolehi daripada sumber primer.

Kaedah temubual secara bersemuka di antara dua belah pihak. Penggunaan kaedah ini untuk mengumpul maklumat kajian tinjauan. Cara pelaksanaannya ialah dengan melakukan temu bual secara lisan dan jawapan direkod oleh penyelidik secara bertulis, melalui rakaman elektronik. Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan intraksi bersemuka antara penemu bual /penyelidik dengan responden.

Temu bual berstruktur merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Penemu bual dikehendaki menyoal subjek kajian berdasarkan senarai soalan yang telah dibina (satu set soalan) dan soalan-soalan yang ditanya kepada responden adalah

serupa. Soalan-soalan temu bual kena selaras dengan objektif kajian. Bilangan soalan tidak perlu banyak.

3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi. Antara kaedah sejarah lisan yang digunakan adalah kaedah menemuramah ataupun wawancara. Kaedah ini merupakan satu elemen penting dalam memaparkan kredibiliti sejarah lisan. Hal ini kerana, wawancara merupakan satu proses mendapatkan maklumat sejarah atau maklumat tokoh oleh penyelidik. Pada asalnya tradisi lisan terbahagi kepada dua iaitu tradisi lisan terkawal dan tradisi lisan tidak terkawal. Proses wawancara boleh dilakukan secara formal atau tidak formal bergantung kepada mereka yang ingin melakukan wawancara tersebut. Kaedah menemuramah juga amat penting kerana ia merupakan kaedah yang sejak dari dulu lagi. Sarjana juga bersetuju dengan kaedah ini kerana melalui ini kita akan mendapatkan maklumat yang penting, berguna, tepat dan tidak ditokok tambah dalam sebarang maklumat.

3.2 PESERTA KAJIAN

Kajian ini memerlukan dua orang pelajar dan juga seorang tokoh untuk di temubual. Melalui kajian ini, dua pelajar tersebut akan memilih seorang tokoh yang berkaitan dengan tema yang diberikan. Untuk semester ini, pelajar diberikan tema iaitu kearifan tempatan. Setiap tokoh yang dipilih oleh pelajar mestilah seorang yang memberikan banyak sumbangan sama ada dari dalam industri seni tanah air di Malaysia, dalam bidang pengetahuan dan sebagainya. Sebab pemilihan tokoh ialah untuk mengetahui perjalanan hidup mereka sebagai orang yang banyak memberikan sumbangan dan jasa kepada negara dalam bidang yang diceburi. Sebab yang penting dalam memilih tokoh ialah untuk mendokumentasikan hidup mereka dan segala maklumat yang diperolehi akan disimpan untuk dijadikan bibliografi. Melalui bibliografi ini, generasi pada masa akan datang dapat mengetahui sejarah hidup individu yang banyak menyumbangkan masa dan tenaga demi kepentingan negara dalam bidang-bidang tertentu.



Nama: Encik Wan Suhaimi Bin Ariffin

Tarikh mula bertugas: 1.2.1991

Dilantik menjadi Ketua Pustakawan: 4.5.2017

Tarikh akhir menjadi Ketua Pustakawan: 3.9.2020

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Prosedur pengumpulan data yang dijalankan melalui kaedah kajian kualitatif berstruktur iaitu temubual yang merupakan sumber primer dan sumber sekunder melalui pemerhatian. Kaedah pemerhatian ini dijalankan secara pembacaan bahan-bahan bacaan seperti surat khabar, majalah, risalah-risalah mahupun sumber daripada internet seperti laman berita atas talian. Tambahan lain, kaedah sekunder ini juga dijalankan melalui pembacaan kertas kajian, bahan arkib, jurnal serta menonton dokumentari dalam urutan tradisional Melayu. Dalam mengkaji latar belakang tokoh serta mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai tokoh semasa penyelidikan menumpukan fokus utama kepada persoalan dan objektif yang ditimbulkan sekaligus merupakan paksi kepada tujuan kajian dijalankan.

Data-data ataupun dapatan secara utamanya diperoleh daripada sumber primer iaitu temubual penyelidik bersama tokoh melalui pertemuan secara bersemuka. Sepanjang pertemuan, penyelidik merakam temubual dengan mengajukan persoalan kepada tokoh dan menganalisis dapatan yang diperoleh daripada temubual tersebut. Kaedah kajian primer ini berdurasi satu hingga dua jam bagi mendapatkan maklumat yang lebih lengkap dan terperinci yang menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih tepat dan menyeluruh.

3.4 CARTA GANTT PROJEK

Minggu	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14
Aktiviti														
Konsultasi bersama pensyarah														
Perbincangan bersama ahli Kumpulan														
Pemilihan tokoh dan tajuk														
Pemilihan tarikh temubual														
Penyediaan kertas kerja														

Penyediaan soalan dan penyediaan surat menyurat														
Perbincangan semula tarikh temubual (mula menghubungi tokoh)														
Menentukan temukaji														
Temubual dijalankan														
Penghargaan dan Pembentangan														

4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyelidikan atau kajian merupakan satu kaedah yang sesuai untuk mendapatkan maklumat yang tepat, sahih dan tidak ditokok tambah. Kajian yang dilakukan akan dijadikan bukti segala maklumat yang diperolehi. Segala maklumat yang diperolehi semasa dalam penyelidikan akan dicatat dan dijadikan artikel, bibliografi, jurnal dan sebagainya. Informasi tersebut tidak akan disebarkan kepada individu atau organisasi lain kerana ia merupakan rahsia antara orang yang menemu ramah dan individu yang ditemuramah.

5.0 RUJUKAN

Bikram Pal Kaur & Himanshu Aggrawal. (2013). Exploration of Success Factors of Information System. IJCSI International Journal of Computer Science Issues, Vol. 10, Issue 1, No 2, January 2013. ISSN (Print): 1694-0784 | ISSN (Online): 1694-0814. www.IJCSI.org

Brainly. (January 13, 2017). Latar Belakang Seseorang. Retrieved on December 13, 2022 from <https://brainly.co.id/tugas/8987667>

Essays, UK. (November 2013). Major Causes of Information Systems Failure Information Technology Essay. Retrieved from <https://www.ukessays.com/essays/information-technology/major-causes-of-information-systems-failure-information-technology-essay.php?cref=1>

Fossey, E., Harvey, C., McDermott, F., & Davidson, L. (2002). Understanding and evaluating qualitative research. *Australian & New Zealand journal of psychiatry*, 36(6), 717-732.

Holidify. (n.d). Galeria Perdana. Retrieved on December 14, 2022 from <https://www.holidify.com/places/langkawi/galeria-perdana-sightseeing-1259603.html>

Indeed Editorial Team. (30 August 2021). What Is a Librarian? Role Definition and Career Tips. Retrieved on 15 December 2022 from <https://in.indeed.com/career-advice/finding-a-job/what-is-a-librarian>

Kamus Dewan dan Pustaka. (2017). Definisi Ilmu. Retrieved on December 18, 2022 from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=ilmu>

Kamus Dewan dan Pustaka. (2017). Definisi Persefahaman. Retrieved on December 10, 2022 from <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=persefahaman>

Management Information Systems. (1995). Retrieved From
<http://www.occ.gov/publications/publications-by-type/comptrollershandbook/mis.pdf>.

Pengertian Maklumat. (2010). Retrieved From
<http://ms.shvoong.com/socialsciences/communication-media-studies/2072620-pengertian-maklumat/>.

Pengurusan Maklumat Digital. Retrieved from
<https://www.slideshare.net/Fadzliaton/pengurusan-maklumat-digital-11704221>

Perpustakaan Negara Malaysia. (2001). Penubuhan Perpustakaan Negara Malaysia. Retrieved on December 8, 2022 from
https://www.pnm.gov.my/yangpertama/Edu_PNM.htm#:~:text=Setelah%20menduduki%20beberapa%20premis%20ke,dirasmikan%20pada%2016%20Disember%201994

Sistem Pengurusan Maklumat (2009). Retrieved From
<http://www.successideaweb.com/ms/cms/content-managementsystem/sistempengurusan-maklumat>.

Sejarah Perpustakaan di Malaysia. Retrieved from
<https://www.scribd.com/doc/23743961/Sejarah-Perpustakaan-Di-Malaysia>

The University of Edinburgh. (2022). Literature review. Retrieved on December 10, 2022 from
<https://www.ed.ac.uk/institute-academic-development/study-hub/learning-resources/literature-review#:~:text=A%20literature%20review%20is%20a,rather%20than%20a%20literature%20report>

Vermaat, M. E., Sebok, S. L., Freund, S. M., Campbell, J. T., & Frydenberg, M. (2016). Discovering Computers: Tools, Apps, Devices, and the Impact of Technology. Boston: Cengage Learning.